

DN.5.6.2001

[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 5 Jun 2001

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Puan Siti Hawa binti Mohd. Nor** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah berlakunya pemberhentian kakitangan bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat insurans yang telah bercantum.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat di atas soalan ini. Bank-bank yang terlibat dalam program penggabungan telah memberi jaminan bahawa tiada kakitangan akan ditamatkan perkhidmatan mereka secara paksaan atau *force retrenchment*, dengan izin, untuk tempoh sekurang-kurangnya dua tahun selepas selesai proses penggabungan. Sebarang rasionalisasi kakitangan, sekiranya ada, akan hanya dibuat menerusi Skim Pemisahan Sukarela atau Voluntary Separation Scheme di mana pampasan yang sewajarnya akan ditawarkan kepada kakitangan yang ingin menamatkan perkhidmatan mereka dengan institusi perbankan.

Institusi-institusi perbankan yang ingin melaksanakan Skim Pemisahan Sukarela perlu mendapat kelulusan Bank Negara Malaysia terlebih dahulu. Daripada 10 kumpulan bank perbankan domestik, empat kumpulan telah mengesahkan bahawa tiada pemberhentian kakitangan akan dilakukan dalam beberapa tahun yang akan datang kerana bilangan kakitangan yang sedia ada diperlukan bagi mengekalkan operasi mereka yang semakin meningkat. Enam kumpulan perbankan yang lain telah menyatakan kemungkinan melakukan rasionalisasi kakitangan pada tahun 2001 dan 2002. Walau bagaimanapun, jumlah kakitangan yang terlibat dijangka tidak melebihi 10,000 orang.

Pada tahun 2000 seramai 1,001 kakitangan institusi perbankan telah menamatkan perkhidmatan mereka di bawah Skim Pemisahan Sukarela berikutan program penggabungan institusi perbankan domestik. Bagi membantu kakitangan-kakitangan yang terlibat dalam Skim Pemisahan Sukarela ini, kerajaan bersama-sama dengan institusi bank-bank Malaysia atau IBBM dan bank-bank yang terlibat telah menggubal satu program latihan semula yang komprehensif. Program latihan semula ini meliputi bidang-bidang pembangunan, profesional dan latihan teknikal bertujuan untuk melicinkan peralihan kakitangan-kakitangan tersebut ke institusi-institusi lain. Dalam kes penanggung-penanggung insurans yang telah bergabung baru-baru ini masalah pemberhentian pekerja yang ramai tidak timbul.

Pada akhir bulan April 2001 daripada 12 penanggung insurans yang telah bergabung menjadi 6 entiti, hanya satu penanggung insurans telah memberhentikan perkhidmatan 39 kakitangannya. Jumlah ini melibatkan kurang daripada 1% daripada jumlah 4,228 kakitangan penanggung-penanggung insurans yang bergabung. Walaupun jumlah kakitangan yang terlibat adalah masih kecil, Bank Negara Malaysia terus mengawasi perkembangan dalam perkara ini. Terima kasih.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Penerangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat itu amat memberangsangkan kerana tidak ramai kakitangan yang terlibat dari segi perlucutan jawatan sebenar sebab ada latihan dan sebagainya.

Saya ingin bertanya pihak Yang Berhormat, terdapat perbincangan di luar mengatakan bahawa soal penggabungan sebanyak 10 institusi perbankan ini agak secara relatifnya masih besar dibandingkan dengan jumlah penduduk dalam Malaysia. Dan hujah-hujah yang dikeluarkan amat memberangsangkan mengatakan bahawa hanya patut ada wujud tiga atau empat penggabungan. Kalau inilah, apa pendapat pihak kementerian tentang pandangan ini dan apakah rancangan kalau ini berlaku dari segi masalah kakitangan pemberhentian dan sebagainya? Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Ghazi. Sebenarnya apa yang telah kita lakukan sekarang ini dari segi penggabungan bank-bank, daripada 54 buah bank-bank seluruh Malaysia telah kita gabungkan menjadi 10 bank teras atau *anchor bank*, dengan izin, dan memang benar seperti Yang Berhormat Datuk katakan tadi bahawa ada dakwaan yang mengatakan 10 terlalu besar untuk Malaysia yang jumlah penduduknya lebih kurang 22 juta orang lebih.

Tetapi itulah setakat ini keputusan yang telah kita buat berdasarkan kepada kesukarelaan bank-bank tersebut, mereka memilih *partner* masing-masing tanpa ada paksaan atau tekanan daripada mana-mana pihak.

Hasil daripada perbincangan suka sama suka itu, maka wujudlah, lahirlah 10 buah bank seperti yang ada sekarang ini dan ini saya rasa merupakan satu bilangan yang *ideal* untuk masa ini. Mungkin satu hari nanti kita merasakan ini terlalu besar, jumlah ini terlalu banyak dan mungkin akan ada usaha untuk mengurangkannya kepada tiga, empat atau lima dan itu mungkin tidak mustahil boleh berlaku dan kita terus membuka kepada perbincangan ataupun hasil permuafakatan bank-bank ini. Jikalau satu masa nanti mungkin mereka merasakan bilangan ini perlu dikurangkan kepada lima atau empat, maka kerajaan tidak ada halangan terhadap perkara ini.

Jikalau ini berlaku dan ianya melibatkan ramai juga para pekerja yang akan diberhentikan, maka prinsip Voluntary Separation Scheme (VSS) ini masih terpakai dan seperti yang saya katakan tadi bahawa VSS setakat ini mendapat sambutan yang begitu baik, malah National Union of Bank Employees (NUBE) mengatakan bahawa *offer* ataupun ganjaran yang diberikan di bawah VSS ini adalah *attractive* dan menarik.

Jadi, kerana itu Yang Berhormat Datuk, mungkin di masa akan datang kita akan ikut kesesuaian masa tersebut. Terima kasih.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berbalik semula kepada soal penamatan perkhidmatan penggantungan bank yang telah dijawab oleh Setiausaha Parlimen tadi.

Yang Berhormat Datuk, saya ingin untuk mengemukakan pertanyaan, kata Yang Berhormat tadi jika sekiranya berlaku percantuman dan jika berlaku pengurangan tenaga kerja dalam bank-bank yang dicantumkan ini, maka ia perlu mendapat kelulusan daripada Bank Negara. Saya ingin untuk mengemukakan soalan tambahan sama ada perbincangan juga akan diadakan dengan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Bank bagi memastikan VSS ini berjalan dengan lancar dan baik dan tidak ada diskriminasi, pilih kasih yang harus diikuti secara orang cakap '*last come, first to go*'. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Zainal. Memang benar bahawa untuk sesebuah bank ataupun mana-mana kumpulan bank yang bercadang untuk bergabung dan telah pun berlaku penggabungan ini, setakat ini kita ada 10 buah *anchor bank* atau bank teras.

Pertama, Bank Negara mestilah memberikan kelulusannya dan Bank Negara bukan setakat memberikan kelulusan malah terus memonitor, memantau supaya segala syarat ataupun segala apa yang kita perlukan dalam proses penggabungan ini dipatuhi dan dihormati, maka dengan itu dalam setiap perbincangan wakil NUBE terus kita libatkan supaya kita mendapat pandangan daripada NUBE dan mereka boleh mengemukakan sebarang idea ataupun sebarang cadangan bagi memastikan bahawa penggabungan ini akan memberikan manfaat kepada semua pihak ataupun memastikan supaya situasi 'win-win' ataupun semuanya beroleh faedah dan keuntungan akan berlaku.

Jadi, kerana itu pihak Bank Negara sentiasa terbuka dalam perkara ini dan sentiasa ingin memastikan supaya pihak bank akan menjadi kukuh dan kuat hasil daripada gabungan ini dan pihak pekerja yang menerima Skim VSS ini sentiasa diberikan perlindungan ataupun sentiasa diberikan layanan yang memuaskan, adil dan saksama. Terima kasih.

2. **Puan Melanie Chia Chui Ket** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah kementerian mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan penggunaan beg-beg plastik yang tidak terbiodegradasi dan pada masa yang sama mempromosikan penggunaan plastik mudah terbiodegradasi.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang melaksanakan langkah-langkah untuk mengurangkan penggunaan beg-beg plastik yang tidak terbiodegradasi dan penggunaan semula beg-beg plastik sedemikian di bawah program penggunaan semula buangan pepejal secara komprehensif. Usaha untuk menggunakan bahan plastik yang mudah terbiodegradasi pula akan dikaji.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar pula memainkan peranan penting bagi memastikan pelupusan beg-beg plastik yang tidak terbiodegradasi ini tidak mencemarkan alam sekitar. Dalam hal ini, pemusnahan plastik-plastik sedemikian melalui pembakaran dalam incinerator akan mengeluarkan bahan-bahan pencemar di mana kementerian ini melalui Jabatan Alam Sekitar sentiasa memantau dan memastikan supaya bahan-bahan pencemar yang dilepaskan ini mengikut standard yang ditetapkan.

Puan Melanie Chia Chui Ket: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah kajian dijalankan untuk menyelidiki komposisi sampah di negara ini dan adakah Kementerian menyediakan peruntukan untuk penyelidikan pengeluaran plastik yang mudah terbiodegradasi ini. Terima kasih.

Dato' Zainal bin Dahalan: Tuan Yang di-Pertua, mungkin perkara yang Yang Berhormat bangkitkan ini ada kaitannya dengan usaha yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu dalam proses recycling dan juga mengasingkan buangan-buangan sisa pepejal serta sampah-sampah mengikut beberapa kategori yang sedang dijalankan kempen-kempen sekarang ini.

Dari segi kajian, buat masa ini, saya tidak pasti. Mungkin saya boleh membuat kepastian tentang kajian yang dibuat mengenai kesan-kesan dan juga komposisi kandungan-kandungan plastik yang tidak terbiodegradasi ini. Terima kasih.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, sejauh manakah perbezaan penjimatan dan terjamin kesihatan dianalisa di antara penggunaan beg-beg plastik dengan beg-beg terbiodegradasi. Terima kasih.

Dato' Zainal bin Dahalan: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberikan satu jawapan yang tepat di sini oleh kerana kita memerlukan kepada satu kajian yang lebih saintifik untuk memberikan satu analisa tentang perbezaan ataupun buruk baik dan sebagainya di antara penggunaan beg-beg plastik ataupun beg-beg yang disebutkan tadi yang mudah ataupun tidak mudah terbiodegradasi.

Jadi, sekiranya kajian ini telah dibuat dan ada penemuan yang betul-betul konkrit, maka maklumat ini bolehlah kita berikan dengan lebih tepat lagi. Terima kasih.

3. Puan Jamilah binti Ibrahim mita Menteri Pengangkutan menyatakan sejauh manakah penguatkuasaan telah dibuat untuk pemasangan kotak hitam pada setiap kenderaan pengangkutan awam khususnya bas ekspres dan apakah reaksi mereka yang terlibat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, pemasangan alat perakam kelajuan atau kotak hitam hanya diwajibkan ke atas bas ekspres dan bas persiaran sahaja pada masa

ini. Pemasangan kotak hitam ini telah pun dikuatkuasakan mulai 1 Mac 2001 untuk bas-bas terlibat serentak dengan peraturan pemeriksaan berkala di PUSPAKOM.

Selain daripada memasang kotak hitam di PUSPAKOM sebagai kemudahan tambahan kepada pengusaha-pengusaha bas, mereka juga dibenarkan memasang alat tersebut di bengkel yang telah dilantik oleh syarikat DELCOM.

Berhubung dengan isu reaksi pengusaha-pengusaha bas yang terlibat dengan pemasangan alat ini, ianya adalah amat positif dan memuaskan. Berdasarkan maklum balas sesi dialog yang diadakan di antara pihak pengusaha terbabit dengan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan pada 27 Februari 2001 dalam perjumpaan yang diadakan, pengusaha-pengusaha terbabit telah bersetuju sebulat suara untuk mematuhi arahan kerajaan mewajibkan pemasangan alat itu mulai 1 Mac 2001.

Berhubung dengan tindakan penguatkuasaan, ianya hanya akan dimulakan selepas program pemasangan peralatan ini pada semua bas ekspres dan bas pelancong telah disempurnakan.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Berapa lama tempoh dibenarkan untuk diguna pakai bas-bas ekspres oleh pihak Kementerian Pengangkutan. Ini agak keluar sedikit daripada soalan asal tetapi masih di dalam Kementerian Pengangkutan, minta maaf. Akhir-akhir ini didapati bas-bas ekspres kerap kali rosak di pertengahan jalan dan menyusahkan pengguna. Terima kasih.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Buat masa ini kementerian tidak ada syarat untuk bas-bas yang dibenarkan dipakai di jalan raya.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya iaitu bersabit dengan kotak hitam. Pada satu ketika dahulu, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mensyaratkan semua bas, lori memasang lampu di atas untuk memastikan ia control dia punya speed dan akhirnya perkara ini tidak berjalan begitu lancar. Sekarang kerajaan mensyaratkan syarikat bas menggunakan kotak hitam.

Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat, adakah ini merupakan satu tindakan yang permanent, tetap berakhir bagi mengawasi bas-bas ini bergerak menggunakan kotak hitam untuk control speednya dan sebagainya. Semalam saya ingat, barangkali, Tun Sulaiman Ninam Shah ada meminta supaya pelaksanaan

kotak hitam ditangguhkan. Kata Yang Berhormat, mereka semua bersetuju sebelum Mac tetapi semalam sahaja Tun Sulaiman Ninam Shah menyatakan minta ditangguhkan, tidak dilaksanakan. Apa kata Yang Berhormat?

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Terima kasih, Yang Berhormat. Memang Kementerian sedar dengan apa yang dikatakan di surat khabar semalam. Kementerian dengan JPJ akan mengadakan satu mesyuarat lagi bersama dengan persatuan yang berkenaan. Kita pun berharap Yang Berhormat yang berkata di surat khabar boleh datang ke mesyuarat. Memang persatuan telah tukar pandangan mereka atau mereka ada cadangan yang baru. Kementerian akan berbincang bersama-sama mereka.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada tahun 1999, bilangan bas yang terlibat dengan kemalangan adalah 9,721 buah dan untuk tahun 2000, bilangan bas yang terlibat dalam kemalangan adalah 10,107 buah. Perangkaan kematian akibat kemalangan jalan raya untuk kategori pemandu dan penumpang bas adalah seperti berikut. Tahun 1999; 41 orang; tahun 2000; 49 orang.

4. Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani minta Perdana Menteri menyatakan mengenai Program IKIM dalam menghadapi cabaran globalisasi & IT dan cabaran masyarakat Islam Malaysia dalam dunia moden sepanjang tahun 2001. Adakah IKIM bercadang menubuhkan agensi-agensinya di peringkat negeri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin]: Tuan Yang di-Pertua, cabaran yang dihadapi oleh umat Islam ialah untuk menjadi orang yang berjaya dan memimpin di hadapan di dalam semua bidang seimbang dan pada masa yang sama mengekalkan keimanan dan identiti keislamannya.

Cabaran bagi sesebuah negara Islam seperti Malaysia ialah untuk mengekalkan kemerdekaan dan kedaulatan hak-hak yang sah dan pada masa yang sama berusaha bersungguh-sungguh untuk mengisi agenda perubahan dalaman yang diperlukan oleh masyarakat.

Agenda kerjasama di bawah pakatan ummah sejagat dan untuk melakukan hubungan kerjasama secara aman dan produktif dengan negara-negara yang lain di bawah sistem global.

Inilah cabaran yang dihadapi oleh umat Islam dan cabaran ini kekal, tidak berubah mengikut masa sungguhpun pada masa kini, negara kita dan dunia berada

di bawah pengaruh revolusi industri yang baru, yang dibawa oleh teknologi ICT, robotik, bioteknologi dan globalisasi.

IKIM sebagai sebuah dana pemikir, think-tank, dengan izin, memberikan kefahaman terhadap usaha-usaha strategi untuk melakukan pengisian Islam dalam menghadapi cabaran-cabaran yang disebutkan di atas. IKIM berusaha menterjemahkan segala idealisme dan ajaran Islam di peringkat kehidupan dan sosio budaya masyarakat. Setiap umat Islam akan diberi kefahaman ke peringkat yang tinggi sehingga berupaya menterjemahkan ajaran Islam itu kepada nilai-nilai dan perlakuan. Usaha-usaha yang sama dilakukan juga di peringkat keluarga, masyarakat dan pemerintahan negara.

IKIM melakukan usaha-usaha ini melalui kegiatan-kegiatan seperti seminar, forum, majlis diskusi, melakukan hubungan-hubungan terus dengan kumpulan-kumpulan sasaran seperti kumpulan pelajar, belia-belia, ibu bapa dan lain-lain.

Selain daripada itu, IKIM juga melakukan jaringan-jaringan strategik, networking, dengan izin, dengan individu, kumpulan individu, organisasi yang strategik di dalam dan di luar negara bagi mencapai matlamat yang disasarkan.

Bagi masyarakat Islam di Malaysia pada masa ini, selain daripada cabaran-cabaran revolusi industri yang baru, mereka juga menghadapi masalah perpecahan di kalangan masyarakat Islam itu sendiri.

IKIM juga berusaha mengatasi masalah yang amat merbahaya ini dengan memberi kefahaman tentang ajaran dan tuntutan Islam yang sebenarnya. Sebenarnya pemerintahan dan masyarakat Islam di Malaysia kini berada dalam kerangka dan landasan yang betul di dalam usaha pengisian Islam itu. Apa yang perlu difokuskan ialah untuk menggiatkan lagi usaha-usaha pengisian di dalam perkara-perkara yang belum seumpama atau yang masih kekurangan.

Mengenai kemungkinan IKIM berkembang di peringkat negeri-negeri, sebenarnya usaha ke arah ini telah pun dilakukan. IKIM telah pun mempunyai cawangan di Pahang yang bertempat secara sementara di Masjid Besar Kuantan. IKIM juga telah pun melakukan kerja-kerja awal untuk berkembang ke Sabah.

Berdasarkan kemampuan kewangan dan juga keupayaan tenaga kakitangan, IKIM berhasrat untuk berkembang ke negeri-negeri lain bagi memudahkan usaha untuk memberi kefahaman tentang tuntutan dan proses pengisian Islam itu.

Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Sejauh manakah peranan IKIM di peringkat antarabangsa mengenai kefahaman Islam?

Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin: Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha yang telah dilakukan sedang dan akan terus dilakukan oleh IKIM dengan berhubung secara rapat badan-badan Islam di luar negara, baik di peringkat kerajaan-kerajaan luar negara mahupun badan-badan swasta yang boleh kita berusaha untuk bekerjasama dengan mereka.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menyedari hakikat bahawa umat Islam di negara kita dan juga di dunia ini amat ketinggalan di dalam bidang ilmu sains dan teknologi, saya ingin mengetahui daripada pihak kerajaan, adakah pernah membuat kajian menerusi IKIM terutamanya untuk meninjau kenapa orang-orang Islam di Semenanjung, di Sabah dan Sarawak amat ketinggalan dalam bidang ini. Adakah ianya kerana kita terlalu memberi fokus kepada pengajian-pengajian hal akhirat dan ketinggalan dalam duniawi atau bagaimana. Jadi, saya minta penjelasan adakah tinjauan dibuat dan kalau dibuat, apakah keputusannya.

Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu, banyak menyangkut di bawah Kementerian Pendidikan, saya rasa.

Walau bagaimanapun, secara umumnya dapat saya katakan bahawa kita tidak menolak memang kedapatan kesalahfahaman di kalangan masyarakat Islam mengenai ilmu itu sendiri.

Maka, sebab itu, ada juga di kalangan masyarakat kita yang menganggap pengajian ataupun ilmu sains dan teknologi ini tidak begitu dianggap penting ataupun yang tidak perlu diutamakan. Untuk itu, kerajaan menerusi badan-badan agama memberikan atau berusaha untuk menarik perhatian masyarakat betapa pentingnya bidang ilmu sains dan teknologi ini diberi perhatian supaya anak-anak mereka dapat berlumba-lumba masuk ke dalam bidang ilmu.

5. Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman minta Menteri Pertahanan menyatakan jumlah pesara kumpulan pegawai dan lain-lain pangkat mengikut jenis perkhidmatan udara, darat dan laut dan berapakah jumlah yang mendapat pencen di bawah paras RM400 sebulan.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah penerima pencen terdiri daripada bekas-bekas tentera sehingga bulan April 2001 adalah seramai 52,686 orang. Jumlah ini adalah meliputi penerima-penerima pencen perkhidmatan seramai 2,855 orang bekas pegawai dan 43,559 orang daripada bekas anggota lain-lain pangkat.

Manakala seramai 291 orang bekas pegawai dan 5,322 orang bekas anggota LPP telah diberi pencen terbitan, selebihnya seramai 26 orang bekas pegawai dan 633 orang bekas LLP adalah diberi pencen hilang upaya.

Daripada jumlah yang dinyatakan di atas terdapat 2,113 orang yang meliputi seorang bekas pegawai dan 2,112 orang bekas LLP menerima pencen perkhidmatan di bawah paras RM400 sebulan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini kementerian hanya mengendalikan urusan pembayaran pencen untuk tempoh tiga bulan pertama selepas pegawai dan anggota LLP bersara. Selepas tempoh tersebut, urusan pembayaran pencen berkenaan dipindah ke bawah tanggungjawab Jabatan Perkhidmatan Awam bagi Bahagian Pencen.

Sistem pencen yang diuruskan oleh Bahagian Sistem Maklumat Pencen, JPA adalah dibuat secara keseluruhan yang meliputi semua perkhidmatan awam termasuk perkhidmatan tentera. Maklumat yang disimpan tersebut bagaimanapun tidak dipecahkan mengikut perkhidmatan Tentera Darat, Laut dan Udara.

Sekiranya Yang Berhormat masih memerlukan maklumat berkenaan secara terperinci, kementerian akan cuba untuk menyediakannya dan ia akan memerlukan sedikit masa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi langkah meningkatkan keberkesanan sistem maklumat persaraan tentera di masa hadapan, kementerian akan cuba menyediakan ruang dalam sistem maklumat pencen yang berkaitan mengikut pecahan perkhidmatan tentera.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, tetapi sebelum itu saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada seorang ASP dan Leftenan General Zaini yang telah dikurniakan pingat Gagah Berani - yang tertinggi sekali - atas kegigihan mereka untuk mengatasi satu keadaan yang amat mencemaskan.

Soalannya begini, kalau inilah penghormatan yang diberikan oleh kerajaan kepada mereka yang berani-berani ini, saya rasa kecewa sedikit kerana wujudnya

mereka yang bersara daripada tentera ini yang mendapat kurang daripada RM400. Jadi, saya hendak tahu apakah program kerajaan bagi menentukan tidak wujud bekas-bekas perajurit yang miskin atau termiskin dengan wujudnya pendapatan pencen seperti ini.

Jadi, apakah usaha-usaha penambahan kepada mereka ini supaya mereka ini terbebas daripada tahap kemiskinan.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Dato' Abdul Aziz di atas persoalan yang beliau bangkitkan tadi. Pihak Kementerian Pertahanan telah mengambil beberapa langkah, termasuk pihak kerajaan telahpun memutuskan untuk menaikkan tahap pencen ini sehingga 40% daripada pencen gaji, iaitu separuh daripada gaji yang asal dan telah diluluskan baru-baru ini oleh pihak kerajaan.

Di samping itu, pihak kementerian seperti yang saya sebutkan minggu yang sudah, telah mewujudkan satu jabatan khas khusus untuk mengendali agar kebajikan dan keselesaan bekas pesara ini akan dijaga dengan baik, dan mereka bukan hanya perolehi imbuhan daripada pencen, bahkan juga peluang untuk mendapat pekerjaan selepas bersara daripada perkhidmatan ketenteraan. Di samping itu mereka mempunyai peluang perniagaan selepas bersara daripada tentera, bahkan juga peluang ditawarkan pelbagai modal (*capital*) termasuklah program PROSPER dan program-program yang dikendalikan oleh badan-badan seperti PERHEBAT dan juga ATAT. Pihak kementerian memandang serius bahawa sumbangan mereka mempertahankan negara kita selama ini amat bermakna dan amat murni sekali.

Tuan K.R.A. Naidu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adalah dikatakan bahawa ramai pemuda dari golongan India dan Cina tidak berminat menyertai perkhidmatan tentera. Apakah sebab-sebabnya dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pertahanan untuk menarik lebih ramai bukan bumiputera dalam perkhidmatan udara, darat dan laut. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat nyatakan bahawa sebilangan rakyat di negara ini tidak berminat untuk memasuki perkhidmatan tentera termasuk udara, darat dan laut dan perkara ini telah pun dibangkitkan terdahulu daripada ini. Dan saya nyatakan bahawa sebahagian daripada faktor yang menyebabkan mereka ini tidak berminat ialah oleh kerana keadaan pasaran daripada luar yang menjadi agak kompetitif berbanding dengan

perkhidmatan ketenteraan contohnya imbuhan gaji dan juga imbuhan keselesaan dalam perkhidmatan. Tidak banyak manusia yang rela untuk berkhidmat selama enam jam ataupun 12 jam di hutan belantara, pegang senapang dan melihat hanya hutan belantara, kemungkinan kalau berlaku pencerobohan-pencerobohan, maka melihat musuh-musuh yang lain. Apa yang penting bagi kita, kita berharap agar rakyat di negara ini tidak mengira apa kaum dan agama mereka, harus lahir di hati mereka untuk ingin berkhidmat untuk negara kita. Bukan hanya imbuhan gaji semata-mata yang menjadi tarikan tetapi harus ada pengorbanan di antara generasi kita untuk ingin melihat bahawa perkhidmatan ketenteraan ini sebahagian daripada amalan yang baik, yang bukan hanya dituntut oleh agama bahkan juga untuk menjaga ketenteraman dan keselamatan negara kita.

Dan kita berharap generasi yang ada sekarang ini akan tertarik untuk memasuki perkhidmatan ketenteraan dan memberi perkhidmatan yang baik tanpa mengira gaji. Walaupun gaji agak rendah, kita nyatakan bahawa pihak kementerian akan berusaha untuk mempertingkatkan dan memberi pelbagai tarikan, insentif sekurang-kurangnya ia menjadi satu seakan-akan, *just to entice*, orang bilang, *the young generation* - dengan izin - untuk memasuki perkhidmatan ketenteraan ini dan saya berharap menerusi program-program seperti kadet dan juga pelapis, generasi-generasi muda kita akan dapat terdorong dan dibina semangat mereka untuk memasuki pasukan keselamatan negara kita.

6. Datuk Christina Tibok Vanhouten minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan adakah kementerian sedar tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh kontraktor kecil PKK dalam pembaharuan lesen-lesen mereka kerana dokumen-dokumen seperti KWSP, SOCSO, Perjanjian Sewa Pejabat, Form 24 dan 29, 'Memorandum and Articles of Association' dan Penyata-penyata Tahunan semestinya disalinkan dan di 'Certified True Copy' dan kos untuk semua ini adalah mahal serta tindakan susulan kementerian untuk mengatasi masalah tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan [Datuk Rizalman bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Selaras dengan fungsi PKK sebagai pusat pendaftaran kontraktor kerja awam dan elektrik serta memberi perkhidmatan nasihat, atau bimbingan kepada kontraktor, kementerian sememangnya sentiasa mengambil perhatian tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh kontraktor kecil. PKK dari masa ke semasa mengadakan perjumpaan dengan persatuan-persatuan kontraktor bagi mendengar masalah-masalah dan mengambil tindakan susulan khususnya dari segi pendaftaran kontraktor.

Program-program kursus dan seminar juga dilaksanakan oleh PKK untuk meningkatkan kemahiran serta prestasi kontraktor-kontraktor berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dokumen-dokumen seperti Form 24 dan 49 penyata KWSP atau SOCSO adalah perlu dikemukakan semasa pembaharuan lesen PKK kerana ianya penting bagi PKK membuat semakan. Sebagai contoh, borang 24 perlu dikemukakan untuk menyemak pemegang-pemegang saham dalam syarikat dan sekiranya berlaku tambahan atau perubahan saham, borang 49 pula bagi menyemak senarai pengarah syarikat, manakala salinan caruman KWSP bagi membolehkan PKK menyemak ahli pengurusan penting syarikat termasuk kakitangan teknikal.

Mengenai dokumen-dokumen yang perlu disahkan, sukacita dijelaskan bahawa hanya salinan borang-borang yang berkaitan dengan pendaftaran syarikat sendirian berhad seperti Borang 24 dan 49 yang perlu disahkan oleh Pendaftar Syarikat (ROC).

Bagi kontraktor kecil khususnya kelas F, kebanyakannya syarikat-syarikat berdaftar dengan pendaftar perniagaan atau ROB.

Bagi tujuan pembaharuan lesen, salinan borang A, borang B dan borang D pendaftar perniagaan boleh disahkan oleh pendaftar perniagaan, pegawai kerajaan kumpulan A ataupun penghulu.

Bagi dokumen-dokumen lain, seperti KWSP, SOCSO dan salinan kad pengenalan tidak perlu disahkan oleh mana-mana pihak, manakala dokumen-dokumen lain seperti salinan sijil kelulusan sekiranya ada perubahan hanya perlu disahkan oleh pegawai kerajaan kumpulan A atau penghulu.

Berdasarkan maklumat di atas, adalah tidak benar bahawa salinan dokumen-dokumen yang diperlukan oleh PKK semasa pembaharuan pendaftaran, khususnya bagi kontraktor kecil melibatkan kos yang mahal. Terima kasih.

Datuk Christina Tibok Vanhouten: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada kementerian yang berkenaan kerana memberi penjelasan yang begitu baik. Pada masa ini lesen-lesen PKK perlu dibaharui setiap tahun. Jika kontraktor-kontraktor kecil dapat kerja ini tidaklah begitu berat untuk mereka, tetapi untuk yang tidak dapat kontrak kerja memang beratlah. Soalan saya, adakah kementerian berhasrat untuk memanjangkan tempoh lesen-lesen PKK kepada tempoh yang lebih panjang daripada apa yang ada sekarang. Terima kasih.

Datuk Rizalman bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Datuk. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Usahawan khususnya PKK belum bercadang untuk memanjangkan tempoh pemilikan lesen oleh syarikat-syarikat atau kontraktor-kontraktor untuk dua tahun yang sedia ada sekarang. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya pembaharuan ataupun bayaran-bayaran untuk pendaftaran PKK ini telahpun dibuat kajian dan kita buat masa ini berpendapat bahawa bayaran yang sedia ada pada masa ini adalah bersesuaian. Sebagai contoh, untuk pendaftaran kelas F bayarannya selama dua tahun ialah RM5,000; bagi kelas B – RM3,000; kelas BX – RM1,500; kelas C – RM500; kelas D – RM250; kelas E – RM150; kelas EX – RM80 dan kelas F cuma RM50 sahaja.

Jadi, kerajaan berpendapat bahawa bayaran-bayaran ini adalah masih sesuai atau relevan buat masa ini.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya, berkenaan dengan kontraktor kecil terutama sekali kelas F di seluruh negara ini, berapakah kedudukan jumlah mereka setakat ini dan apakah kerajaan bercadang supaya tidak menyamakan proses pendaftaran berbanding dengan kelas-kelas lain. Ia amat merumitkan kerana kita tahu bahawa kontraktor kelas F ini biasanya, dengan izin, *sole proprietor*, dan memang mempunyai banyak masalah dari segi pengurusan.

Apakah kerajaan bercadang supaya kontraktor kelas kecil seperti F ini, disambung secara, dengan izin, *instant renewal*, iaitu diberi pembaharuan secara automatik kerana kita tahu bahawa semua pemegang-pemegang kelas F ini adalah 100% bumiputera yang pastinya tidak dapat menipulah dari segi pendaftaran dan sebagainya berbanding dengan kelas-kelas yang lebih besar.

Datuk Rizalman bin Abdullah: Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Rosli bin Mat Hassan. Tuan Yang di-Pertua, jumlah kontraktor-kontraktor kecil atau bumiputera dalam kelas 'F' sehingga 11 Mei 2001 ialah 21,557 untuk seluruh negara. Bagi kontraktor bukan bumiputera ialah berjumlah 3,811 syarikat. Mengenai dengan pembaharuan secara automatik ini kepada syarikat-syarikat kecil khususnya kontraktor kelas 'F', ini tidak boleh dilakukan ataupun dibuat secara automatik, oleh kerana syarikat-syarikat yang berdaftar dengan pusat khidmat kontraktor ini mempunyai untuk mendapatkan kelulusan dan sebagainya perlu ada syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh semua syarikat-syarikat.

Kadang-kadang itu, syarikat-syarikat yang berkenaan ada yang tidak mahu membaharui lesennya setelah tamat tempoh. Jadi, untuk itu banyak lagi sebab-sebab lain yang perlu dikaji sekiranya pendaftaran ini mahu diadakan secara atau kelulusan untuk pendaftaran ini dibuat secara automatik. Jadi, buat masa ini, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita tidak mengadakan pendaftaran secara automatik. Terima kasih.

7. **Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad** minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan penyakit buah pinggang amat membahayakan manusia dan sekarang rakyat Malaysia dianggarkan ramai yang menghidap penyakit tersebut, apakah usaha berkesan pihak kementerian untuk mengelakkan rakyat ditimpa penyakit ini, atau mencegah sebelum terkena. Adakah kaedah yang boleh mengenal pasti orang-orang yang bakal ditimpa sakit buah pinggang

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S.G. Sothinathan]:

Tuan Yang di-Pertua, didapati 40% daripada penyebab penyakit buah pinggang ini ialah kerana kencing manis yang tidak terkawal. Perangkaan ini menyamai perangkaan negara-negara maju. Begitu juga penyebab lain seperti darah tinggi. Kawalan kencing manis dan darah tinggi yang baik dapat mengurangkan risiko untuk mengawal penyakit buah pinggang. Kementerian Kesihatan sentiasa menekankan pentingnya cara hidup sihat. Mengurangkan berat badan, bersenam dan pengambilan diet yang betul adalah penting. Pendidikan kesihatan diberi disemua hospital utama kerajaan mengenai kepentingan kawalan kencing manis dan darah tinggi.

Puan Chew Poh Thoi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan syabas kepada kementerian yang telah menubuhkan sebuah pusat hemodialisis di Hospital Tanjong Malim yang telah diturunkan ke taraf pusat kesihatan. Penurunan taraf pusat kesihatan ini telah menimbulkan kesulitan kepada para penduduk kawasan Tanjong Malim terutama kerana pusat kesihatan ini berfungsi pada waktu pejabat sahaja dan kemudahan penjagaan kesihatan tidak lagi diberi sepanjang masa.

Soalan saya, adakah kemungkinan Hospital Tanjong Malim dinaikkan taraf sebagai sebuah Hospital Desa sekurang-kurangnya, perkhidmatan doktor boleh diperolehi pada setiap masa serta perkhidmatan ambulans dapat diadakan semula untuk kemudahan penduduk kerana berhampiran dengan hospital ini terdapat sebuah universiti, beberapa sekolah rendah dan sekolah menengah. Sebab itu para

pelajar di samping penduduk kawasan Tanjong Malim amat memerlukan kemudahan penjagaan kesihatan yang cekap dan sedia ada pada setiap masa. Terima kasih.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Hospital Tanjong Malim ini dijadikan sebuah klinik kesihatan selepas penyiapan Hospital Slim River. Jadi, mengikut konsep yang diamalkan oleh Kementerian Kesihatan, di mana setiap klinik kesihatan itu cuma berfungsi pada masa-masa waktu pejabat dan di Hospital Tanjong Malim – ini memang tidak menjejaskan kemudahan dialisis yang disediakan di hospital-hospital di klinik tersebut.

Namun demikian, untuk keselesaan pengguna ataupun penduduk di kawasan berhampiran untuk perkhidmatan kecemasan, mereka hendaklah pergi ke Hospital Slim River tetapi Klinik Kesihatan Tanjong Malim tetap memberikan perkhidmatan seperti ambulans pada kes-kes kecemasan.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, kita dapati bahawa kos rawatan untuk mencuci buah pinggang adalah terlalu mahal dan lazimnya tidak termampu dibiayai oleh kebanyakan rakyat biasa. Kita juga dapati rakyat yang ditimpa musibah ini kadangkala terpaksa meminta derma, malah saya berani kata ada yang terpaksa meminta sedekah di merata tempat bagi menampung kos rawatan ini.

Soalan tambahan saya, berapakah kos yang dikenakan bagi penyakit buah pinggang untuk menggunakan mesin mencuci pinggang pada sekali penggunaan? Lazimnya berapa kalikah, seseorang itu terpaksa menggunakan mesin tersebut dalam seminggu? Dan, apakah kementerian boleh dalam peruntukan yang akan datang menyediakan rawatan percuma kepada rakyat miskin bagi menggunakan mesin buah pinggang itu? Terima kasih.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, untuk penyakit buah pinggang ini pesakit terpaksa menjalankan hemodialisis sebanyak 2 kali seminggu dan di hospital ataupun di klinik-klinik kerajaan, kita cuma mengenakan bayaran sebanyak RM13 kepada pesakit untuk menjalankan hemodialisis, tetapi di pihak swasta pula bayarannya dianggarkan sebanyak RM150 hingga RM200. Kerajaan juga memberikan subsidi kepada pesakit-pesakit yang pergi kepada mereka. Kerana kekurangan/ketidalcukupan mesin-mesin dialisis ini di klinik kerajaan, kita juga berikan subsidi kepada hemodialisis centre yang dikendalikan oleh NGO's di mana kerajaan memberikan subsidi sebanyak RM50 kepada pesakit-pesakit.

Jadi, kerajaan juga terus di bawah tahun 2001 hingga 2005 sedang berusaha untuk meningkatkan bilangan mesin hemodialisis. Tetapi cara yang lebih baik, saya rasa adalah melalui pencegahan kerana kalau kita tidak mengadakan pencegahan atau amalan hidup yang sihat saya rasa pada masa yang akan datang lebih banyak lagi yang akan menghadapi penyakit buah pinggang ini. Jadi, satu caranya ialah walaupun kita terus menambahkan bilangan hemodialisis di hospital-hospital kerajaan tetapi cara yang paling baik adalah dengan adanya sistem pencegahan iaitu cara amalan hidup yang sihat, itulah yang paling penting.

Sebenarnya penyakit diabetes ini adalah satu-satunya punca adalah juga 'heridritry', jadi di mana kita mengetahui bahawa kita ada sejarah dalam keluarga kita yang menghadapi penyakit kencing manis adalah lebih baik kita mengambil langkah pencegahan daripada awal lagi.

8. **Dato' William Lau Kung Hui** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa banyakkah yang telah dibelanjakan oleh kerajaan pada tahun 2000 bagi maksud kempen dadah, termasuk pendedahan dalam televisyen (TV commercial); dan
- (b) memandangkan ada pendedahan dalam televisyen yang menunjukkan keadaan penagih-penagih dadah yang begitu menyedihkan dan pendekatan yang digunakan sengaja dipenuhi emosi dan boleh menimbulkan kemarahan adalah berkesan, adakah kerajaan akan menambahkan kempen, menggunakan media televisyen dalam rancangan belanjawan bagi tahun 2001 ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjelaskan kepada soalan Yang Berhormat Datuk William Lau Kung Hui, berikut ialah:

- (a) dalam tahun 2000, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM1.2 juta kepada Agensi Dadah Kebangsaan untuk menjelaskan aktiviti-aktiviti pencegahan dadah di seluruh negara. Kebanyakan kempen yang disiarkan di televisyen adalah dengan kerjasama pihak televisyen sendiri.
- (b) Dalam usaha-usaha menangani gejala penyalahgunaan dadah dalam negara Agensi Dadah Kebangsaan telah dan sedang menjalankan kempen-kempen pencegahan di seluruh negara seperti mengadakan ceramah-ceramah, pameran serta dialog-

dialog dengan pemimpin masyarakat, ibu bapa, majikan, golongan belia dan pengusaha-pengusaha pusat-pusat hiburan. Kempen-kempen di media massa termasuk televisyen juga telah diadakan. Kempen-kempen seperti ini akan terus dijalankan dengan harapan masalah penyalahgunaan dadah di negara ini dapat dihapuskan menjelang tahun 2015. Semua program dan rancangan pencegahan ini hendaklah disokong oleh masyarakat terutamanya ibu bapa dengan bersungguh-sungguh. Sekian.

Puan Safinah binti Jusoh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Setakat manakah 'Kempen Anti Dadah' ini dijalankan di peringkat sekolah-sekolah? Terima kasih.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Minta ulangi, hujung saya tidak dengar.

Puan Hajah Safinah binti Jusoh: Setakat manakah 'kempen anti dadah' ini dilaksanakan di peringkat sekolah-sekolah?

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada soalan itu, dan saya terima kasih juga kepada Yang Berhormat kerana minat kepada kempen-kempen ke sekolah-sekolah. Memangnya pihak anti dadah kerajaan menggunakan masa untuk pergi ke sekolah-sekolah di negara kita dan kempen ini diteruskan di peringkat sekolah kerana pada masa kini difahamkan pihak-pihak pengedar dadah ini sudah menjalar kepada sekolah-sekolah. Jadi, intensif kempen sedang dan akan dilaksanakan di sekolah-sekolah. Terima kasih.

Puan See Too Mee: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada kempen dadah dan pendedahan dalam televisyen yang sedia ada dalam bahasa Malaysia, adakah pihak kementerian bercadang ianya perlu juga dianjurkan dan disiarkan dalam bahasa Tamil dan Mandarin. Terima kasih.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah satu pandangan yang baik dan kita akan selaraskan kempen ini dalam bahasa-bahasa yang lain. Terima kasih.

9. **Tuan Haji Karim bin Salleh** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah kriteria utama bagi melayakkan seseorang pelajar masuk ke sekolah bestari dan setakat ini berapa jumlah sekolah bestari yang telah dibina di negara ini sebagai salah satu aplikasi perdana Koridor Raya Multimedia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan tidak menentukan kriteria tertentu bagi seseorang pelajar untuk memasuki sekolah bestari. Setakat ini sebanyak 90 sekolah projek rintis bestari telah beroperasi. Sekolah-sekolah tersebut terdiri daripada sekolah-sekolah yang sedia ada dan juga sekolah-sekolah baru.

Misalnya:

Negeri	Bil. Sekolah
Perak	9
Selangor	12
Pahang	6
Kelantan	6
Johor	9
Kedah	6
Melaka	2
Negeri Sembilan	6
Pulau Pinang	3
Perlis	2
Terengganu	4
Wilayah Persekutuan	12
Sabah	7
Sarawak	6

Selanjutnya, ingin saya memaklumkan kepada Yang Berhormat dan ahli-ahli di Dewan ini bahawa menjelang 2005, kementerian merancang 100 buah sekolah bestari level 'A'. Untuk tahap ini maknanya, setiap bilik darjah disediakan 7 buah komputer, 2 makmal komputer, di mana setiap satu makmal mempunyai 21 komputer; bilik guru – 1 komputer; pejabat dan pusat sumber.

Di samping itu, 600 buah sekolah bestari level 'B' di mana setiap bilik darjah disediakan 1 komputer; 1 makmal komputer; 5 komputer di bilik guru; 10 di pusat sumber dan 3 di pejabat sekolah. Ingin juga saya nyatakan di sini bahawa pihak kerajaan kita di bawah pimpinan Barisan Nasional tidak mengabaikan mana-mana negeri walaupun negeri itu adalah di bawah kerajaan negeri parti yang lain daripada Barisan Nasional.

Misalnya, tadi saya sebut, di Kelantan pun kita ada sekolah bestari sebanyak 6 buah sekolah dan di Terengganu juga kita ada 4 buah. Jadi, ini adalah untuk makluman Yang Berhormat sekalian bahawa kita melakukan keadilan dari segi pendidikan oleh Barisan Nasional. Terima kasih. *[Tepuk]*

Dato' Dr. T. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan yang telah mengambil usaha

mereka untuk menukarkan sekolah-sekolah di negara kita untuk sekolah bestari dan juga dalam Rancangan Malaysia Kelapan beberapa sekolah akan ditukar daripada sekolah biasa ke sekolah bestari dan juga saya difahamkan 8,000 sekolah akan diberi kemudahan komputer. Daripada bilangan yang telah disebut oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, berapakah sekolah SJK(T) dan SJK(C) ditukar kepada sekolah bestari dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Memandangkan kepada soalan itu agak spesifik, buat masa ini saya tidak boleh beri secara terperinci. Walau bagaimanapun, apa ingin saya nyatakan di sini kebanyakan sekolah ini khususnya SJK(C) dan SJK(T), kita juga akan berikan komputer tadi. Tetapi untuk menyatakan berapa banyak dan sebagainya tidak dapat saya nyatakan secara terperinci. Walau bagaimanapun, saya akan cuba memberi ini secara terperinci kepada Yang Berhormat kemudian.

Ingin juga saya nyatakan, apabila kita menyebut sekolah bestari tidaklah bermakna bahawa anak kita yang dihantar itu bila keluar sekolah itu menjadi bestari. Ini adalah hanya kaedah di mana pengenalan teknologi maklumat tadi diperkenalkan dan juga guru-guru yang terlatih dalam bidang itu untuk menyampaikan mata-mata pelajaran tadi dalam apa sahaja melalui penggunaan komputer. Jadi, dalam hal ini ingin saya nyatakan juga kepada Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu bahawa ada terdapat sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina yang mana saya telah lawati telah pun dilengkapi dengan makmal komputer. Malah di antara sekolah-sekolah ini mempunyai komputer yang begitu canggih jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah yang kita sebut tadi menjadikan sekolah bestari.

Jadi, jangan bimbang Yang Berhormat, segala macam kemudahan ini dapat kita sediakan kepada sekolah-sekolah kebangsaan kita termasuk sekolah jenis kebangsaan sama ada Cina mahupun Tamil. Terima kasih.

Dato' Poo Yew Choy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada tahun ini Kerajaan Singapura telah menawarkan biasiswa secara pinjaman kepada 600 pelajar termasuk semua kaum dari sekolah menengah swasta Cina dan sekolah menengah kebangsaan negara kita untuk melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi atau universiti Singapura. Biasiswa secara pinjaman itu tidak perlu dibayar balik jika pelajar-pelajar bersetuju dan berkhidmat dengan Kerajaan Singapura selama tiga tahun dan juga sikap Kerajaan Singapura menawarkan

kedudukan PR, dengan izin, dan warganegara Singapura kepada mereka. Saya ingin tahu apakah cadangan pihak kerajaan untuk menghalang sumber manusia yang mahir dan cekap dan berilmu itu. Sekian, terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya soalan Yang Berhormat ini tidak ada kena mengena dengan sekolah bestari. Walau bagaimanapun, ada perkataan 'bestari' tadi iaitu penuntut yang mahir. Jadi, saya cuba juga untuk menjawab itu walaupun saya tahu ia tidak menjerus kepada sekolah bestari.

Perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi saya kira itu bukan perkara baru. Apa yang dilakukan oleh bukan sahaja kerajaan Singapura, malah kerajaan Britain, kerajaan Germany, kerajaan Perancis, kerajaan Amerika ini bukan perkara baru dan kita tidak akan menyekat mana-mana pihak untuk mendapat biasiswa ataupun pinjaman daripada mana-mana pihak meneruskan atau melanjutkan pendidikan mereka.

Dalam hal ini, saya faham apakah maksud Yang Berhormat tadi untuk membangkitkan penuntut-penuntut yang begitu bak, cemerlang dalam keputusan peperiksaan mengapa mereka tidak diberi tempat. Saya rasa ini telah pun kita selesaikan. Malah macam jawapan saya pada minggu yang lalu saya rasa itu telah pun diberi jawapan. Kita tidak mengabaikan sama sekali bagi penuntut-penuntut yang mendapat keputusan yang cemerlang, malah itu telah diselesaikan oleh pihak kementerian. Malangnya, di antara kita sesetengah daripada mereka apabila kita beri tempat untuk kursus yang lain mereka tidak terima, sebab kita juga mempunyai tempat-tempat yang terhad. Misalnya, kalaulah semua orang hendak buat kursus A, katalah kita mempunyai hanya 30 tempat sahaja untuk membuat kursus A, misalnya saya ambil contoh. Tiba-tiba yang hendak memasuki itu 100 orang, jadi kita tidak dapat pertimbangkan. Oleh yang demikian, kita bawa mereka yang lebih itu kepada kursus yang lain dan mereka tidak hendak mengambil kursus-kursus itu.

Walaupun bagaimanapun, kita cuba selesaikan masalah itu dengan sebaik-baiknya, dan kita tidak akan menghampakan bagi mereka yang mendapat keputusan yang cemerlang.

Sebagai maklumat Yang Berhormat juga, saya harus nyatakan di sini pihak kerajaan kita masih mengeluarkan biasiswa dan biasiswa itu amat terhad. Misalnya, biasiswa daripada JPA dan biasiswa daripada Kementerian Pendidikan selain daripada kita mewujudkan tabung ataupun dana yang kita hari ini

dipopularkan dengan nama PTPTN. Saya beri jaminan kepada Yang Berhormat kita dapat selesaikan masalah ini dan kita tidak menahan mana-mana pihak untuk memberi tawaran biasiswa kepada mereka yang cemerlang. Terima kasih.

10. **Tuan Zainal bin Rampak** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan adakah beliau sedar sejumlah besar kakitangan yang bekerja dengan Syarikat SME Technologies (M) Sdn. Bhd. tidak diambil semula bekerja kerana mereka adalah ahli kesatuan setelah SME Technologies ditutup dan diletakkan di bawah Syarikat SME Ordinance.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat Senator Tuan Zainal bin Rampak bersama-sama soalan yang dikemukakan oleh beliau pada esok hari 6 Jun 2001 kerana kedua-dua soalan tersebut adalah berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, penutupan Syarikat SME Technologies (M) Sdn. Bhd. (SMET) berkuat kuasa pada 28 Februari 2001. Sebelum penutupan Seksyen SMET berlaku, pihak pengurusan syarikat ada mengambil beberapa tindakan untuk memindah atau menukar pekerja-pekerja yang mempunyai kemahiran tertentu kepada anak-anak syarikat di bawah SMET dan syarikat-syarikat berseku tunya kerana kemahiran pekerja berkenaan masih diperlukan.

SME Ordinance Sdn. Bhd. merupakan salah satu syarikat berseku kepada Syarikat SMET oleh kerana di dalam kontrak perkhidmatan di antara Syarikat SMET dan pekerja-pekerjanya tidak mempunyai klausa bahawa syarikat SME boleh menukar atau memindah mereka ke SME Ordinance Sdn. Bhd., maka tawaran untuk meminda atau menukar ke SME Ordinance Sdn. Bhd. adalah dibuat secara sukarela berasaskan kepada kemahiran tertentu yang diperlukan. Pekerja-pekerja yang tidak menerima tawaran untuk bekerja dengan SME Ordinance Sdn. Bhd. telah diberhentikan kerja dan dibayar faedah-faedah pemberhentian mengikut peruntukan di dalam perjanjian bersama di antara syarikat dengan kesatuan sekerja.

Dakwaan mengenai pilih kasih dan anti kesatuan yang dilaksanakan oleh syarikat baru adalah satu dakwaan yang tidak benar sama sekali. Dari seramai 200 pekerja yang telah diberhentikan kerja, bekas pekerja yang ditawarkan kerja semula adalah seperti berikut:

- (i) SMEA (Aerospace) -

- bilangan pekerja yang diambil bekerja - 62 orang
 - bilangan hadir untuk temu duga - 105 orang
 - ahli kesatuan yang diambil bekerja semula - 40 orang
- (ii) SMEO (Ordinance) -
- bilangan pekerja yang diambil bekerja - 27 orang
 - bilangan hadir untuk temu duga - 42 orang
 - ahli kesatuan yang diambil bekerja semula - 13 orang
- (iii) SMEA (Aviation) -
- bilangan pekerja yang diambil bekerja - 10 orang
 - bilangan hadir untuk temu duga - 16 orang
 - ahli kesatuan yang diambil bekerja semula - 3 orang

Hampir 57% pekerja yang diambil bekerja semula adalah daripada ahli kesatuan sekerja. Terima kasih.

Tuan Zainal bin Rampak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya kira dari jumlah apa yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat tadi jelas menunjukkan jumlah mereka ahli kesatuan yang diambil bekerja walaupun kata Yang Berhormat 57%, tetapi mengikut jangkaan adalah berkurangan sekali. Saya mempunyai bukti-bukti yang jelas atas perkara ini wujudnya penindasan dan pilih kasih yang mengasingkan antara yang bukan ahli kesatuan dan pemimpin ke satuan digugurkan daripada diambil bekerja.

Jika sekiranya Yang Berhormat bersetuju, saya bersedia untuk menemui beliau untuk mengemukakan fakta-fakta yang lebih jelas dan nyata bahawa wujudnya pilih kasih. Besar kemungkinan saya tak tahu apa yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat tadi adalah maklumat (information) yang diberi oleh pegawai-pegawai kementerian tetapi saya mempunyai bukti yang lebih kukuh dan cukup membuktikan bahawa terdapat pekerja-pekerja yang telah ditamatkan perkhidmatan dari kalangan pemimpin kesatuan dan mereka sendiri telah berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri menjelaskan perkara yang sama terhadap wujudnya pilih kasih yang dilakukan oleh syarikat tersebut terhadap pemimpin-pemimpin kesatuan. Terima kasih.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, itu dakwaan Yang Berhormat Senator Tuan Zainal bin Rampak yang juga Presiden MTUC. Apa maklumat yang kita dapat dan saya nyatakan tadi adalah maklumat yang benar dan

jika Yang Berhormat masih tidak puas hati, kementerian memang sentiasa membuka peluang dan platform.

Kita kena ingat bahawa salah satu daripada polisi yang ada dalam kerajaan khususnya dalam mewujudkan keharmonian perindustrian adalah, dengan izin, *the ability to hire and fire by the employer*. Cuma kerajaan perlu memastikan yang suasana pengambilan pekerja dan pembuangan pekerja perlulah diadakan dalam suasana '*wal-adl bil-ihسان*' - adil dan ada sifat ihsan. Jadi, kalau Yang Berhormat Presiden MTUC masih lagi tak puas hati boleh kemukakan kepada saya selepas ini di luar. Terima kasih.

11. **Tuan Abdillah bin Abdul Rahim** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah kriteria dan kelayakan bagi sesebuah bandar untuk dinaik taraf menjadi bandar raya dan apakah faedah dan kemudahan yang diberi kepada sesebuah bandar raya.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk M.

Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, kriteria bagi kenaikan taraf sesebuah majlis bandaran kepada majlis bandar raya adalah seperti berikut:

- (i) pusat pentadbiran sesebuah negeri;
- (ii) penduduknya tidak kurang dari 300,000 orang;
- (iii) berautonomi dari segi kewangan dan dengan hasil tahunan tidak kurang dari RM80 juta;
- (iv) mengalami perkembangan dan pembangunan ekonomi yang pesat;
- (v) pusat perniagaan dan perindustrian serta mempunyai institusi kewangan yang kukuh;
- (vi) merupakan pusat pengajian tinggi lengkap dengan maktab-maktab, universiti-universiti dan perpustakaan;
- (vii) mempunyai ciri-ciri istimewa dari segi sejarah yang panjang dan pusat aktiviti kebudayaan serta sukan yang penting.

Faedah bagi sesebuah bandar raya adalah berdasarkan imejnya sendiri dan pengiktirafannya sebagai sebuah bandar raya dari segi faedah bagi penarikan pelaburan imej di peringkat antarabangsa dan sebagainya.

Buat masa ini, pihak kerajaan tidak memberi apa-apa faedah atau kemudahan khas sama ada dari segi bantuan kewangan atau faedah lain kepada bandar raya oleh kerana sesebuah pihak berkuasa tempatan (PBT) yang bertaraf

bandar raya sudah pun mempunyai kedudukan yang kukuh dari aspek kewangan dan pembangunan. Ini dengan sendirinya dapat dilihat dari kriteria bagi kenaikan taraf PBT kepada taraf bandar raya di mana kriterianya termasuklah hasil tahunan yang melebihi RM80 juta, bilangan penduduk melebihi 300,000 orang, mempunyai aktiviti-aktiviti perniagaan dan perindustrian serta kemudahan-kemudahan dan infrastruktur dari aspek pengajian tinggi, kebudayaan sukan dan lain-lain. Ini juga menjadi galakan dan dorongan kepada PBT untuk mempertingkatkan usaha dan kualiti perkhidmatan mereka supaya mencapai tahap di mana mereka akan diberi pengiktirafan sebagai sebuah bandar raya. Sekian, terima kasih.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ke atas jawapan yang cukup jelas. Soalan tambahan saya ialah memandangkan kepada kemungkinan penduduk-penduduk di kawasan bandar raya akan bertambah seperti apa yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu tiap-tiap satu kawasan bandar raya mesti mempunyai lebih daripada penduduk berjumlah 300,000 orang dan banyak lagi keistimewaan yang lain yang mungkin membawa peraliran penduduk-penduduk dari luar bandar ke bandar.

Jadi, soalan tambahan saya ialah apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kementerian untuk membina lebih banyak lagi rumah kos rendah dan yang paling penting sekali apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mempercepatkan pengagihan rumah ini kepada pemohon-pemohon supaya keadaan kawasan setinggan dapat kita elakkan ataupun kita kurangkan. Sekian, terima kasih.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih, Yang Berhormat. Berkenaan dengan rumah kos rendah baru-baru ini saya telah memberi satu jawapan di mana mengikut Rancangan Malaysia Kelapan kerajaan telah mengaturkan beberapa ribu rumah kos rendah di mana bersama dengan kerajaan dan juga pihak swasta. Dari segi pengagihan rumah kos rendah kepada orang-orang yang perlu rumah kos rendah ini Kerajaan Pusat bersama dengan kerajaan negeri akan bekerjasama untuk memberi rumah kos rendah ini dengan secepat mungkin di mana kita boleh mencapai dari tahun 2005, dengan izin, zero rumah setinggan.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa bagi Jawab Lisan sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 24 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]

USUL

RANCANGAN MALAYSIA KELAPAN (2001-2005)

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan ke atas usul dibuat oleh Perdana Menteri yang ditangguh atas masalah:

“Bahawa Dewan ini,

menyedari akan pemulihan ekonomi dan pencapaian matlamat sosioekonomi semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh;

merestui usaha kerajaan bagi melaksanakan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga;

meluluskan Rancangan Malaysia Kelapan yang bertujuan melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan bagi mencapai matlamat dan hasrat Dasar Wawasan Negara seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. 12 Tahun 2001;

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kelapan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya bersatu padu dengan semangat dan iltizam baru bagi melaksanakan tanggungjawab yang murni untuk membina sebuah negara yang progresif dan berdaya tahan.” **[31 Mei 2001]**

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Kementerian Pendidikan untuk menjawab.

11.20 pagi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap ribuan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya pada hari ini untuk meneruskan segala jawapan.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam

perbahasan Rancangan Malaysia Kelapan khususnya yang menyentuh perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan. Izinkan saya memberi penjelasan kepada isu-isu utama yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sepanjang perbahasan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan pembangunan premis institusi pendidikan, Yang Berhormat Tuan Appala Naidu a/l Rajoo telah membangkitkan dua perkara mengenai klasifikasi sekolah iaitu sekolah kerajaan bantuan penuh dan sekolah bantuan kerajaan, bantuan modal dengan menyatakan bahawa seolah-olah bantuan kerajaan terpinggir dibandingkan dengan sekolah-sekolah kerajaan. Untuk makluman semua Ahli Dewan, tapak dan bangunan sekolah-sekolah bantuan kerajaan adalah milik persendirian sama ada pertubuhan agama, persatuan masyarakat, orang perseorangan atau pihak estet. Oleh yang demikian, kerajaan tidak boleh menjadikan sekolah-sekolah tersebut sebagai sekolah bantuan penuh kerajaan melainkan pemilik tanah dan bangunan sekolah tersebut secara sukarela menyerahkannya kepada kerajaan. Apabila ini berlaku dengan sendirinya status sekolah tersebut akan menjadi sekolah kerajaan dan menerima sepenuhnya bantuan daripada pihak kerajaan.

Dalam hal ini juga, Kementerian Pendidikan memang sedar terdapat sekolah-sekolah bantuan kerajaan yang kekurangan dari segi prasarana seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat. Pendidikan adalah merupakan tanggungjawab sosial kerajaan dan atas kesedaran ini pihak kerajaan sedia membantu pembangunan sekolah-sekolah tersebut. Bantuan yang diberikan adalah berdasarkan kepada permohonan dan keperluan yang dibuat oleh sekolah-sekolah dengan sokongan Jabatan Pendidikan Negeri. Permohonan tersebut akan ditimbang dan dianalisis sewajarnya untuk menentukan keperluan dan keutamaan. Pada lazimnya kementerian akan menambah peruntukan mengikut permohonan sekiranya terdapat keperluan yang mendesak.

Di samping itu, kementerian ini amat mengalu-alukan inisiatif sekolah-sekolah bantuan kerajaan yang mencari sumber kewangan selain daripada peruntukan dari kerajaan seperti mengadakan Hari Kantin dan juga mendapatkan sumbangan daripada pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan pemupukan perpaduan melalui pendidikan, kerajaan memang sedar bahawa pendidikan merupakan alat penting untuk memupuk perpaduan dan perkara ini telah disentuh oleh beberapa Ahli Yang

Berhormat. Usaha-usaha untuk mengukuhkan perpaduan memang menjadi salah satu agenda penting kementerian ini dan dalam hubungan ini ia sukar dicapai tanpa kerjasama daripada semua pihak.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Long bin Jidin yang menyarankan agar kelab-kelab perpaduan diwujudkan di sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi. Untuk makluman, melalui program-program kokurikulum yang sedia ada di sekolah-sekolah pelbagai kelab dan persatuan telah diwujudkan dan semuanya mempunyai hala tuju kepada pemupukan perpaduan dan semangat kerjasama di samping menekankan nilai-nilai kepemimpinan. Dalam hubungan ini, Kementerian Pendidikan berpandangan bahawa yang perlu diberi keutamaan ialah bukannya dari segi kuantiti kelab yang ditubuhkan tetapi dari segi penyertaan pelajar pelbagai kaum untuk mewujudkan interaksi secara maksimum pelajar bagi memupuk semangat perpaduan yang berterusan.

Aktiviti-aktiviti yang melibatkan pelajar dari pelbagai jenis sekolah juga amat digalakkan agar tiada berlaku jurang pemisahan antara kaum mengikut jenis sekolah. Kementerian Pendidikan memahami kebimbangan yang disuarakan oleh Yang Berhormat Tuan Appala Naidu a/l Rajoo mengenai longgarnya semangat perpaduan di kalangan pelajar institusi-institusi pengajian tinggi (IPT). Masalah polarisasi kaum di IPT memang dipandang serius oleh kementerian ini dan sehubungan itu beberapa dasar telah dilaksanakan agar berlakunya interaksi maksimum sesama pelajar berbilang kaum di IPTA. Antaranya ialah menggalakkan aktiviti kokurikulum yang disertai oleh pelajar dari pelbagai keturunan dan mengadakan aktiviti-aktiviti kebudayaan serta sosial yang melibatkan penyertaan pelajar pelbagai kaum serta latar belakang.

Di samping itu, dari masa ke semasa aktiviti kemasyarakatan di luar kampus seperti Bakti Siswa' dianjurkan dan memastikan ia disertai oleh pelajar dari semua kaum. Pelajar dari pelbagai kaum juga digalakkan berkongsi bilik di asrama kediaman atau tinggal di bilik berdekatan. Namun demikian, Kementerian Pendidikan berpendirian bahawa usaha memupuk perpaduan ini perlu disemai sejak di bangku persekolahan rendah dan berasaskan keyakinan ini Kementerian Pendidikan akan merealisasikan konsep Sekolah Wawasan. Di samping itu, ingin juga saya nyatakan di sini soal perpaduan ini sebenarnya peranannya dapat dimainkan oleh ibu bapa dan masyarakat pada amnya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan kurikulum persekolahan. Isu pengajaran Bahasa Semai di sekolah-sekolah Orang Asli telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datuk Long bin Jidin. Beliau telah membangkitkan bahawa pengajaran bahasa tersebut tidak sesuai kerana ia hanya difahami oleh 30% masyarakat Orang Asli dan adalah lebih baik masa tersebut digunakan untuk pengajaran Bahasa Cina, Bahasa Inggeris atau Bahasa Melayu.

Kementerian Pendidikan mempunyai rasional dan asas-asas yang kukuh sebelum mengambil keputusan untuk melaksanakan pengajaran Bahasa Semai secara rintis pada tahun 1996 dan berkuat kuasa sepenuhnya pada tahun 1969. Tujuan pelaksanaan Bahasa Semai di sekolah rendah Orang Asli ialah untuk memelihara bahasa budaya dan tradisi Semai sebagai salah satu daripada bahasa etnik Malaysia.

Kementerian Pendidikan telah mendapat konsensus daripada masyarakat Orang Asli berdasarkan bahasa tersebut adalah difahami oleh majoriti kumpulan etnik Orang Asli. Bahasa tersebut juga telah lama digunakan dalam penyiaran melalui rangkaian 7, Radio Televisyen Malaysia (RTM). Tambahan pula Akta Pendidikan 1996 memperuntukkan pengajaran bahasa kaum Asli jika terdapat permintaan daripada sekurang-kurangnya 15 orang ibu bapa murid di sesebuah sekolah.

Yang Berhormat To' Puan Wan Asiah binti Ahmad telah menggesa agar Falsafah Pendidikan Negara atau FPN dikaji semula kerana pada pendapat Ahli Yang Berhormat ia terlalu menekankan kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran dan mencadangkan agar lebih berfokus kepada pembinaan insan yang seimbang.

Perkara yang sama juga telah disentuh oleh Yang Berhormat Tuan Appala Naidu a/l Rajoo dengan mengaitkan usaha ke arah memupuk perpaduan, mewujudkan masyarakat berilmu, mempunyai daya kreativiti, berpandangan rasional serta kritikan dan bertoleransi. Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan berpendapat FPN yang sedia ada telah memenuhi aspirasi nasional bagi melahirkan individu yang mempunyai jati diri yang kukuh.

Dalam FPN, telah dinyatakan bahawa pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi

melahirkan rakyat yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Sekiranya semua pihak terlibat khususnya warga guru dapat menterjemahkan apa yang tersurat dan tersirat dalam FPN dalam peringkat pelaksanaan, saya berkeyakinan bahawa usaha membendung masalah seperti keruntuhan moral seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat dapat diatasi. Begitu juga saya menyeru parti-parti politik juga memainkan peranan mereka dalam usaha membangkit dan membangun anakanak muda kita di sekolah tanpa campur tangan fahaman politik *partisan*.

Sehubungan itu juga, dari masa ke semasa Kementerian Pendidikan menyemak semula kurikulum agar ia lebih sesuai dengan keperluan semasa. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, semakan kurikulum yang akan mula dilaksanakan pada tahun 2003 adalah lebih bersifat progresif, dinamik dan seimbang dari segi akademik dan bukan akademik, ilmu pengetahuan, teori dan aplikasi dalam kehidupan dan di tempat kerja serta fleksibel mengikut kebolehan dan keupayaan pelajar.

Dari segi pendidikan agama dan moral, pengukuhan diberikan kepada pegangan agama berserta dengan penerapan nilai-nilai murni yang dapat membendung penularan fahaman dan amalan yang bercanggah dengan syariat kehidupan yang mulia. Ini sejajar dengan saranan oleh Yang Berhormat Datuk Ghazi bin Haji Ramli agar sistem pendidikan kita perlu melahirkan insan dan masyarakat "rabbanī", dengan izin, iaitu kepatuhan kepada Tuhan.

Semakan kurikulum juga menerapkan dan mengukuhkan semangat *patriotism* termasuk pengukuhan terhadap penghayatan Rukun Negara seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan peluang pendidikan lepas menengah, Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim telah menggesa agar IPTS diberi insentif dalam usaha membantu menjadikan negara ini sebagai pusat kecemerlangan pendidikan. Usaha penglibatan sektor swasta dalam membangunkan dan menambah peluang pendidikan di peringkat *tertiary* memang digalakkan.

Untuk tujuan tersebut, kerajaan telah menyediakan beberapa insentif kepada IPTS. Antaranya ialah memberi potongan cukai berganda kepada IPTS yang

mengadakan promosi pendidikan di luar negara. Selain itu, dana pinjaman kepada IPTS yang berjumlah RM200 juta dalam bentuk, dengan izin, *softloan*, yang dikendalikan oleh Bank Industri disediakan bagi IPTS yang menawarkan kursus ICT, kejuruteraan dan perubatan. IPTS yang mendapat status MSC pula akan diberi kemudahan memilih tenaga pengajar, pemilikan (tanpa mengikut kuota ekuiti tempatan) dan pengecualian cukai.

Mengenai cadangan lebih banyak graduan yang menjurus kepada bidang keusahawanan, kebanyakan IPTA sedia ada telah menawarkan program keusahawanan sama ada melalui *mode* sepenuh masa atau Program Pengajian Jarak Jauh. Contohnya, di UiTM, elemen keusahawanan adalah merentasi semua program akademik dan di UUM terdapat pusat perniagaan dan pembangunan usahawan.

Yang Berhormat Puan Jaya Partiban telah mempersoalkan mengapa tiada kolej komuniti di Lembah Klang yang akan beroperasi mulai Julai ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai permulaan, kerajaan hanya melaksanakan 12 kolej komuniti rintis di 12 kawasan Parlimen. Kerajaan memang mempunyai rancangan untuk memperluaskan kolej komuniti dan sasaran kementerian ini ialah, pada tahun 2010 semua kawasan Parlimen di seluruh negara akan mempunyai kolej komuniti.

Apabila ia dapat direalisasikan, masyarakat khususnya lepasan sekolah menengah akan mendapat manfaat termasuklah mereka dari kawasan setinggan seperti yang dipohon oleh Yang Berhormat. Kolej komuniti akan menyediakan program-program pendidikan serta latihan jangka panjang dan jangka pendek dalam pelbagai bidang seperti kejuruteraan, kemahiran, hospitaliti dan ICT untuk lepasan SPM yang tidak berjaya mendapat tempat di IPTA. Adalah diharapkan para pelajar yang dilatih di kolej komuniti dapat memenuhi keperluan dalam pertumbuhan ekonomi serta keperluan aktiviti setempat.

Cadangan supaya pelajar dari Sabah dan Sarawak yang berjaya masuk ke IPTA diberi baucer tiket penerbangan dan yuran pengajian bersama-sama tawaran kemasukan ke IPTA dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani.

Untuk makluman, pada masa ini, pelajar yang layak mendapat pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) akan diberi waran wang pendahuluan sebanyak RM1,500 dan ia meliputi pelajar yang berjaya ke IPTA dan IPTS bagi pelajar Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Waran tersebut boleh ditukarkan di Bank Bumiputra Commerce dan wang tersebut boleh digunakan untuk pelbagai perbelanjaan termasuk membeli tiket penerbangan. Selepas dua minggu pelajar mendaftar, pelajar akan mendapat baki pinjaman dan wang ini boleh digunakan untuk membayar yuran. Saya *stress*, untuk membayar yuran. Oleh yang demikian, prosedur yang diguna pakai oleh kementerian pada masa ini masih boleh membantu pelajar yang menghadapi masalah kewangan untuk ke IPTA.

Tuan Yang di-Pertua, isu-isu profesion keguruan. Yang Berhormat Apalla a/l Naidu telah menimbulkan mengenai isu masa pengajaran guru di bilik darjah. Beliau telah mencadangkan agar seminar atau bengkel dijalankan di luar waktu pengajaran dan pembelajaran.

Untuk makluman, kursus-kursus seminar atau bengkel diadakan dari masa ke semasa adalah bertujuan meningkatkan profesionalisme guru-guru. Mengikut kelaziman, ia diadakan sewaktu cuti sekolah atau hujung minggu untuk mengelakkan guru daripada meninggalkan waktu pengajaran. Namun demikian, terdapat juga kursus-kursus yang terpaksa diadakan pada waktu persekolahan terutama yang memakan masa yang panjang dan juga melibatkan tenaga pakar dari luar ataupun guru yang berkursus di luar negara.

Kes-kes seperti ini telah dapat dielakkan dan pihak pengurusan sekolah akan mengambil langkah-langkah yang perlu bagi menggantikan pegawai tersebut agar pembelajaran murid tidak terganggu.

Mengenai guru-guru yang mengajar mata pelajaran bukan opsyen, pada dasarnya setiap mata pelajaran mestilah diajar oleh guru yang beropsyen atau mempunyai pengkhususan dalam mata pelajaran tersebut. Walau bagaimanapun, memang terdapat kes-kes di mana seseorang guru terpaksa mengajar mata pelajaran yang bukan opsyennya.

Fenomena ini berlaku, sebagai contoh, apabila terdapat lebihan guru dalam satu-satu mata pelajaran di sekolah. Lebihan guru dalam satu mata pelajaran ialah kerana faktor pertukaran guru terutama di sekolah-sekolah kawasan bandar. Sebagai contoh, ramai guru Bahasa Inggeris di kalangan wanita yang sudah berumahtangga berkhidmat di kawasan bandar kerana mengikut suami bertugas di kawasan bandar. Apabila keadaan ini berlaku, sesetengah di kalangan mereka ditugaskan mengajar mata pelajaran lain yang bersesuaian.

Bagi mengatasi masalah ini, kementerian akan menempatkan guru-guru yang telah tamat latihan, khususnya di sekolah-sekolah luar bandar mengikut bidang pengkhususan terutama dalam mata pelajaran kritikal seperti Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains.

Yang Berhormat To' Puan Wan Seri Asiah binti Ahmad telah mencadangkan agar Kurikulum Pendidikan Contoh diajar di maktab perguruan supaya guru-guru dilatih menjadi teladan yang baik kepada para pelajarnya. Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan telah menggunakan beberapa pendekatan dan kaedah bagi melahirkan guru yang lebih bermotivasi, berprestasi tinggi, dedikasi dan profesional.

Antaranya ialah menyediakan kursus latihan guru yang mantap, merangkumi aspek kurikulum dan ko-kurikulum, kursus-kursus jangka pendek dan kursus dalaman. Latihan yang dijalankan menjurus kepada pembinaan guru yang bermotivasi tinggi dan berketerampilan terhadap akademik keguruan dan sahsiah insaniah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan isu-isu lain. Boleh saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: *[Menganggukkan kepala]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih. Izinkan saya memberi makluman balas terhadap dakwaan Yang Berhormat Datuk Ghazi bin Haji Ramli bahawa Kementerian Pendidikan menghadapi pelbagai masalah yang berulang-ulang dengan memberi contoh pengwujudan IPTS dari segi perancangan, isu kuota dan kualitinya.

Dalam melihat masalah ini, kita perlu memahami bahawa sebagai sebuah organisasi yang mempunyai anggota yang paling ramai dan berfungsi memberi perkhidmatan untuk menyediakan pendidikan kepada rakyat, tidak dapat dinafikan, kementerian ini tidak dapat lari dari berhadapan dengan beberapa masalah. Namun demikian, melalui jabatan-jabatan dan bahagian-bahagian di bawah kementerian, saya berkeyakinan kementerian ini mempunyai pengkhususan tugas serta sokongan tenaga pengurusan profesional, pentadbiran serta staf sokongan yang berkemahiran dan berpengalaman.

Saya berkeyakinan kementerian ini berkeupayaan dan berkemampuan memikul tanggungjawab yang diamanahkan dengan sokongan semua pihak, asal tidak ada main politik. Berdasarkan kepada keyakinan tersebut, pengwujudan

sebuah badan khas untuk menangani isu-isu pendidikan seperti yang dicadangkan adalah tidak berbangkit.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat juga, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD) iaitu salah satu bahagian di Kementerian ini bukanlah satu-satunya bahagian yang menangani semua masalah yang timbul sebagaimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat. Sebaliknya, masalah-masalah tersebut diselesaikan melalui rangkaian kerjasama dan muafakat semua agensi yang terdapat di bawah Kementerian Pendidikan.

Di sini juga, saya bagi pengakuan bahawa ahli-ahli ataupun pegawai-pegawai yang bertugas di Kementerian Pendidikan sedia memberi khidmat yang sebaik-baik mungkin kepada kita semua. Saya faham semua orang mempunyai kepentingan terhadap Kementerian Pendidikan kerana ramai di antara kita mempunyai anak, mempunyai anak saudara, mempunyai anak angkat, ada yang ada cucu dan sebagainya, semua ini melibatkan pihak kita semua. Oleh yang demikian, saya juga memohon kerjasama di kalangan ibu bapa semua.

Isu masalah pasaran buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman. Mengenai kekurangan buku yang dihasilkan oleh ahli akademik, sebenarnya pihak Dewan Bahasa dan Pustaka telah menyediakan beberapa insentif untuk menggalakkan ahli-ahli akademik menulis dan berkarya. Antaranya ialah membayar royalti sebanyak 15% hingga 20% kepada penerbit buku ilmiah, mewujudkan skim insentif dan mengadakan Anugerah Karya.

Walau bagaimanapun, sambutan yang diberikan tidak berapa menggalakkan. Faktor-faktor yang dikenalpasti ialah pasaran buku yang kecil iaitu terhad dalam negara dan hanya melibatkan pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi.

Ahli-ahli akademik berpendapat jangka masa yang digunakan untuk menghasilkan sesuatu karya tidak setimpal dengan permintaan terhadap buku-buku tersebut. Walau bagaimanapun, saya masih berkeyakinan bahawa para akademik kita masih mampu untuk berkarya.

Sepuluh buku terbitan Dewan Bahasa yang masih banyak tersimpan kerana kurang mendapat sambutan ialah saya sebut di sini; Fisiologi Haiwan Jilid 1 (sebanyak 2,359 naskhah - tahun 1992); Proses dan Komunikasi Massa Jilid 1 (2,546 naskhah - tahun 1992); Fisiologi Pernafasan Amali (1,127 - tahun 1981); Falsafah Matematik (1,135 naskhah - tahun 1999); Falsafah Politik Plato (1,340

naskah - tahun 1993); dan sebagainya. Itu sebagai contoh yang saya sebut. Buku - buku tersebut meliputi sama ada karya asli atau terjemahan. Berhubung dakwaan bahawa hanya buku-buku lama di jual di Pesta Buku 2001, sebenarnya terdapat 40 judul buku terbitan tahun 2001; 244 judul buku terbitan tahun 2000; dan 243 judul buku terbitan tahun 1999. Oleh yang demikian, terdapat banyak buku terbitan terkini yang dijual. Buku -buku lama yang terdapat merupakan buku-buku yang dijangkakan masih mendapat permintaan.

Sebelum saya mengakhiri jawapan saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ingin sekali lagi saya mengambil kesempatan ini untuk menyatakan bahawa apa yang kita lakukan sekarang oleh pihak Kementerian Pendidikan ialah untuk mengembangkan ilmu pengetahuan kita dan janganlah cuba menyempitkan konsep ilmu itu sendiri sama ada ilmu itu yang kini telah dianggap sebagai ilmu duniawi semata-mata bagi pihak saya, saya tetap mengatakan, selagi ilmu itu tidak bercanggah dengan Islam, maka ilmu itu adalah tuntutan Islam dan Islam bukan hanya untuk orang Islam sahaja, Islam ialah untuk seluruh manusia kerana nilai-nilai yang baik. Saya juga ingin menyatakan di sini ataupun petikan daripada peribahasa Arab. *[Membaca satu petikan peribahasa Arab]* Saya terjemah dalam Bahasa Melayu maksudnya, "ilmu yang tidak diamalkan umpama pohon yang tidak berbuah."

Setakat ini sahaja dapat saya jelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pendidikan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Perkara-perkara yang tidak sempat dijelaskan akan tetap diambil perhatian dan diambil tindakan sewajarnya. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan, teguran dan sokongan yang berterusan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ke atas usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir. Sekarang kita berpindah kepada jawapan daripada Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga. Dijemput Yang Berhormat Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, menteri sendiri hadir.

11.50 pagi.

Menteri Pembangunan Wanita dan keluarga [Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada ramai Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara di bawah bidang tugas Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga

semasa perbahasan mengenai Rancangan Malaysia Kelapan dalam Dewan yang mulia ini khususnya kepada semua Ahli Yang Berhormat wanita serta Yang Berhormat Senator Zainal Rampak dan Yang Berhormat Datuk Ghazi bin Haji Ramli di antara lain.

Masalah wanita dalam pasaran pekerjaan nampaknya telah menarik perhatian ramai Ahli Yang Berhormat. Kementerian juga menganggap ini sebagai satu aspek penting. Oleh itu, kementerian telah menubuhkan satu jawatankuasa antara kementerian dengan Kementerian Sumber Manusia khusus untuk memberi perhatian kepada soal-soal yang berkaitan. Mesyuarat pertama jawatankuasa ini telah pun diadakan pada 29 Mei 2001 di mana beberapa langkah telah dikenali pasti untuk dilaksanakan oleh kedua-dua kementerian.

Yang Berhormat Senator Zainal Rampak telah membangkitkan soal pramugari Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) yang hamil diminta mengambil cuti sehingga melahirkan anak. Daripada maklumat yang diperolehi oleh kementerian, saya difahamkan bahawa pramugari MAS tidak dibenarkan hamil dalam tempoh lapan tahun pertama perkhidmatan mereka. Jika hamil selepas tempoh itu, mereka akan diberikan tugas yang ringan. Memandangkan ini adalah satu peruntukan dalam perjanjian bersama antara majikan dan pihak pekerja, saya ingin menggesa supaya kesatuan sekerja berkenaan merundingkan semula perkara ini dengan majikan tersebut dan diharapkan dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia akan membantu kedua-dua pihak mencapai penyelesaian jika perlu.

Beberapa Ahli Yang Berhormat juga turut membangkitkan soal pusat asuhan kanak-kanak (PAKK) di tempat kerja. Sehingga ini, 608 sahaja PAKK telah disediakan oleh majikan sektor perladangan dan 29 oleh majikan-majikan sektor lain. Kementerian telah berunding dengan Kementerian Sumber Manusia bagi mencari jalan memesatkan penubuhan PAKK ini. Antara langkah yang telah dipersetujui ialah mengadakan promosi bersama di kalangan majikan dan menyediakan cadangan insentif tambahan untuk pertimbangan Kementerian Kewangan. Mengenai peraturan kerja bagi membantu wanita dalam mengimbangi antara tanggungjawab terhadap keluarga dan kerjaya, sukacita saya maklumkan bahawa kerajaan memang menggalakkan peraturan kerja anjal atau dengan izin, *flexible working arrangements* termasuk kerja separuh masa.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan usaha ini akan diteruskan lagi dengan menggalakkan peraturan kerja baru seperti telekerja atau *teleworking* dan

perkongsian kerja yang bijak. Salah satu teras strategik kementerian ini adalah untuk merapatkan jurang digital antara *gender*. Sehubungan ini, sebagai langkah awal, kementerian bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan untuk membuka peluang latihan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi kepada wanita. Program ini akan dipertingkatkan lagi pada masa depan.

Mengenai mahkamah keluarga, sukacita dimaklumkan bahawa kementerian sedang mengkaji penambahbaikan kepada sistem dan peraturan pengendalian kes kekeluargaan yang sedia ada di samping menilai kemungkinan mewujudkan mahkamah yang mesra keluarga. Ini adalah untuk mencari jalan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh anggota-anggota keluarga dengan cara yang lebih berkesan. Namun begitu, perkara ini perlu dipertimbangkan dengan teliti kerana melibatkan faktor undang-undang, agama, sosial dan lain-lain.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga mencadangkan agar kementerian mengkaji undang-undang yang mendiskriminasikan wanita. Sukacita saya maklumkan bahawa ini merupakan perkara yang diberi tumpuan utama oleh kementerian. Satu kumpulan kerja teknikal telah pun ditubuhkan untuk melihat, merunding dan merancang untuk menangani perkara ini. Tentang usaha meningkatkan penyertaan wanita dalam penggubalan dasar kerajaan, antara lain kementerian akan melaksanakan langkah-langkah berikut. Menganjurkan program latihan bagi wanita dalam bidang kepimpinan, motivasi, pengurusan, proses membuat keputusan, pengucapan awam dan sebagainya dan juga mengadakan program *mentoring*, *coaching*, dengan izin, serta kaunseling antara wanita yang telah berada di peringkat membuat keputusan dengan wanita di peringkat lebih rendah.

Mengenai pengiktirafan peranan wanita dalam keluarga, kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) melaksanakan program pendidikan dan latihan secara berterusan untuk ibu bapa bagi membantu meningkatkan kemahiran mendidik anak-anak. LPPKN sedang merancang untuk menaikkan taraf pusat perkhidmatan LPPKN di pelbagai bahagian negara untuk menjadi kompleks kasih keluarga untuk meningkatkan perkhidmatan kepada keluarga dan pelanggan-pelanggan yang lain.

Yang Berhormat Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun ada mengemukakan soalan sama ada KWSP boleh atau tidak untuk membenarkan potongan sebanyak RM360 sebulan dibuat dari wang simpanan KWSP suami-suami yang meninggalkan isteri dan anak-anak tanpa nafkah. Kementerian sedia memberi

perhatian kepada masalah yang dihadapi oleh isteri kepada pencarum KWSP. Sehubungan itu, cadangan Yang Berhormat ini akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk dikaji.

Akhir kata saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan termasuk yang telah membangkitkan perkara di bawah bidang tugas Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga. Insya -Allah, semua perkara yang dibangkitkan akan diberi perhatian selanjutnya oleh kementerian dan tindakan susulan sewajarnya akan diambil. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato'. Dengan ini kita mempersilakan Yang Berhormat Brig.Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Zainal Abidin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang akan menjawab dan seterusnya menggulung perbahasan kita ini. Dijemput Yang Berhormat Datuk.

11.57 pagi.

Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Zainal Abidin [Menteri di Jabatan Perdana Menteri]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Usul Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) dan menyentuh perkara-perkara yang berkaitan di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri.

Sesungguhnya saya amat menghargai pandangan, teguran dan cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai isu-isu sosioekonomi sepanjang perbahasan yang jelas memperlihatkan keprihatinan dan kesungguhan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk melihat negara kita terus mencapai kemajuan dan seterusnya mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

Ekonomi Makro – Tuan Yang di-Pertua, Merujuk kepada isu berkaitan produktiviti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu, suka saya memaklumkan bahawa bagi sebuah ekonomi yang semakin maju, pergantungan kepada faktor *input* seperti modal dan buruh untuk menerajui pertumbuhan ekonomi bukan sahaja akan mengehadkan kadar pertumbuhan tetapi juga menjadikan ekonomi negara kurang stabil. Untuk membangunkan sebuah ekonomi yang berdaya tahan dan berdaya saing, pertumbuhan ekonomi perlu didorong oleh peningkatan produktiviti terutama produktiviti faktor keseluruhan (TFP).

Untuk tujuan ini, Rancangan Malaysia Kelapan telah menggariskan pelbagai langkah dan strategi yang akan dilaksanakan untuk meningkatkan sumbangan TFP

kepada pertumbuhan ekonomi. Salah satu strategi penting ialah pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan. Memandangkan pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan ini melibatkan semua sektor dalam ekonomi dan setiap lapisan rakyat, kerjasama semua pihak amatlah penting. Perkara ini menjadi semakin mendesak dalam kita menghadapi suasana ekonomi dunia yang semakin global dan liberal. Kejayaan kita memanfaatkan faedah daripada proses globalisasi dan liberalisasi serta mengatasi ketidakpastian yang akan memudaratkan ekonomi ialah dengan meningkatkan kandungan pengetahuan dalam pengeluaran barangan dan perkhidmatan. Dengan cara ini, barangan dan perkhidmatan Malaysia dapat bersaing dengan jayanya di dalam dan di luar negara kerana kualitinya yang tinggi.

Pembangunan dan Kemudahan Sosial – Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kesejahteraan dan peningkatan kualiti hidup rakyat seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Ghazi, saya suka nyatakan di sini bahawa kerajaan sentiasa memberi perhatian yang serius mengenai perkara ini. Program-program pendidikan, perumahan dan kesihatan akan terus dipergiat dan dipertingkatkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan demi untuk kesejahteraan dan keharmonian rakyat.

Dari segi perpaduan antara kaum seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Apalla Naidu, kerajaan akan memastikan kursus kesedaran dan usaha-usaha untuk memupuk dan menyemai semangat perpaduan terus dilaksanakan. Aktiviti-aktiviti akan dirangka di peringkat sekolah supaya perasaan persefahaman, kerjasama dan toleransi dapat dipupuk dengan melibatkan penyertaan murid, ibu bapa dan guru serta penglibatan sektor swasta. Program yang serupa juga dirangka di peringkat institusi pendidikan tinggi dengan menggalakkan pelajar menyertai kerja-kerja amal yang melibatkan masyarakat setempat.

Pembasmian kemiskinan

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kelapan akan terus memberi perhatian kepada usaha untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum kerana kerajaan yakin ini adalah prasyarat ke arah mewujudkan sebuah masyarakat yang bersatu padu dan saksama.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Apalla Naidu dan Yang Berhormat Puan Jaya Partiban, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan, program pembasmian kemiskinan akan mempunyai sasaran lebih khusus untuk membasmi

kemiskinan di kalangan kelompok kecil miskin terutamanya di kawasan pedalaman, di kalangan masyarakat Orang Asli serta kumpulan bumiputera lain di Sabah dan Sarawak serta kelompok kecil miskin di bandar.

Usaha juga akan dipergiat bagi memastikan golongan miskin dan berpendapatan rendah mendapat manfaat daripada pelbagai langkah yang dilaksanakan dalam sistem pendidikan. Di samping itu, kerajaan akan melaksanakan program-program seperti penyediaan kemudahan asas dan perumahan serta peluang untuk menjana pendapatan. Pada masa yang sama, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan akan menempatkan semula kawasan setinggan yang terdapat di seluruh negara.

Selain daripada program yang dijalankan untuk meningkatkan pendapatan isi rumah, kerajaan akan terus melaksanakan program dan projek bagi meningkatkan kualiti hidup mereka. Projek tersebut akan merangkumi penyediaan bekalan air bersih dan lebih banyak kemudahan perkhidmatan seperti bekalan elektrik, kesihatan, pendidikan dan komunikasi. Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Haji Karim, di samping aktiviti pertanian, kerajaan sememangnya memberi penekanan dan galakan kepada golongan miskin di luar bandar untuk turut terlibat dalam aktiviti bukan pertanian bagi meningkatkan pendapatan mereka.

Penyusunan Semula Hak Milik – Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan usaha meningkatkan pemilikan ekuiti masyarakat India kepada tiga peratus menjelang tahun 2010, kerajaan sedang mengambil langkah untuk menjalankan suatu kajian khusus mengenainya. Kajian ini kelak akan dijadikan input kepada penggubalan strategi dan pembentukan program-program yang sesuai dan berkesan.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Ghazi, penurunan peratusan pemilikan ekuiti bumiputera, antara lain adalah disebabkan oleh peningkatan jumlah ekuiti yang tinggi terutamanya oleh rakyat dan kepentingan asing berbanding dengan peningkatan ekuiti bumiputera. Walau bagaimanapun, ekuiti modal saham yang dimiliki oleh bumiputera juga menunjukkan peningkatan yang besar. Peruntukan saham-saham khas kepada bumiputera merupakan salah satu langkah dan usaha kerajaan untuk memberi peluang kepada individu dan syarikat bumiputera memiliki serta meningkatkan pemilikan ekuiti bumiputera dalam sektor korporat.

Namun demikian, peningkatan peratusan pemilikan ekuiti mereka dalam sektor korporat akan banyak bergantung kepada keupayaan bumiputera sama ada individu, syarikat atau institusi bumiputera untuk mengambil peluang yang wujud

dalam ekonomi. Oleh yang demikian, mereka perlu melipatgandakan usaha, memperkemaskan kedudukan serta meningkatkan keupayaan masing-masing untuk menghadapi persaingan global yang pastinya lebih mencabar.

Kerajaan sememangnya mengenakan syarat-syarat tertentu kepada pelabur bumiputera yang telah diberi peluang pelaburan dan pemilikan ekuiti supaya tidak sewenang-wenangnya melepas atau menjualnya semula bagi mendapat keuntungan jangka pendek.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk, Yang Berhormat Tuan Haji Rosli minta laluan.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih kerana diberi laluan oleh Yang Berhormat Datuk Menteri. Berkenaan dengan ekuiti bumiputera, ini bermula pada DEB pada tahun 1970. Kita telah meletakkan minimum sasaran sebanyak 30%. Dalam perbahasan baru-baru ini, oleh kerana pencapaian 30% minimum ini, pencapaian yang dilakukan oleh negara hanya sekitar 19% hingga 20.6% melalui beberapa proses kegawatan dan kemelesetan ekonomi dan sebagainya.

Jadi, apakah cadangan supaya syarat minimum ekuiti bumiputera dalam semua sektor ekonomi ini hendak dikaji oleh kerajaan supaya meletakkan 50% kerana akhirnya kita berharap *achievement* ataupun sasaran 30% ini dapat kita jayakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan dan Kesembilan nanti. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Jemput Yang Berhormat.

Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Haji Rosli. Pertanyaan atas saranan Yang Berhormat itu akan kita beri penjelasan kemudian nanti dan izinkan saya meneruskan. Kerajaan sememangnya mengenakan syarat-syarat tertentu kepada pelabur bumiputera yang telah diberi peluang pelaburan dan pemilikan ekuiti supaya tidak sewenang-wenangnya melepas atau menjualnya semula bagi mendapat keuntungan jangka pendek.

Namun demikian, memandangkan keupayaan sumber kewangan bumiputera yang terhad, kelonggaran perlu terus diberikan kepada pelabur bumiputera untuk menentukan portfolio pelaburan mereka supaya sumber yang terhad tersebut dapat digembleng secara berkesan dan dapat memberikan pulangan yang sewajarnya. Oleh itu, sungguhpun kerajaan mengenakan syarat atau *moratorium* tertentu kepada

pelaburan bumiputera, kelonggaran tetap diberikan kepada bumiputera khususnya yang mempunyai perancangan pelaburan yang lebih strategik dan berpotensi.

Penyusunan Semula Guna Tenaga – Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya berusaha untuk menambah penyertaan bukan bumiputera dalam sektor awam. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Ghazi, bagi mencapai tujuan ini, kerajaan akan mengambil langkah-langkah tertentu yang dapat menggalakkan bukan bumiputera berkhidmat dalam sektor awam terutamanya dalam bidang yang penyertaan mereka masih rendah khususnya perkhidmatan polis dan tentera. Pada masa yang sama, sektor swasta dikehendaki mengambil lebih ramai eksekutif dan profesional bumiputera dalam syarikat mereka. Satu kajian akan dijalankan untuk menilai kedudukan terkini guna tenaga bumiputera dalam sektor swasta bagi merangka langkah untuk mengatasi ketidakseimbangan guna tenaga dalam sektor tersebut.

Pertanian – Untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan, peruntukan berjumlah RM40 juta telah disediakan untuk pembangunan koperasi. Peruntukan tersebut adalah untuk membiayai penyediaan kemudahan latihan kepada ahli-ahli koperasi serta program pembangunan pengurusan. Walau bagaimanapun, cadangan supaya ditubuhkan sebuah dana koperasi berjumlah RM300 juta akan dikaji.

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) – Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Ghazi, kerajaan menyedari bahawa pelaksanaan aplikasi-aplikasi elektronik yang melibatkan kegiatan harian seperti e-dagang dan masyarakat umum adalah tidak begitu menggalakkan. Sehubungan dengan ini, usaha-usaha untuk memperbaiki keadaan ini sedang dan akan dilaksanakan oleh kerajaan. Antara usaha-usaha tersebut adalah meningkatkan kesedaran orang ramai tentang manfaat serta kepentingan e-dagang serta aktiviti melalui elektronik yang lain menerusi pengendalian kursus-kursus tertentu dan meyakinkan orang ramai tentang keselamatan laman-laman web serta aktiviti di ruang siber melalui penyediaan kerangka undang-undang dan peraturan yang kondusif.

Di samping itu, kerajaan juga menyediakan kemudahan asas prasarana

telekomunikasi ICT termasuk komputer serta Internet terutamanya di kawasan luar bandar melalui penubuhan pusat-pusat ICT seperti Internet Desa, Infodesa, pembekalan komputer di sekolah, pusat komuniti dan masjid. Pada masa

ini, diskaun seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat memang diberikan oleh syarikat-syarikat pembekal bagi pembelian atau urusan yang dibuat secara *online*, dengan izin, bagi menggalakkan pengguna menggunakan kemudahan urus niaga secara elektronik. Diskaun seperti ini memang wajar memandangkan urusan secara *online* dapat menjimatkan kos di pihak pengeluaran.

Cadangan juga dibuat supaya syarikat-syarikat besar terutamanya yang dikuasai kerajaan seperti Telekom, TNB, Petronas dan MISC melibatkan diri secara aktif membantu kerajaan dalam program dan projek yang bertujuan merapatkan jurang digital. Cadangan yang dikemukakan ini memang baik dan akan diberi pertimbangan sewajarnya. Banyak syarikat memang sudah terlibat dalam membantu pelaksanaan program dan projek yang dijalankan oleh kerajaan dan juga usaha-usaha yang dijalankan oleh mereka secara bersendirian.

Pelbagai contoh boleh dilihat di seluruh negara di mana syarikat-syarikat swasta melibatkan diri secara aktif dalam pelbagai bentuk program atau projek ICT serta membantu usaha merapatkan jurang digital. Malahan fasa pertama program Internet Desa yang dijalankan oleh Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia adalah dengan sokongan dan sumbangan syarikat swasta. Cadangan kerajaan untuk menjayakan program USP (*Universal Service Provider*) dengan izin, juga akan melibatkan sumbangan swasta terutamanya syarikat yang terbabit secara langsung dalam bidang telekomunikasi dan multimedia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam teras pembangunan ICT di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, pembangunan kandungan terutamanya kandungan tempatan memang telah digariskan sebagai salah satu strategi penting yang akan diberi tumpuan malahan usaha awal ke arah ini sudah dimulakan dalam rancangan yang lalu. Kerajaan memang menyedari pentingnya perkara ini kerana pembangunan kandungan atau aplikasi adalah salah satu daripada tiga komponen utama dalam kerangka Agenda IT Negara (NITA) yang digubal pada tahun 1996 lalu.

Peruntukan yang sewajarnya telah diberi untuk tujuan ini. Di samping itu, penglibatan golongan muda juga sememangnya digalakkan dalam bidang ini memandangkan bidang ini memerlukan golongan yang kreatif. Sebahagian besar syarikat yang terlibat dalam penciptaan kandungan tempatan pada masa ini bukan sahaja operasinya dikuasai oleh golongan muda, malahan dicitus dan dimiliki oleh golongan tersebut.

Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani telah membangkitkan mengenai keperluan kemudahan Internet di Parlimen bagi tujuan memudahkan kerja-kerja Ahli-ahli Parlimen membuat penyelidikan dan rujukan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan bahawa Parlimen telah pun menyediakan kemudahan Internet di mana sembilan buah unit komputer telah diletakkan di Bilik Cyber bersebelahan Bilik Taklimat dan sembilan buah unit lagi diletakkan di Pusat Sumber untuk kegunaan Ahli-ahli Parlimen.

Peruntukan dan Perbelanjaan Pembangunan - Menyentuh tentang pertanyaan Yang Berhormat Puan Melanie Chia Chui Ket, suka saya jelaskan bahawa jumlah peruntukan pembangunan di negeri Sabah dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh adalah sebanyak RM6,970.2 juta. Daripada jumlah ini sebanyak RM6,933 juta telah dibelanja untuk projek-projek pembangunan. Ini bermakna peratusan perbelanjaan peruntukan pembangunan di Sabah adalah sebanyak 99.5% dan bukannya sebanyak 82% seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, bagi meningkatkan lagi keberkesanan pelaksanaan dan pemantauan projek pembangunan, kerajaan telah mewujudkan Sistem Pemantauan Projek II (PMS II). Saya yakin dengan pelaksanaan sistem pemantauan ini keupayaan pelaksanaan projek pembangunan di seluruh negara termasuk Sabah dapat dipertingkatkan.

Pembangunan Wilayah – Pembangunan seimbang di antara negeri memang menjadi objektif utama pembangunan wilayah di dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan. Dalam hubungan ini, potensi semua negeri akan terus dipertingkatkan dengan mempelbagai dan mengukuhkan asas ekonominya. Usaha akan diteruskan untuk meningkatkan peluang menambah pendapatan serta menyediakan kemudahan dan infrastruktur yang lebih baik terutamanya di negeri kurang maju termasuk Sabah.

Memandangkan usaha-usaha berterusan dilaksanakan bagi mengimbangkan pembangunan antara wilayah, maka cadangan Yang Berhormat Puan Hajah Azizah supaya ditubuhkan sebuah badan khas bagi menentukan pembangunan wilayah yang seimbang adalah tidak perlu buat masa ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, tahap pembangunan sesebuah negeri diukur dari segi pembangunan ekonomi dan sosialnya. Walaupun tahap pembangunan Sabah pada keseluruhannya masih rendah jika dibandingkan dengan

negeri-negeri maju, terdapat beberapa aspek telah mengalami peningkatan. Peningkatan yang ketara dapat dilihat dari segi ekonomi dan sosial negeri Sabah dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh yang lalu. Pendapatan isi rumah bulanan purata Sabah meningkat daripada RM1,647 pada tahun 1995 kepada RM1,905 pada tahun 1999. Kadar kemiskinannya pula berkurangan daripada 22.4% pada tahun 1995 kepada 20.1% pada tahun 1999. Terdapat juga beberapa kemajuan penunjuk sosial, misalnya bilangan telefon bagi setiap 1,000 penduduk bertambah daripada 81.7 pada tahun 1995 kepada 120.8 pada tahun 1997. Bilangan penduduk yang dibekalkan dengan air paip meningkat daripada 64% pada tahun 1995 kepada 66% dalam tahun 1999. Kadar kematian bayi pula berkurang daripada 16.7 bagi setiap 1,000 kelahiran pada tahun 1995 kepada 11.5 pada tahun 1998.

Pertumbuhan Segitiga – Untuk makluman Yang Berhormat, penentuan negeri dalam sesuatu pertumbuhan segitiga adalah berdasarkan ciri-ciri tertentu. Ini termasuk lokasi yang berdekatan dan bersambung serta sumber-sumber yang saling melengkapi keperluan setiap anggota seperti tenaga manusia, sumber asli, modal pelaburan dan sebagainya. Untuk makluman Yang Berhormat juga pembangunan Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) disertai oleh negeri-negeri utara Semenanjung Malaysia iaitu Perlis, Perak, Kedah dan Pulau Pinang. Negeri Kelantan digolongkan sebagai negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

Penswastan – Pandangan Yang Berhormat To' Puan Wan Asiah supaya pengguna yang membayar tol hendaklah menganggapnya sebagai sumbangan pengguna kepada pembinaan jalan raya dan ia merupakan fardu kifayah serta sumbangan amal jariah yang akan diberi ganjaran di akhirat kelak adalah selaras dengan dasar penswastan yang menggalakkan penglibatan dan sokongan dari semua pihak dalam melaksanakan projek-proje k pembangunan.

Bagi memelihara kepentingan kerajaan dan juga pengguna, kerajaan telah menjalankan kajian terperinci bagi memperkukuhkan lagi aspek kawal selia supaya penswastan dapat dilaksanakan dengan lebih efektif. Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia serta Suruhanjaya Tenaga telah ditubuhkan. Kerajaan mempunyai penuh keyakinan bahawa badan kawal selia yang telah dan akan ditubuhkan ini akan dapat berfungsi dengan efektif dalam memantau projek-proje k penswastan terutamanya dalam melindungi kepentingan kerajaan dan pengguna.

Sebagaimana saranan Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak, perkhidmatan yang melibatkan kepentingan umum seperti di bidang kesihatan dan pendidikan, penswastaan perkhidmatan berkaitan akan diberi pertimbangan yang teliti sebelum dilaksanakan.

Untuk makuman Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub kerajaan akan terus mengesan projek-projek yang boleh diswastakan di samping meneliti cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh pihak swasta. Tidak semua projek-projek yang dicadangkan oleh pihak swasta akan diswastakan. Pemilihan akan dibuat berdasarkan keutamaan dan kesesuaian dengan strategi sektor-sektor serta viabiliti dan daya tahan projek. Kerajaan juga akan terus mempraktikkan ketelusan dengan prinsip *good governance*, dengan izin, dalam melaksanakan program penswastaan termasuklah syarat-syarat yang dikenakan bagi pihak awam mengambil bahagian dalam program ini.

Tenaga – Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Puan Siti Zailah, pendaratan gas daripada Kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand mengambil kira kepentingan bersama kedua-dua negara, kemudahan saluran gas sedia ada serta kedudukan pengguna utama gas. Memandangkan saluran gas dan permintaan utama adalah di Pantai Barat Semenanjung Malaysia adalah lebih ekonomik pendaratan gas dibuat melalui Songkla-Thailand yang seterusnya akan disalurkan ke Changlun, Kedah.

Sebenarnya, pendaratan gas ke Pantai Timur memang telah wujud di Kerteh, Terengganu. Pendaratan gas kedua di Pantai Barat bertujuan menjamin bekalan gas yang berdaya harap dan bukannya bertujuan mengetepikan mana-mana negeri. Memang benar pada masa ini terdapat sedikit bantahan daripada rakyat Thai di Songkla. Namun begitu, kerajaan berkeyakinan masalah ini dapat diatasi demi kepentingan bersama kedua-dua negara.

Pentadbiran – Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak, ingin saya jelaskan bahawa dasar kenaikan pangkat perkhidmatan awam adalah berasaskan *merit* atau kebolehan seseorang pegawai. Ini bermakna perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat iaitu mengenai visi dan misi yang dipunyai oleh seseorang pegawai adalah antara perkara yang diambil kira dalam kenaikan pangkat selain daripada prestasi kerja tahunan pegawai berkenaan. Ingin saya tegaskan bahawa kerajaan tidak menimbang kenaikan pangkat pegawai berasaskan kepada pilih kasih. Untuk makluman Yang

Berhormat juga, pegawai-pegawai kerajaan sentiasa dikehendaki mematuhi dasar-dasar yang telah ditetapkan. Sekiranya terdapat pegawai kerajaan yang melanggar dasar yang ditetapkan, tindakan tatatertib yang sewajarnya boleh diambil terhadap mereka.

Yang Berhormat juga mencadangkan supaya kakitangan kerajaan mengurangkan masa untuk bermesyuarat atau memendekkan agenda mesyuarat agar masa yang diambil untuk bermesyuarat tidak terlalu lama. Mesyuarat adalah satu mekanisme penting dalam pengurusan. Sehubungan dengan ini, kerajaan memberi perhatian kepada pengurusan mesyuarat yang berkesan dan garis panduan yang jelas telah disediakan untuk diamalkan oleh semua jabatan dan agensi kerajaan. Salah satu aspek yang diberi penekanan ialah perancangan yang teliti agar mesyuarat dapat dijalankan dengan menepati agenda yang ditetapkan dalam tempoh masa yang ditentukan terlebih awal. Melalui perancangan teliti seperti ini, ahli-ahli akan lebih bersedia dan dengan itu mesyuarat akan dapat dijalankan dengan lancar dan berkesan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kerajaan sentiasa berusaha mempercepatkan perkhidmatan kepada rakyat dengan mengurangkan kerenah birokrasi atau red-tape, dengan izin. Antara langkah-langkah yang telah diambil ialah memperluaskan penggunaan automasi dan ICT, mengadakan Manual Prosedur Kerja di peringkat agensi dan jabatan serta Fail Meja di peringkat individu, mengadakan garis panduan bagi menentukan kualiti perkhidmatan dan layanan dapat memenuhi keperluan pelanggan dan mengadakan Piagam Pelanggan serta membuat penyemakan dari masa ke semasa untuk memansuhkan undang-undang yang tidak perlu, membatalkan peraturan yang tidak relevan dan memendekkan proses atau mengurangkan prosedur penyediaan perkhidmatan.

Sebagai penutup, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kelapan. Segala cadangan dan pandangan membina yang diberikan akan diberi perhatian serius dan diambil kira dalam pelaksanaan strategi dan program Rancangan Malaysia Kelapan bagi memastikan matlamat yang ditetapkan dapat dicapai dengan jayanya. Saya juga ingin menekankan bahawa isu dan persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat dijawab, kerajaan akan memberi perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah menjawab dan menggulung perbahasan RMK-8.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul RMK-8 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, hendaklah dipersetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa Dewan ini,

menyedari akan pemulihan ekonomi dan pencapaian matlamat sosioekonomi semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh;

merestui usaha kerajaan bagi melaksanakan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga;

meluluskan Rancangan Malaysia Kelapan yang bertujuan melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan bagi mencapai matlamat dan hasrat Dasar Wawasan Negara seperti dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. 12 Tahun 2001;

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kelapan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya bersatu padu dengan semangat dan iltizam baru bagi melaksanakan tanggungjawab yang murni untuk membina sebuah negara yang progresif dan berdaya tahan.”

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KASTAM (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.28 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu Rang undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kastam 1967 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan memantapkan perundangan di bawah pentadbiran Jabatan Kastam supaya tugas penguatkuasaan Jabatan Kastam khususnya dalam membanteras kes-kes penipuan yang kini

berbentuk jenayah bersindiket lebih berkesan dan dengan itu dapat menjamin pungutan hasil.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang untuk meminda Akta Kastam 1967 ini melibatkan 19 pindaan. Saya mohon menghuraikan fasal-fasal utama yang terdapat dalam rang undang-undang ini.

Fasal 3 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 22C bagi membolehkan pengarah atau rakan kongsi sesebuah syarikat atau firma dipertanggungjawabkan bersama membayar duti kastam terlibat.

Fasal 6 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 106A dan 106B. Seksyen 106A memperuntukkan kuasa kepada pegawai kanan kastam memasuki premis syarikat pengimport bagi menjalankan pemeriksaan manakala Seksyen 106B memperuntukkan kuasa pemeriksaan dan penyiasatan kepada pegawai kastam apabila mempunyai sebab untuk mengesyaki sesuatu kesalahan telah dilakukan.

Fasal 7 bertujuan untuk memasukkan seksyen 111B bagi membolehkan pegawai kanan kastam mengakses data berkomputer.

Fasal 9 bertujuan meminda subseksyen 1151 bagi membenarkan amaun yang dijamin atau hasil jualan yang dipegang bagi kes kompaun dilucuthak kepada kerajaan.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda seksyen 116 bagi memperuntukkan kuasa melepaskan seseorang yang ditangkap dengan syarat mendepositkan sejumlah wang dengan penjamin atau menyempurnakan satu bon dengan penjamin.

Fasal 11 bertujuan untuk memasukkan seksyen-seksyen baru 116A, 116B, 116C dan 116D. Seksyen 116A bertujuan memberi kuasa kepada pegawai kastam mengarah kehadiran mana-mana orang untuk membantu siasatan.

Seksyen 116B memperuntukkan kebolehterimaan pernyataan dalam perbicaraan atau siasatan oleh mahkamah.

Seksyen 116C bertujuan memperuntukkan kuasa menahan orang yang disyaki melebihi 24 jam dan seksyen 116D dan memperuntukkan dary prosiding dalam sesuatu penyiasatan.

Fasal 14 bertujuan memasukkan seksyen baru 124A mengenai kewajipan merahsiakan nama dan alamat pemberi maklumat serta maklumat yang diberi.

Fasal 16 hingga 19 bertujuan untuk meminda seksyen 133, 135, 136 dan 138 bagi menaikkan kuantum penalti bagi kesalahan tertentu daripada antara RM5,000

dan RM10,000 atau antara satu dan empat tahun penjara kepada maksimum RM500,000 atau lima tahun penjara.

Fasal-fasal lain adalah pindaan kecil dan berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kastam 1967 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dijemput Datuk William Lau.

12.34 tgh.

Datuk William Lau Kung Hui: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya membahaskan rang undang-undang ini. Saya menyokong pindaan rang undang-undang ini. Saya sangat mengalu-alukan usaha dan tindakan kerajaan untuk memantap dan melicinkan jentera dalam bidang pengawalseliaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun lihat bahawa beberapa pindaan yang terkandung di dalam rang undang-undang ini akan mendapat perhatian serius para peniaga yang berkenaan kerana beberapa kesalahan baru akibat tidak mematuhi undang-undang telah diwujudkan dan hukum melanggar undang-undang telah juga diperkenalkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contohnya, di bawah Fasal 3, seksyen baru 22C akan merangkumi lebih orang yang dipertanggungjawabkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat di bawah Fasal 3 yang memasukkan seksyen 22C Akta 235 untuk memperuntukkan bahawa jika sesuatu syarikat, sesuatu firma, sesuatu pertubuhan, sesuatu persatuan atau kumpulan orang yang lain mengikut mana-mana yang berkenaan kerana membayar duti kastam, maka pengarah syarikat berkongsi firma atau anggota pertubuhan, persatuan atau kumpulan orang yang lain ini hendaklah bersama dengan syarikat, firma, pertubuhan, persatuan atau kumpulan orang yang lain ini secara bersama-sama dan berasingan bertanggungjawab atas duti kastam yang kena dibayar itu.

Tuan Yang di-Pertua, seperti dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, pindaan ini akan mengenakan duti kastam yang kena dibayar ke atas pengarah syarikat jikalau syarikat gagal membayarnya. Saya memang mengalu-alukan pindaan yang dicadangkan ini tetapi saya berasa pihak kementerian mungkin

bersikap sedikit keras, dengan izin, *a little too strict* kepada pengarah syarikat kerana saya tidak nampak apa-apa atau mana-mana pembelaan atau *defence*, dengan izin, diberikan kepada pengarah yang tidak mengambil bahagian dalam pengurusan syarikat mereka.

Saya memang sedar adalah dicadangkan satu exemption atau pengecualian di mana hanyalah pengarah syarikat akan bertanggungjawab jikalau syarikat berkenaan sedang digulungkan dan aset syarikat itu tidak mencukupi untuk menjelaskan amaun yang dikenakan bayar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam syarikat khususnya dipaparkan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) kerajaan telah selama ini memperkenalkan sebagai pengarah bebas atau bukan mempengaruhi, dengan izin, *independent director*. Pengarah bebas, dengan izin, *is required by the KLSE Listing Requirement, as a matter of law for all public listed companies*.

Tuan Yang di-Pertua, ciri-ciri yang ada pada pengarah bebas ialah tidak terdiri daripada kalangan pegawai syarikat, tidak ada hubungan dengan pegawai syarikat atau mewakili pegangan saham keluarga, tidak mewakili kepentingan-kepentingan saham awam, tidak, ... bebas daripada sebarang ikatan yang boleh mempengaruhi keputusannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa pihak berkenaan tidak menunjukkan apa-apa keadilan kepada pengarah bebas kerana mereka tidak diberikan apa-apa peluang supaya boleh membela diri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya pihak kementerian sepatutnya memasukkan satu *proviso*, contohnya seperti berikut.

Jika pertubuhan berkenaan gagal membayar duti kastam yang kena dibayar, mana-mana orang yang merupakan pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai serupa itu yang lain bagi pertubuhan perbadanan itu hendaklah disifatkan bertanggungjawab melainkan jika dia membuktikan bahawa;

- (a) kegagalan atau kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya, keizinannya atau pemberiannya; dan
- (b) bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah dan menjalankan segala usaha yang sewajarnya untuk mengelakkan perlakuan kesalahan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang merasa bimbang jikalau pihak kementerian akan melaksanakan pindaan berkenaan tanpa mengambil kepentingan tentang pengarah bebas yang dikenali sebagai, dengan izin, *independent directors*.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya *the proviso* atau pengecualian yang dicatatkan di bawah seksyen baru 22C tidak mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain saya ingin bangkitkan ialah mengenai pindaan Fasal 7 yang bercakap tentang memasukkan satu seksyen baru 111B yang baru. Seksyen baru 111B adalah untuk memberikan amaun yang dijamin atau 111B seksyen, dengan izin, untuk membolehkan seorang pegawai kastam yang menjalankan kuasanya di bawah seksyen 106A, 107, 108, 109 dan 11 Akta 235 mendapat akses kepada maklumat berekod atau data berkomputer.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu pada mana-mana pegawai menjalankan kuasanya di bawah seksyen 111B baru ini, adakah pegawai berkenaan diberi kuasa supaya mereka boleh menyita, mengambil milik dan menyimpan selama tempoh yang difikirkannya perlu, apa-apa komputer, rekod, laporan atau dokumen yang disyaki digunakan atau telah digunakan berkaitan dengan maklumat atau data itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya, saya tidak nampak apa-apa kuasa diberikan kepada seorang pegawai yang menjalankan kuasanya iaitu *the power to seizure the computer*, dengan izin.

Walau bagaimanapun, saya memerhatikan bahawa seorang pegawai di bawah seksyen 111B(2)(b) baru boleh menghendaki pegawai memberi bantuan kepadanya. Sekiranya kuasa itu tidak diberikan di bawah seksyen baru 111B adakah lain seksyen dalam akta kastam yang memberikan kuasa demikian kepada seorang pegawai?

Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar di bawah seksyen baru 106A(2)(c) yang dicatatkan di bawah Fasal 6, seorang pegawai boleh "*seize and detain any book, data, document or other record, or thing if in his opinion it may afford evidence of the commission of any offence under this Act*". Bagaimana pun pada pandangan saya seksyen itu tidak cukup *specific*. Mereka tidak sebut apakah atau material seperti yang dirujukkan di bawah seksyen 111B(2A) di bawah Fasal 7.

Tuan Yang di-Pertua, in other words, dengan izin, I wonder whether section 106A(2)(C) is specific or wide enough to achieve the all cheque intended, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dan hendak tahu mengapa pihak kementerian menggunakan perkataan-perkataan yang berbeza dalam pelbagai peruntukan dalam rang undang-undang ini. Saya minta keizinan memberi contohnya seperti berikut:-

Pertama, di bawah Fasal 6 tentang seksyen baru 106A (C) di mana perkataan 'the thing' digunakan.

Kedua, di bawah di bawah Fasal 7 tentang tentang seksyen baru 111 B(2A) di mana diperuntukkan 'the material'. Ketiga, di bawah Fasal 11 tentang seksyen baru 116A(4) di mana diperuntukkan the article.

Keempat di bawah Fasal 15D(3)(B) di mana perkataan 'property' telah digunakan. Oleh itu, saya ingin tahu dari pihak kementerian tentang rasionalnya mengapakah pelbagai perkataan telah digunakan. Mengapa tidak menggunakan satu perkataan bagi mengelakkan kekeliruan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk membangkitkan satu isu yang relevan iaitu mengenai mustahaknya latihan terperinci dalam bidang penyiasatan dan pendakwaan yang harus diberi kepada pegawai-pegawai kastam, memandangkan akta kastam adalah merupakan suatu undang-undang yang terlalu complicated.

Saya kurang sama ada beberapa kes yang dikendalikan oleh kakitangan pegawai kastam telah mencapai kejayaan setakat ini. Mengadakan undang-undang yang terperinci adalah baiknya, tetapi soal tentang menjalankan dan mengimplementasikannya adalah perkara sampingannya.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya pihak kementerian menganjurkan dan mengadakan lebih banyak kursus atau latihan untuk pegawai-pegawai kastam tentang segala aspek penyiasatan dan pendakwaan supaya matlamat akta kastam dapat dicapai. Jadi, itu adalah komen-komen saya, saya harap penjelasan diberi supaya semua yang diperuntukkan itu lebih jelas dari segi pelaksanaan tidak ada apa-apa kekeliruan dan sekali lagi saya ucapkan penghargaan kepada pihak kementerian kerana telah mengambil berat terhadap rang undang-undang ini. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, dengan perhatian yang saya sebutkan tadi, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Charern Intachat.

12.49 tgh.

Dato' Charern Intachat: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Rang undang-undang Akta Kastam (Pindaan) 2001 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan bertujuan memperkemaskinikan lagi Akta Kastam 1967 melalui pindaan-pindaan seperti yang telah pun dihuraikan oleh Yang Berhormat tadi.

Saya ucapkan tahniah di atas usaha dan tindakan yang diambil oleh kementerian untuk menggubalkan rang undang-undang ini. Saya ingin menyentuh beberapa fasal rang undang-undang ini untuk mendapat penerangan yang lebih jelas walaupun pada keseluruhannya saya bersetuju dan menyokong.

Saya juga akan membangkitkan beberapa perkara yang berkaitan dengan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja yang mentadbir dan menguatkuasakan Akta Kastam 1967 untuk mendapat maklumat dan penerangan tentang sebuah jabatan kerajaan yang memainkan peranan yang penting sebagai pemungut hasil negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyentuh tentang fasal-fasal dalam rang undang-undang ini, saya memohon sedikit penjelasan sama ada Akta Kastam 1967 dalam bahasa Malaysia sudah pun diterjemahkan dan diwartakan sebagai undang-undang kerana saya perhati rang undang-undang ini yang dalam bahasa Malaysia membuat rujukan kepada Akta Kastam dalam bahasa Inggeris.

Saya juga ingin tahu bagaimana pendakwaan kes-kes kastam dapat dilakukan dalam bahasa Malaysia di mahkamah sekiranya Akta Kastam 1967 belum lagi diwartakan di dalam bahasa Malaysia.

Mengapakah akta ini tidak dapat diwartakan sedangkan kebanyakan undang-undang kita telah pun diwartakan dalam bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya sentuh fasal-fasal dalam rang undang-undang ini. Saya mulai dengan Fasal 2 rang undang-undang ini yang bertujuan membuat pindaan kepada seksyen 19 Akta Kastam 1967 supaya pihak kastam memakai sistem penilaian Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Apakah bezanya sistem WTO ini dengan sistem penilaian yang digunakan oleh pihak kastam sebelum ini. Dalam menukar ke sistem penilaian barang yang baru ini, sudahkan pegawai-pegawai kastam di bahagian import dan eksport diberi latihan dan penerangan yang cukup dan apakah langkah dan tindakan yang diambil oleh jabatan terhadap pengimport atau pengeksport yang disyaki tidak mengikrar harga barang-barangnya dengan betul mengikut sistem ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan di Fasal 6 ialah untuk menambah seksyen baru iaitu seksyen 106A dan 106B bagi memberi pegawai kanan kastam kuasa untuk masuk ke dalam tempat atau premis serta bertujuan untuk memberi pegawai kastam yang hak kuasa untuk menjalankan pemeriksaan dan untuk menyiasat perlakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta Kastam.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini pegawai-pegawai kanan kastam mengguna kuasa di bawah seksyen 107 dan seksyen 108, Akta Kastam untuk tujuan ini. di bawah seksyen 107, pegawai kastam dikehendaki mendapatkan waran yang dikeluarkan majistret untuk diberi kuasa memasuki mana-mana premis termasuklah premis-premis pengimport. Manakala seksyen baru ini pula memberi kuasa kepada pegawai kanan kastam untuk memasuki premis mengimport dengan tidak mendapatkan waran dari mahkamah terlebih dahulu.

Saya berpendapat sepatutnya seksyen baru ini hendaklah juga menyentuh kepada seksyen 107. Seeloknya pindaan seksyen 106A ini hendaklah ditambahkan dengan perkataan-perkataan "*not withstanding anything to the contrary contain in section 107.*"

Sekiranya ini tidak dibuat, mungkin percanggahan di antara dua seksyen ini akan menimbulkan masalah untuk pendakwaan kes-kes kastam yang ada kaitan dengan kuasa pihak kastam me masuki premis-premis pengimport. Harap mendapat pandangan pihak kementerian tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, tentang fasal yang sama juga, mengapakah pindaan seksyen 106A ini menyentuh tentang pengimport sahaja. Bagaimana pula pegawai kastam hendak memeriksa atau memasuki premis pengeksport,. mengapa tidak disebutkan sekali pengimport dan pengeksport.

Tuan Yang di-Pertua, tentang Fasal 10, saya pohon penjelasan tentang seksyen 5 yang baru kepada seksyen 116. Saya keliru tentang maksud subseksyen baru ini setelah membaca subseksyen 2 kepada seksyen 116 Akta Ibu yang telah menetapkan setiap orang yang ditangkap hendaklah di bawa ke balai polis, manakala seksyen yang baru ini pula menyatakan orang yang ditangkap boleh dilepaskan oleh pihak kastam apabila ia mendepositkan apa-apa jumlah wang yang dikehendaki oleh pihak kastam.

Mungkin apa yang dimaksudkan di dalam seksyen 5 yang baru ini bukanlah orang yang ditangkap (arrest), tetapi orang yang ditahan oleh pihak kastam atau detained. Kerana setahu saya *arrest* dan *detained* mempunyai makna yang

berlainan. Fahaman saya ialah arrest atau penangkapan dilakukan apabila terdapat bukti-bukti yang cukup untuk membawa orang salah ke mahkamah.

Orang yang ditahan atau detained ialah orang yang disyaki melakukan sesuatu kesalahan dan siasatan terhadapnya masih belum selesai.

Saya harap pihak kementerian dapat memberi penjelasan tentang subseksyen 116(5) yang baru dan subseksyen 116(2) yang lama ini sama ada ianya tidak bercanggah maksud di antara dua subseksyen ini.

Seperkara lagi, sekiranya orang-orang salah yang ditangkap atau ditahan oleh pihak kastam, tidak dapat mematuhi syarat-syarat yang dikenakan adakah tempat yang selamat seperti lock up, dengan izin, sudah dibina di pejabat-pejabat kastam, kerana bukan semua mereka ini mampu atau boleh membayar wang deposit yang dikehendakkan oleh pihak kastam.

Fasal 12, seksyen 117 dalam Akta Kastam 1967 tidak digunakan lagi di bawah pindaan ini. Mengikut huraian yang diberi alasannya ialah kerana kuasa untuk menjalankan pendakwaan diperkatakan di bawah seksyen 377 Kanun Tatacara Jenayah. Adakah ini bermakna pendakwaan kes-kes kastam akan dilakukan oleh timbalan-timbalan pendakwa raya sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini, pendakwaan kes-kes yang dihadapkan ke Mahkamah Rendah dan Mahkamah Sesyen oleh Jabatan Kastam dilakukan oleh pegawai kanan kastam sendiri, mengikut kuasa yang diberi di bawah Seksyen 117.

Di sinilah dengan cara inilah pegawai-pegawai kanan kastam dapat mempelajari dan memahami undang-undang yang ditadbir dan dikuatkuasakan oleh mereka dengan baik dan lebih mendalam kerana mereka terpaksa berhadapan dengan majistret dan peguam-peguam.

Di samping itu, mereka dapat juga membantu timbalan pendakwa raya menyelesaikan pendakwaan kes-kes di Mahkamah Rendah dan Sesyen kerana saya percaya bilangan timbalan pendakwa raya di Jabatan Kastam hanya adalah seorang atau dua orang sahaja untuk menjalankan pendakwaan di merata-rata mahkamah di seluruh negara.

Fasal 14 ialah berkenaan dengan kewajipan untuk merahsiakan nama dan alamat informers. Saya ingin tahu adakah pihak Jabatan Kastam menyiasat dengan mendalam kes-kes kastam dan dadah yang diperolehi melalui maklumat-maklumat dari informer tetapi berkesudahan dengan rampasan barang-barang sahaja. Pernah terdapat kes-kes rampasan di mana informer sendiri yang menyembunyi barang-

barang, kemudian mereka memberi maklumat kepada pihak kastam dan kadangkala berpakat dengan pegawai kastam untuk mendapat wang hadiah.

Ada juga terdapat kes- kes di mana telah diperolehi tanpa penerimaan maklumat tetapi dilapor sebagai diperolehi melalui maklumat oleh pegawai-pegawai yang tidak bertanggungjawab semata-mata untuk mendapatkan wang hadiah.

Dalam hubungan ini, bolehkah pihak kementerian menyatakan tentang jumlah wang hadiah yang dibayar kepada informer oleh Jabatan Kastam dalam tahun 2000 yang lepas, berapakah hadiah yang terbanyak sekali pernah dibayar kepada seorang informer dalam tahun tersebut.

Fasal 15, di antara lain bertujuan memperuntukkan bahawa kuasa Ketua Pengarah Kastam untuk mengkompaunkan kesalahan di bawah subseksyen 131 (2)(A) Akta Kastam 1967 hendaklah dijalankan oleh Ketua Pengarah sendiri atau mana-mana pegawai kanan kastam lain yang pangkatnya tidak rendah daripada penolong kanan pengarah kastam.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini kuasa untuk mengkompaun kes-kes kastam telah diberi kepada semua pegawai kanan dari pangkat penguasa kastam hingga ke jawatan tertinggi Ketua Pengarah Kastam.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Charern, boleh kita sambung selepas rehat.

Dato' Charern Intachat: Okay. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat Dewan ini dengan ini ditangguhkan hingga jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Dato' Charern Intachat menyambung ucapannya.

2.33 ptg.

Dato' Charern Intachat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tadi sedang menyentuh Fasal 15 Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini kuasa untuk mengkompaun kes-kes kastam telah diberi kepada semua pegawai kanan dari pangkat Penguasa Kastam hingga ke jawatan tertinggi, Ketua Pengarah Kastam. Mengapakah pula dalam hal ini hanya Ketua Pengarah Kastam sendiri atau pegawai kanan yang berpangkat Penolong

Kanan Pengarah Kastam sahaja yang diberi kuasa untuk mengkompaun kes-kes kastam ini. Adakah pihak jabatan ini tidak lagi menaruh kepercayaan kepada pegawai kanannya yang berpangkat penguasa-penguasa kastam yang mempunyai kelayakan ijazah dan kelulusan universiti?

Terdahulu dari ini sememangnya kes-kes yang melibatkan kesalahan serius dan yang melibatkan cukai yang tinggi dirujuk untuk mendapat persetujuan oleh pegawai-pegawai kanan yang berpangkat tinggi kemudian baru diambil tindakan kompaun oleh pegawai-pegawai kanan di Cawangan Pencegah. Adakah terdapat kes-kes penyelewengan di kalangan pegawai-pegawai kanan di jabatan ini yang menyebabkan pindaan ini hendak dilakukan. Dalam perkara ini, harap Dewan ini dimaklumkan tentang bilangan pegawai-pegawai kanan yang dikenakan tindakan tatatertib atau tindakan mahkamah di dalam dua tahun kebelakangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kastam telahpun dianugerahkan gelaran Diraja oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana peranannya yang penting sebagai pemungut hasil negara. Jabatan ini hendaklah sentiasa di dalam keadaan dan tahap yang boleh memberi perkhidmatan yang bersih dan cekap. Oleh yang demikian, harap pihak kementerian dapat memberi maklumat yang terkini berkenaan dengan perkembangan di Jabatan Kastam dan Eksais Diraja seperti berikut:-

- Adakah rancangan kementerian untuk mengganti bot-bot peronda kelas bahtera yang saya percaya membazirkan wang negara untuk menyimpan dan menyelenggarakannya?
- Berapakah jumlah perbelanjaan Jabatan Kastam untuk memperbaiki dan menyelenggara bot-bot perondanya pada tahun 2000?
- Bagaimanakah dengan Skim Perkhidmatan Pegawai-pegawai Marin di jabatan ini yang dahulunya dicadangkan untuk diserap ke dalam Skim Perkhidmatan Kastam dan memberi kuasa yang sama seperti pegawai-pegawai kastam? Ini adalah untuk meningkatkan prestasi dan kecekapan di kalangan pegawai-pegawai marin yang ditugaskan untuk menjaga dan menyelenggara bot-bot peronda kastam.
- Barang-barang bukti seperti kenderaan-kenderaan yang dirampas dan telah dilucuthak oleh mahkamah kepada Jabatan Kastam,

hendaklah dijual dengan secepatnya kerana jika dibiarkan lama akan rosak dan tidak dapat dijual dengan harga yang baik dan ini akan merugikan kerajaan.

- Bolehkah pihak kementerian memberitahu Dewan ini, berapakah jumlah bilangan kereta-kereta yang telah dilucuthak tetapi belum lagi dijual oleh Jabatan Kastam?
- Terdapat juga barang-barang bukti seperti dadah, disimpan dengan lama dan tidak dimusnahkan. Harap Dewan ini dapat maklumat tentang jumlah kuantiti dan jenisnya dadah yang masih belum dimusnahkan. Adakah terdapat kes-kes di mana dadah telah hilang di dalam simpanan Jabatan Kastam?
- Saya difahamkan ada ura-ura yang pegawai-pegawai kastam termasuk pegawai-pegawai kanannya akan dibekalkan dengan pakaian seragam yang bercorak baru. Harap Kementerian Kewangan dapat mengesahkan tentang perkara ini dan bilakah uniform baru ini akan diperkenalkan?
- Di negeri Kedah terdapat kenyataan dari Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa satu laluan sempadan Malaysia-Thailand yang baru akan dibuka di Durian Burung. Harap mendapat pengesahan dari Kementerian Kewangan tentang perkara ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat pandangan pihak Kementerian Kewangan tentang tugas dan tanggungjawab Jabatan Kastam dan Eksais aja untuk membanteras penyeludupan dadah di sempadan Semenanjung Malaysia-Thailand.

Sekarang ini beberapa agensi seperti Unit Pencegah Penyeludupan, Polis, Anti Narkotik dan Kastam diberi tugas dan tanggungjawab yang sama, bukankah ini satu-satunya punca kelemahan kita mengambil tindakan yang berkesan ke atas masalah ini. Oleh kerana lebih dari satu agensi kerajaan diberi tanggungjawab dan tugas yang sama, mereka ini tidak akan bersungguh-sungguh melaksanakan tugas ini, masing-masing mengharap agensi yang lain untuk melaksanakannya. Bukankah lebih berkesan jika satu agensi sahaja diberikan tanggungjawab ini dengan agensi ini mengetuai, merancang strategi dan mengkoordinatkan agensi-agensi lain dalam memerangi gejala ini?

Saya rasa kita tidak dapat menafikan bahawa dadah dapat diseludup dengan mudah dari negara jiran di sebelah utara. Bilangan penagih-penagih dadah kian bertambah. Dari manakah mereka ini mendapat dadah kalau tidak diseludupkan ke negara kita dan kemudian diedar kepada penagih-penagih ini? Saya harap pihak kerajaan dapat memberi perhatian yang berat dan mengkaji perkara ini serta menyusun semula strategi untuk membanteras penyeludupan dadah yang saya berani kata, kita telah gagal selama ini.

Sekian sahaja perkara-perkara yang saya dapat bahas dan membangkitkan dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih di atas peluang diberi kepada saya untuk membahas Rang Undang-undang Akta Kastam (Pindaan) 2001. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

2.40 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin menyokong pindaan-pindaan kepada Akta Kastam 2001 ini dengan beberapa pemerhatian tentang aspek-aspek yang saya rasa adalah penting.

Yang pertama komen saya ialah pada seksyen yang baru iaitu 22C dan pagi tadi kami telah mendengar pendapat daripada Yang Berhormat Datuk William Lau tentang bahagian ini. Saya sekarang ingin menyentuh tentang kesatuan, tadi kita telah mendengar tentang syarikat-syarikat tentang pengarah bebas dan sebagainya.

Saya sekarang ingin menyentuh tentang ahli persatuan. Dalam pindaan yang dicadangkan itu, kalau persatuan itu kena membayar duti maka kalau itu tidak dapat dibuat maka ahli-ahli dalam persatuan itu juga bersama-sama dan berasingan *liable* untuk membayar cukai kastam yang akan dikenakan itu. Kalau tiap-tiap ahli sesuatu persatuan itu juga kena ada tanggungan ini, maka saya berpendapat ini tidak begitu adil memandangkan banyak daripada keputusan-keputusan itu adalah dibuat oleh sama ada jawatankuasa mereka ataupun oleh pegawai-pegawai yang bertugas dengan persatuan tersebut. Ramai ahli sesuatu persatuan itu selepas memilih jawatankuasa, maka serahkanlah semua tugas untuk menjalankan aktiviti dan juga tanggungjawab persatuan itu kepada jawatankuasanya dan semua urusan sama ada dibuat oleh jawatankuasa ataupun juga oleh pegawai-pegawai yang bertugas dengan persatuan itu.

Dengan pindaan ini maka ahli-ahli juga kena bertanggungjawab dan mungkin sesuatu yang berlaku itu pun di luar pengetahuan mereka. Pindaan-pindaan ni

memerlukan pihak ini juga membayar cukai kastam sekiranya itu dikenakan kepada persatuan. Saya dapati ini adalah tidak begitu adil kepada ahli-ahli dan saya harap kita dapat sedikit penjelasan tentang kenapa ini dibuat.

Saya juga setuju bahawa seksyen-seksyen baru 106A, 106B dan 111B itu diperkenalkan, yang memberi kuasa kepada seseorang pegawai kastam itu memasuki sesuatu premis dan membuat pemeriksaan kepada rekod dan juga data komputer. Tadi kami telah dengar Yang Berhormat Dato' Charern menyatakan ini dibuat tanpa waran. Oleh kerana ini buat tanpa waran, saya harap kementerian akan mengenakan prosedur-prosedur yang dapat kita jelaskan kepada orang awam sebelum ini dikuatkuasakan. Kita tidak mahu keadaan di mana orang-orang tertentu yang meniru ia sebagai seorang pegawai kastam dan masuk ke premis-premis tersebut.

Orang awam harus diberitahu tentang bagaimana mereka dapat menentukan sama ada orang yang datang itu berhak memeriksa rekod, memeriksa premis dan sebagainya. Kita juga kena pastikan bahawa orang yang diberi kuasa untuk berbuat demikian tidak menyalahgunakan kuasanya dan adalah lebih baik pada pendapat saya kalau tidak seorang sahaja yang masuk untuk memeriksa tetapi satu kumpulan adalah lebih baik kalau tiap-tiap kali kita ada satu pemeriksaan semacam ini, kita meminta sesuatu pasukan untuk berbuat demikian, supaya dalam pasukan itu kita ada pegawai-pegawai kanan yang akan bertanggungjawab sekiranya ada apa-apa masalah yang berlaku dalam pemeriksaan itu.

Kalau seorang sahaja datang untuk membuat pemeriksaan, mungkin ada apa yang tidak diingini itu berlaku dan ini akan merosakkan imej jabatan dan juga mungkin keyakinan publik terhadap pemeriksaan semacam ini. Sungguhpun kita sokong bahawa pemeriksaan semacam ini patut dibenarkan tetapi oleh kerana ada masalah-masalah yang mungkin timbul, adalah lebih baik, pada pendapat saya sekiranya pemeriksaan ini dibuat secara kumpulan iaitu satu-satu pasukan diberi tugas untuk membuat pemeriksaannya kepada premis, kepada rekod dan sebagainya sekiranya perlu.

Saya juga ingin menyentuh tentang satu seksyen baru iaitu 124A. Ini berkenaan dengan merahsiakan nama dan alamat informer. Untuk menjayakan skim ini, ada diperuntukkan bahawa sesiapa yang membocor rahsia, nama dan alamat informer itu akan dikenakan denda tetapi kalau pembocoran rahsia itu akan

membawa bahaya kepada informer, maka sungguhpun kemudian orang itu didenda tetapi risiko kepada informer itu memang ada.

Saya harap satu prosedur itu dapat dilaksanakan untuk memastikan bahawa seksyen ini iaitu 124A ini dikuatkuasakan dengan baik dan kita tidak mahulah apa bahaya terjadi kepada informer itu. Kalau banyak kali ditunjuk bahawa seksyen baru ini tidak dipatuhi, maka mungkin kerjasama yang diharapkan oleh jabatan itu tidak akan datang dan kalau tidak datang, maka banyak perkara itu tidak akan diketahui oleh jabatan.

Saya juga sangat bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Datuk Charern tadi tentang ada kes-kes penyelewengan di mana selepas sesuatu itu diketahui, maka mereka mencari informer supaya dapat hadir daripada jabatan. Amalan semacam ini patut dikawal dengan baik oleh jabatan supaya ini tidak timbul. Kalau ini selalu timbul, maka ini juga akan menjejaskan imej jabatan berkenaan.

Tentang amendment kepada seksyen 131, saya hanya ingin tahu kerana ada diperuntukkan dua keadaan iaitu satu keadaan untuk barang larangan, satu keadaan untuk barang yang mana cukai kastam itu tidak dibayar.

Dalam seksyen ini ada diperuntukkan bahawa kalau sesuatu barang larangan itu dijumpai dan kompaun dan pihak yang dikenakan rela dikompaunkan, maka boleh dikenakan sepuluh kali nilai barangan tersebut. Untuk kes yang kedua di mana barang itu bukan barang larangan tetapi barang yang boleh dikenakan cukai, tetapi cukai itu tidak dibayar, maka apabila mereka tawar dibayar kompaun, kompaun yang dikenakan ialah sepuluh kali nilai cukai kastam.

Dalam kedua-dua keadaan ini, jumlah denda ialah sepuluh kali. Satu ialah sepuluh kali nilai barangan dan satu ialah sepuluh kali nilai cukai kastam. Saya ingin tahu kenapa dari segi pengiraan, kalau nilai barangan sepuluh kali nilai barangan adakah ini lebih mahal kalau dibandingkan dengan sepuluh kali nilai cukai kastam.

Pada saya, kalau dibawa masuk barang larangan, bagi saya ini adalah satu kesalahan yang lebih serius kalau dibandingkan dengan membawa masuk satu barang yang dibenarkan tetapi tidak dibayar cukai kastam.

Saya ingin tahu dalam kedua-dua perkara ini, kenapa ditetapkan sepuluh kali, nampaknya sama dan adakah sepuluh kali untuk kedua-dua keadaan itu akan membayangkan seriusnya kesalahan yang disebutkan dalam seksyen 131 ini. Saya harap kalau kedua-dua ada jauh beza, maka keadaan yang serius dan yang kurang

serius itu juga akan diambil kira supaya kita dapat menentukan satu tindakan yang lebih adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, itulah komen-komen saya dan sekali lagi saya menyokong pindaan-pindaan kepada Akta Kastam 2001. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Siti Zailah.

2.51 ptg.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Akta Kastam (Pindaan) 2001. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana meminda Rang Undang-undang Kastam yang ianya diharapkan dapat memantapkan lagi fungsi dan peranan Jabatan Kastam dalam negara kita.

Walau bagaimanapun, saya ingin dapat penjelasan daripada pihak kementerian berkenaan dengan kadar penyeludupan haram yang berlaku terutama di kawasan sempadan. Setakat ini sejauh manakah kerajaan dapat memantau kes-kes penyeludupan yang melibatkan pegawai-pegawai kastam sebab apa yang kita dapati, kita mendapat laporan ada di kalangan pegawai yang terlibat menerima wang rasuah daripada para pengimport dan ada yang mendapat ganjaran tetap, rasuah tetap daripada para peniaga ini. Ini merupakan satu kes yang memalukan dan setakat ini berapa banyakkah kes yang telah dapat dikesan oleh pihak kerajaan dan apakah tindakan yang telah diambil.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian bagaimanakah status pemungutan duti kastam apabila pelaksanaan AFTA dilaksanakan terhadap barang-barangan yang diimport.

Saya juga ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan sebanyak manakah hasil perolehan negara yang telah diperolehi daripada duti kastam setiap tahun setakat ini.

Saya juga ingin menyentuh Fasal 10, seksyen 116, Akta 235 ini, apakah asas yang telah diguna pakai oleh pegawai kastam dalam menentukan jumlah wang yang munasabah iaitu wang kompaun sebagaimana yang disebut dalam Fasal 10.

Saya juga ingin menyentuh Fasal 13, seksyen 120 iaitu mengurangkan peratus barang yang hendak diperiksa dalam satu pemeriksaan terhadap barang yang disita iaitu hanya memadai menguji 5% sahaja daripada barang yang diperiksa. Apakah rasionalnya pindaan ini dibuat dan apa jaminannya terhadap 95% lagi

barang yang tidak diperiksa. Kemungkinan ia mengandungi barang yang menyalahi undang-undang dan barang yang boleh membahayakan seperti barang letupan dan sebagainya.

Jadi, dengan kata-kata itu saya turut menyokong Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2001. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak.

2.54 ptg.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang yang dibentangkan untuk meminda Akta Kastam 1967.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira Yang Berhormat Datuk Charern lah yang paling layak untuk bercakap kerana beliau telah mengupas pindaan ini begitu panjang lebar, implikasi dan juga beberapa perkara yang perlu diambil kira oleh pihak kementerian.

Cuma saya, Tuan Yang di-Pertua, ingin untuk mengemukakan beberapa perkara, beberapa isu. Satu, berkenaan dengan Fasal 4 rang undang-undang ini bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 22C ke dalam Akta 235 iaitu untuk peruntukan bahawa jika sesuatu syarikat, sesuatu firma, sesuatu pertubuhan, sesuatu persatuan. Yang saya lebih berminat, tertarik hati ialah sesuatu pertubuhan atau sesuatu persatuan.

Apakah golongan ini seperti NGOs – pertubuhan bukan kerajaan yang selalu mereka ini bukanlah merupakan sebuah organisasi yang profit making organisation, yang tidak membawa keuntungan. Apakah perlunya seksyen ini dipinda, dimasukkan sesuatu pertubuhan, sesuatu persatuan ke dalam jika ditakrifkan pertubuhan atau persatuan yang berkenaan membuat keuntungan, profit sharing dan sebagainya dan jika sekiranya ini berlaku saya kira boleh dimasukkan tetapi kebanyakan dari pertubuhan-pertubuhan yang ditubuhkan seperti pergerakan kesatuan sekerja, pertubuhan belia, pertubuhan kebajikan dan sebagainya, mereka ini bukan ditakrifkan sebagai pertubuhan yang dianggap membawa keuntungan. They are not business minded people, they are not doing business.

Jadi, saya memohon kepada kementerian untuk memberi penjelasan jika sekiranya penjelasan ini besar kemungkinan bersetuju dengan pendapat saya supaya perkataan “sesuatu pertubuhan atau sesuatu persatuan” ini dapat ditarik, dikeluarkan dari cadangan pindaan yang dikemukakan oleh pihak kementerian.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah soal *informer*. Fasal 14 Rang Undang-undang ini bertujuan untuk memasukkan seksyen baru, 12 (124A) ke dalam Akta 235 iaitu untuk mengenakan kewajipan merahsiakan nama dan alamat *informer* yang *sustain* maklumat ini, Tuan Yang di-Pertua, sama ada maklumat yang diberikan oleh orang-orang tertentu yang memberi maklumat ini boleh dianggap sah dan boleh digunakan oleh pihak kastam untuk tindakan selanjutnya dalam usaha-usaha untuk membanteras kemasukan barang-barang secara haram, mengelakkan daripada cukai dan sebagainya. Sekiranya pindaan ini diluluskan iaitu mengikut apa yang telah dijelaskan dalam fasal 14 ini, pesalah boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Saya tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua, RM10,000 atau tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali, sama ada RM10,000 atau lima tahun ini adalah merupakan satu jumlah yang saksama yang boleh dianggap adil. Dipenjarakan lima tahun dan didenda tidak melebihi daripada RM10,000. Saya kira begitu ganjil sekali di dalam pindaan ini kerana kalau sepuluh orang boleh bayar, besar kemungkinan *they don't want to go to jail* - dengan izin. Jadi dia sanggup bayar RM10,000. Jadi ini satu perkara yang harus dilihat. Kalau pindaan dibuat, hendaklah dipastikan bahawa mereka yang menjadi *informer* dan memberi segala maklumat kepada pihak kastam mendapat sokongan atau *support* daripada orang-orang awam. Mereka harus merahsiakan juga dan mereka yang menghebahkan nama *informer*, sekiranya didenda harus bersamaan dengan denda untuk masuk ke penjara lima tahun seperti yang telah dicadangkan.

Perkara ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada kementerian. Dengan cadangan-cadangan yang begitu baik dan begitu bagus dikemukakan ini kepada kementerian, ada satu pertanyaan yang hendak saya tujukan. Kita semua sedia maklum bahawa globalisasi akan melanda negara kita, *trade globalization* juga akan wujud, AFTA juga akan datang ke negara kita pada tahun 2002. AFTA akan melanda negara kita, globalisasi telahpun masuk dan *trade globalization* telah mula melangkah ke negara kita sekarang. Adakah pihak kementerian - telah memastikan bahawa apa juga pindaan dan persediaan yang dibuat olehnya adalah selaras dengan globalisasi, dengan *trade globalization* atau AFTA yang akan melanda negara kita ini? Jadi saya harap pihak kementerian akan mengambil kira kesemuanya ini kerana persediaan-persediaan wajib, patut dan harus dilakukan bagi

memastikan perlindungan-perindungan harus dibuat dari segi menghadapi globalisasi, *trade globalization* dan juga AFTA yang melanda negara ini.

Jadi, inilah komen-komen yang hendak saya kemukakan secara ringkas dan pendek. Dengan ini saya menyokong pindaan ini. Saya minta pihak kementerian memberi penjelasan selanjutnya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Timbalan Menteri Kewangan menjawab.

3.01 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya hendak merakamkan ribuan terima kasih kepada lima orang Ahli Yang Berhormat kerana telah mengambil bahagian dalam perbahasan Akta Kastam 1967 yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Datuk William Lau telah bertanya tentang seksyen baru 22C. Beberapa perkara telah dibangkitkan mengenai pindaan yang berkenaan. Sepertimana saya telah nyatakan, Seksyen baru 22C ini adalah untuk menyeragamkan peruntukan yang terdapat di dalam beberapa akta seperti Akta Cukai Perkhidmatan dan juga Cukai Jualan yang telah memperuntukkan kuasa kepada jabatan untuk membuat tuntutan wang daripada pengarah atau rakan kongsi syarikat. Pada masa ini, tiada peruntukan berkenaan di bawah Akta Kastam. Maka terdapat sedikit kesukaran untuk mendapatkan balik wang yang terhutang kepada kerajaan. Maka pindaan yang dibentangkan pada kali ini ialah selaras dengan beberapa pindaan yang telah dibuat di dalam beberapa akta yang telahpun dilulus dan dilaksanakan oleh pihak kastam.

Yang Berhormat Tuan Zainal juga menyentuh tentang apakah ertinya kesatuan ataupun pertubuhan di bawah Akta ini. Di bawah Akta ini, *association* ataupun *society* bermaksud badan yang telah didaftarkan secara sah mengikut undang-undang yang ada dan dalam mengambil tindakan, pihak kastam akan menggunakan *articles of association* untuk mengetahui peranan dan tanggungjawab pengarah. Sebelum tindakan yang disebutkan dalam Seksyen 22C di mana kalau kita luluskan, tindakan-tindakan untuk mendapat balik wang kerajaan harus dilakukan dahulu. Sebelum Akta ataupun pindaan ini, tindakan di bawah 22C ini diambil untuk mendapat balik wang kerajaan, termasuk tuntutan melalui cagaran ataupun jaminan bank, tindakan tahan dagangan, tindakan untuk mendapat bantuan daripada agensi-agensi kerajaan yang lain seperti pejabat pendaftar syarikat dan perniagaan dan sebagainya, senarai hitam penama si penghutang di Jabatan

Imigresen, kaviet pendaftaran atas tanah kepunyaan si penghutang dan sebagainya . Maka setelah semua tindakan diambil dan duti kastam yang harus diterima tidak juga diperolehi oleh pihak kastam, maka tindakan di bawah seksyen ini akan diambil oleh pihak kastam.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah juga menyentuh tentang mungkin ada pengarah yang tidak mengambil bahagian yang aktif dalam perniagaan. Maka individu-individu yang bersedia memegang jawatan pengarah ataupun berkongsi dalam mana-mana syarikat perlu memainkan peranan aktif dan tidak wujud sebagai *sleeping partner* dalam aktiviti syarikat dan dengan ini sama-sama dapat membangun dan menjayakan sesuatu syarikat dan seterusnya negara ini di samping menambahkan kualiti *entrepreneurship* Malaysia. Maka pengarah yang memberi alasan bahawa mereka tidak memainkan peranan dalam sesuatu syarikat ini memang tidak boleh diterima oleh pihak kerajaan khususnya pihak kastam.

Yang Berhormat Datuk William Lau juga menyentuh tentang seksyen 106 sama ada ini mencukupi untuk mencapai objektif yang di bawah Akta Kastam ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini seksyen 106 ini cuma merupakan peruntukan tambahan kepada peruntukan-peruntukan yang sedia ada seperti seksyen 107, 108, 114 dalam Akta Kastam 1967.

Yang Berhormat Datuk William Lau juga bertanya sama ada pegawai-pegawai kastam mahir dalam bidang komputer bila mereka telah pun diberi kuasa untuk assess kepada data berkomputer. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, semua pegawai kastam telah pun diberi latihan secukupnya untuk mengendalikan komputer dan latihan *on the job* dan juga kursus komputer sentiasa dirancang dan dikendalikan dan pada masa-masa yang akan datang kita akan menganjurkan lebih banyak kursus untuk pegawai-pegawai kastam supaya mereka benar-benar dapat menguasai kemahiran yang mencukupi tentang perkara ini.

Yang Berhormat Datuk William Lau juga menyentuh tentang seksyen 111P di mana di bawah seksyen ini, pegawai kastam tidak diberikan kuasa untuk merampas komputer. Memang betul di bawah seksyen ini mereka cuma diberikan kuasa untuk mengakses kepada maklumat ataupun data yang berkomputer, tetapi ini memang sangat penting oleh kerana dalam zaman IT dan e-commerce ini tanpa kuasa ini memang susah bagi pegawai kastam untuk menjalankan tugas mereka. Tetapi, kuasa untuk merampas komputer memang telah pun diperuntukkan di bawah

seksyen 114 akta yang sama di mana ia meliputi *all codes* bermaksud *animals, birds, fish, plants and all kinds of movable property* termasuk komputer.

Maka, kuasa ini memang sudah ada dalam seksyen 114. Yang Berhormat Dato' Charern selaku seorang bekas pegawai kastam kanan telah menyentuh tentang beberapa perkara dalam pindaan yang dibawa ke Dewan ini. Saya merakamkan jutaan terima kasih kepada beliau sebagai seorang yang berpengalaman dalam hal kastam telah pun mengemukakan beberapa pandangan yang sangat berguna untuk pihak kastam untuk menjalankan tugas kita. Yang Berhormat Dato' Charern telah menyentuh tentang seksyen 19 iaitu, Fasal 2 dalam pindaan akta ini dan beliau bertanya tentang perbezaan WTO *valuation* dan sebelum WTO *valuation*.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, perbezaan penilaian kastam sebelum dan selepas 1 Januari, 2000 boleh dilihat daripada beberapa segi. Perbezaan daripada segi konsep, daripada segi definisi, daripada segi kaedah penilaian dan juga daripada segi teknikal. Daripada segi konsep, kalau ikut penilaian lama, konsep penilaian berasaskan *notional* iaitu harga pasaran terbuka, manakala kalau ikut sistem baru, ia berlandaskan konsep positif iaitu harga sebenar dibayar atau kena dibayar. Kalau ikut daripada segi definisi sistem lama, definisi nilai yang lama di bawah seksyen 2, Akta Kastam 1967 iaitu nilai perhubungan dengan barang-barang yang diimport ertinya harga yang akan diberi oleh seorang pengimport bagi barang-barang atas pembelian di pasaran terbuka. Manakala di bawah sistem baru, nilai berhubung dengan barang-barang yang diimport bererti nilai kastam sebagaimana yang ditetapkan di bawah sub-seksyen 142 (35B) Akta Kastam 1967.

Oleh kerana terdapat banyak perbezaan di antara kedua-dua sistem ini, saya tidak berhasrat untuk menyebutkan satu demi satu dan saya akan memberikan kepada Yang Berhormat Dato' Charern secara bertulis kesemua perbezaan yang terdapat di antara kedua-dua sistem yang disebutkan. Yang Berhormat juga bertanya tentang jumlah wang hadiah yang telah pun diberikan kepada *informer* yang memberikan maklumat kepada pihak kastam dan oleh kerana maklumat yang diberikan ini, kita telah berjaya untuk merampas barangan yang tertentu.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jumlah hadiah kepada *informer* adalah lebih kurang RM8 juta dalam tahun 2000. Manakala amaun hadiah yang paling tinggi diberi untuk sesuatu kes ialah RM500,000 dan ini merupakan yang tertinggi. Berhubung dengan *planted* kes, jabatan memang berhati-hati. Setiap kali

pihak kastam menerima sesuatu maklumat, pihak kastam memang sentiasa menjalankan siasatan yang terperinci sebelum sesuatu kes ini diambil tindakan dan kita selalu mempertimbangkan sesuatu syor hadiah supaya yang diluluskan ini bukan merupakan kes *planted*. Maka, sehingga sekarang ini belum ada lagi kita dapat kes di mana wang hadiah dibayar merupakan kes *planted*.

Yang Berhormat Dato' Charern juga menyentuh tentang seksyen 106A dan 106B iaitu, seksyen baru di mana pegawai kastam dibenarkan menggeledah tanpa waran. Fasal 6 ini, iaitu seksyen 106A dan 106 B merupakan satu keperluan dan juga selaras dengan pelaksanaan penilaian WTO mulai 1 Januari, 2000 iaitu menjalankan *post clearance audit*.

Ia lebih merupakan pemeriksaan rutin di premis bagi memastikan nilai barang yang diikrar semasa import selaras dengan WTO Valuation Code, dengan izin, di mana Seksyen 107 dan Seksyen 108 kita kena mendapatkan waran, ia merupakan peruntukan bagi sesuatu kesalahan di bawah akta yang disyaki sedang atau akan dilakukan. Oleh kerana peruntukan adalah untuk penilaian WTO, ianya relevan untuk import sahaja kerana dalam WTO dia sentuh dengan import sahaja dan eksport ini tidak berkenaan, maka dalam konteks ini masalah eksport memang tidak berbangkit.

Yang Berhormat Dato' Charern juga menyentuh tentang Seksyen 116(5) yang baru dan juga 116(2) yang sedia ada, sama ada ianya boleh dilepaskan ataupun sama ada kedua-dua ini ada percanggahan. Kedua-dua ini memang tiada percanggahan kerana mengikut definisi '*proper officer of customs*' dan '*officer of customs*', kedua-duanya juga meliputi '*police officer*'.

Tentang lokap kerana di bawah pindaan ini pihak kastam boleh mengemukakan apabila sesuatu kes ini kita memerlukan tahanan melebihi 24 jam di mana mungkin satu *syndicated case* ataupun satu kes *across border* yang terlibat, di mana 24 jam ini memang tidak cukup untuk kita menyempurnakan siasatan, maka kita akan membawa kes ini ke mahkamah dan apabila dapat keputusan dari mahkamah kita boleh menahan seseorang ini melebihi 24 jam tetapi tidak lebih 15 hari.

Dalam konteks ini, Yang Berhormat Dato' Charern bertanya sama ada kita mempunyai tempat yang sesuai untuk menjalankan tahanan. Maka untuk makluman Dewan yang mulia ini secara interim kita akan menggunakan balai polis untuk

tahanan dan lokap telah pun diperuntukkan di pejabat-pejabat pencegah yang baru, maka ini tidak akan menjadi satu masalah.

Yang Berhormat Senator Dato' Charern juga membangkitkan perkara terjemahan Akta Kastam ke Bahasa Malaysia. Akta ini telah pun diterjemahkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan Jabatan Peguam Negara pada masa ini sedang dalam proses untuk mewartakannya. Sebelum akta dalam Bahasa Malaysia ini diwartakan, kita tidak menghadapi apa sahaja masalah semasa kita menjalankan pendakwaan di mahkamah kerana memang sudah ada panduan daripada terjemahan yang tidak rasmi tetapi apabila timbulnya masalah kita akan merujuk kepada akta ini dalam bahasa Inggeris. Tetapi bila akta ini dapat diwartakan oleh pihak Peguam Negara, memang perkara ini boleh dianggap selesai.

Yang Berhormat juga menyentuh tentang Seksyen 117, bertanya adakah pendakwaan akan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya. Pada masa kini, Timbalan Pendakwa Raya menjalankan kes-kes di Mahkamah Tinggi. Walau bagaimanapun, jika ianya melibatkan kepentingan awam dan juga kes-kes rumit, Timbalan Pendakwa Raya juga akan menjalankan kes-kes ini di Mahkamah Rendah, Mahkamah Sesyen dan juga di Mahkamah Majistret. Bagi kes-kes permohonan reman, ia akan dikendalikan oleh Pegawai-pegawai Pendakwa Kastam di seluruh Malaysia dan pada masa kini terdapat empat orang Timbalan Pendakwa Raya yang bertugas di Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan buat masa ini memang mencukupi untuk menjalankan kes-kes di mana perlu didakwa oleh Timbalan Pendakwa Raya. Demi memantapkan pendakwaan

Tuan Zainal bin Rampak: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya ingin tahu berapa lama kes-kes yang tertangguh atas *exercise* yang mengelakkan pembayaran cukai dan sebagainya yang kena tangkap. Saya hendak tahu berapa lama kes-kes ini ditangguh di mahkamah-mahkamah biasa, kita tahu kes-kes sivil, kes-kes lain, *criminal case* banyak yang ditangguh begitu berpanjangan. Saya ingin tahu berapa lama kes ini ditangguh dan sama ada terpaksa ditangguhkan atas sebab-sebab yang tertentu dan sebagainya, satu persoalan.

Yang kedua, adakah kementerian bercadang untuk mengadakan kod khusus (*special code*) untuk mengendalikan kes yang mereka kena tangkap tanpa membayar cukai, mengelakkan cukai dan sebagainya. Ini lebih menyenangkan

perkara ini diselesaikan, dengan sekali gus ianya akan dapat *generated income* yang lebih baik, yang lebih cepat kepada kerajaan itu sendiri dan kes-kes ini dapat diselesaikan dengan secepat mungkin.

Dato' Chan Kong Choy: Terima kasih, Yang Berhormat. Memang pihak kastam dari masa ke semasa mengendalikan kursus-kursus kepada orang ramai untuk mempertingkatkan kesedaran mereka tentang hal percukaian. Tentang berapa lama sesuatu kes ini ditangguh dalam mahkamah, saya tidak mempunyai maklumat di sini tetapi biasanya kita akan cuba dengan peruntukan-peruntukan yang sedia ada untuk mendapatkan segala duti yang patut dibayar kepada kerajaan. Cuma bila semua cara ini telah dicuba dan bayaran tidak dapat juga dibayar kepada pihak kastam, maka baru kita mendakwa sesuatu, membawa sesuatu kes ini ke mahkamah dan semasa kita membawa satu kes ke mahkamah, biasanya pihak kastam telah mendapati bukti yang konkrit, bukti yang kukuh untuk sesuatu kes mahkamah ini, maka biasanya ia tidak memakan masa yang panjang.

Demi memantapkan pendakwaan Pegawai Pendakwa Kastam, apabila kes-kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, mereka akan juga diminta untuk membantu agar dapat menimba pengetahuan dan juga pengalaman. Ini juga memang merupakan satu proses latihan untuk mela tih pegawai kastam.

Seksyen 117 di bawah Akta Kastam tidak lagi diperlukan kerana kuasa untuk menjalankan pendakwaan telah pun diperuntukkan di bawah Seksyen 377 di bawah Kanun Prosedur Jenayah.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah bertanya tentang setakat ini, terdapat berapa orang pegawai kastam dikenakan tindakan tatatertib. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kes yang terlibat dalam rasuah ataupun penyelewengan, dalam tahun 1999 terdapat 20 kes, tahun 2000; 13 kes dan tahun 2001 sehingga hujung bulan Mei cuma 1 kes sahaja. Maka, boleh dikatakan sejumlah kecil sahaja kerana dalam kastam kita mempunyai lebih kurang 11,000 jumlah anggota. Dalam dua tahun sejumlah 33 orang yang terlibat dalam penyelewengan sahaja – kurang daripada 0.5% ataupun 0.1%, maka saya boleh mengatakan bahawa kastam adalah merupakan satu pasukan kerajaan yang cukup berdisiplin dan prestasi mereka sangat-sangat memuaskan.

Tuan Zainal bin Rampak: Tuan Yang di-Pertua, satu saya hendak bertanya. Oleh kerana kata Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, prestasi pegawai kastam sungguh baik dan golongan inilah yang membawa pendapatan kepada negara kita.

Walaupun ada wujud setengah-setengah mengatakan ada penyelewengan, ada korupsi, saya kira jumlahnya tidak begitu besar dibandingkan dengan negara-negara lain.

Saya ingin hendak tahu daripada Yang Berhormat, oleh kerana prestasi pegawai kastam begitu baik, mereka berkhidmat begitu bagus, menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka seperti mana Dato' Charern yang telah berkhidmat begitu lama, saya hendak tahu sama ada pihak kementerian ada memberi insentif kepada pegawai-pegawai ini yang menjalankan tugas yang baik.

Oleh kerana saya ini orang kesatuan, saya selalu cakap hal kaum pekerja – menjaga kepentingan mereka. Jadi, insentif ini merupakan satu daya usaha yang paling baik untuk menggalakkan mereka bekerja lebih kuat dan meninggikan mutu kerja dan meninggikan produktiviti mereka dan mereka boleh berkhidmat dengan bersungguh-sungguh tanpa mengira, dengan izin, without fear or favour, tanpa gentar dan takut terhadap menjalankan tugas mereka sama ada di darat, di laut atau di mana juga. Jadi, adakah kementerian bercadang untuk mengadakan insentif kepada mereka ini kerana mereka telah bekerja kuat berkhidmat untuk negara dan juga perkhidmatan kastam. Terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat yang selalu memperjuangkan kebajikan dan kepentingan pekerja di dalam negara kita dan saya yakin jugalah pegawai kastam akan memberikan sokongan kepada Yang Berhormat juga dalam perjuangan Yang Berhormat.
[Ketawa]

Pihak kerajaan memang selalu memberikan perhatian yang cukup serius dan khusus kepada kebajikan pegawai kerajaan dan dalam kes ini saya hendak memberitahu kepada Dewan yang mulia ini, mulai tahun ini kita juga telah memberikan elaun tambahan kepada pegawai-pegawai kastam yang menjalankan pencegahan. RM300 ya? *[Bertanya kepada Pegawai Kastam yang bertugas]* RM300. Kita telah memberikan kepada keseluruhan anggota kastam yang telah menjalankan pencegahan dan kita juga sedang dalam proses. Perkara ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Charern – tentang Marine Custom, sama ada mereka akan diserap kepada kastam biasa. Perkara ini juga dalam pertimbangan kerajaan dan tidak lama lagi kita akan membuat satu keputusan.

Kesemua ini telah menunjukkan bahawa pihak kerajaan memang sentiasa mengambil berat tentang kebajikan dan kepentingan pegawai-pegawai kerajaan termasuk kastam.

Yang Berhormat Dato' Charern juga bertanya mengapa kuasa kompaun kepada DG, diberikan kepada Ketua Pengarah hingga penolong kanan kastam sahaja. Di bawah seksyen 33 Akta Kastam membenarkan jawatan-jawatan dari Timbalan Ketua Pengarah Kastam, Penolong Ketua Pengarah Kastam dan juga Penolong Kanan Pengarah Kastam dan Penolong Pengarah Kastam menjalankan kuasa Ketua Pengarah Kastam.

Pindaan kepada kuasa kompaun mula dilaksanakan dipinda dalam tahun 1995 bagi smuggling offence, dengan izin, dan biasanya merupakan kes-kes besar sebagai satu langkah untuk mengurangkan back-log cases di mahkamah di mana boleh dikompaun minimum dua kali duit terlibat dan maksimum sepuluh kali duit. Kuasa kepada penguasa masih ada hingga RM5,000 kompaun. Pindaan yang dibuat pada kali ini ialah untuk memperkemas kini peruntukan yang ada supaya lebih mudah dilaksanakan.

Yang Berhormat Dato' Charern juga bertanya tentang barang-barang bukti yang dilucut hak perlu dijual dengan segera. Memang pihak kerajaan, pihak kastam semasa merampas barangan bukti dalam tindakan kastam memang merupakan praktis kastam untuk menjualkan semua barangan yang dirampas ini dengan segera. Ini memang merupakan satu praktis yang dijalankan oleh pihak kastam. Tentang jumlah kereta yang belum dijual setakat ini angkanya lebih kurang 400 buah kereta yang belum dijual setakat ini.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng bertanya beberapa pindaan kalau sekiranya diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, bagaimanakah dapat dikuatkuasakan dengan adil. Bagi penguatkuasaan yang adil, Jabatan Kastam melaksanakan sistem pendaftaran yang berperingkat di mana hanya pegawai yang menerima maklumat sahaja yang mengetahui maklumat pemberi maklumat. Pendaftaran pula dilakukan dengan menggunakan kod-kod tertentu dan perlindungan secara berkesan akan diberikan kepada sesiapa yang akan memberikan maklumat kepada kastam dan jabatan telah mengadakan peraturan kerja tertentu yang memberikan garis panduan pegawai, identiti pemberi maklumat.

Yang Berhormat juga menyentuh tentang rancangan untuk menggantikan bot bahtera dan juga jumlah peruntukan yang diberikan untuk membeli bot ronda.

Buat masa ini belum ada rancangan lagi kerana perlu untuk operasi bersama di dalam negeri dan di luar negeri. Dan tentang jumlah untuk membeli bot ronda, saya tidak mempunyai angka pada masa ini dan saya akan memberikan maklumat ini kepada Yang Berhormat secara bertulis.

Tentang penyerapan skim kastam marine kepada pegawai kastam, saya telahpun menjawab bahawa perkara ini dalam pertimbangan pihak kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin juga bertanya tentang rasional dan kaedah dalam menetapkan kadar pemeriksaan dibuat hanya 5%. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ini memang merupakan satu *internationally accepted norm* di mana kebanyakan negara di seluruh dunia ini memang mengambil 5% ini sebagai satu *norm*.

Ia juga menguntungkan pihak pengimport memandangkan tidak perlu membuka dan juga memeriksa semua bungkusan ataupun kontena bagi mengesahkan kandungan barang yang diikrar, ia dapat menjimatkan masa, tenaga dan juga kos. Maka ini memang merupakan satu *norm* dan mustahil bagi kita memeriksa semua barangan yang akan diperiksa kerana kadang-kadang ada beribu kontena ataupun berpuluh kontena, mustahil bagi kita menjalankan pemeriksaan ke atas semua barangan yang akan diperiksa ini.

Tentang Fasal 10, kadar munasabah untuk dikompaun, maka tertakluk kepada duti terlibat, *seriousness of the offence* ataupun kesalahan pertama atau tidak, serta juga sensitiviti kes ini. Kesemua ini akan diambil kira sebelum satu kadar kompaun dikenakan ke atas kes-kes yang berkenaan.

Yang Berhormat Senator Zainal Rampak juga bertanya tentang adakah pindaan sekarang dengan perubahan seperti AFTA dan juga globalisasi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apa juga pindaan yang selaras dengan kehendak semasa, kita akan mengemukakan pindaan kepada Dewan yang mulia ini, dan pindaan ini bukan sahaja kepada AFTA ataupun kepada akta induk tetapi peraturan-peraturan dan juga perintah-perintah kastam, maka setelah menerima ataupun meluluskan pindaan-pindaan yang saya bentangkan kepada Dewan yang mulia ini, kita akan mengambil tindakan untuk meminda peraturan-peraturan dan juga perintah yang berkenaan untuk bersesuaian dengan pembaharuan semasa.

Maka itu sahaja yang saya dapat menjawab kepada soalan-soalan yang telah ditimbulkan oleh lima orang Ahli Yang Berhormat. Perkara-perkara yang saya tidak

sempat sentuh, saya akan memberikan jawapan secara bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal 1 hingga 20–

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat
3.41 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, saya ingin hendak bertanya tentang Fasal 2, di mana ianya menyebut sistem penilaian pertubuhan perdagangan dunia (WTO) akan digunakan seperti yang ditetapkan melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta 235 ini. Saya hendak tahu dalam kes di mana barang-barang yang diimport oleh kita mendapat subsidi yang banyak di negara-negara asal terutama sekali dari segi pembuatan besi dan juga barang-barang pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, ini berlaku. Di Amerika pun berlaku perkara-perkara semacam ini. Jadi, macam manakah kita di sini menentukan adakah barang-barang itu benar-benar mengikut harga berasaskan kos tanpa subsidi, kerana kalau ada subsidi, ianya akan dilambakkan di tempat kita. Jadi, apakah *modus operandi* dengan izin, yang digunakan oleh pihak kastam di negara kita ini bagi menentukan perkara-perkara ini tidak dijadikan lambakan barang-barang subsidi daripada negara-negara luar.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Pengerusi, di bawah Fasal 2 ini pindaan Seksyen 19 cuma menerangkan kaedah dan juga sistem bagi dua jenis televisyen dan tidak ada kena mengena dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz. Dan perbezaan antara dua sistem ini iaitu sistem yang dipraktik sebelum 1 Januari 2000 dan selepas 1 Januari 2000 ini saya telahpun sebutkan semasa saya menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Charern.

Dan untuk barang-barang diimport yang menerima subsidi, ini telah diliputi oleh Akta Anti-Dumping dan bukan di bawah Akta Kastam ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Fasal-fasal 1 hingga 20 jadi sebahagian dari rang undang-undang.

Fasal-fasal 1 hingga 20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI JUALAN (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.44 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu rang undang-undang yang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972 dibaca kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan memantapkan perundangan pentadbiran Jabatan Kastam serta menyelaraskan pindaan yang serupa dibuat di bawah Akta Kastam 1967.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972 ini melibatkan 10 pindaan. Fasal 3 adalah bagi meminda subseksyen 23(3) untuk menyelaraskan peruntukan di mana tempoh had masa satu tahun tidak terpakai bagi sesuatu *penalty* atau *surcharge* di bawah Ordinan Had Masa Sabah dan Ordinan Had Masa Sarawak.

Fasal-fasal lain adalah bagi menyelaraskan pindaan dan yang serupa ataupun *consequential* di bawah Akta Kastam 1967 yang mana berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

3.46 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin merakamkan tahniah kepada kementerian di atas beberapa cadangan yang dicadangkan untuk Akta 64 ini. Dan saya hanya ingin menyentuh tentang satu perkara iaitu pindaan yang dicadangkan kepada subseksyen 23(3), di mana ia tidak akan dihadkan di bawah Akta Had Masa Sarawak dan Sabah. Bagi saya ini adalah satu perkara yang amat sesuai oleh kerana apabila kita kena kutip bayaran sebenarnya bayaran itu mesti dijelaskan dan kalau dikenakan had satu tahun dan kalau dalam masa satu tahun itu kita tidak dapat jelaskan maka cukai itu kena dimansuhkan atau kena dihapuskan.

Bagi pendapat saya adalah sangat-sangat tidak sesuai. Oleh kerana mungkin dalam keadaan-keadaan tertentu penyiasatan yang kena dibuat itu akan mengambil masa lebih daripada satu tahun dan kalau selepas satu tahun sudah luputlah apa kuasa untuk mengutip maka pada pendapat saya, ini amatlah tidak sesuai. Tetapi saya hanya hendak tahu apa akan terjadi kalau selepas sesuatu tempoh itu selepas katakan satu tahun sungguhpun tidak dihadkan sekarang dengan pindaan ini, apa akan terjadi kalau pihak itu katakan sesuatu syarikat tidak menjelaskan tetapi telah gulung tikar. Adakah peruntukan yang mana kami boleh guna untuk memastikan hutang-hutang itu juga dibayar dan adakah kita ada kuasa untuk memaksa pengarah-pengarah syarikat berkenaan untuk membayar seperti yang telah dicadangkan dalam akta tadi, di mana pengarah-pengarah itu juga libel untuk menjelaskan cukai-cukai berkenaan.

Tetapi dalam keadaan di mana sesuatu syarikat itu telah tutup, adakah kerajaan masih dapat membuat tuntutan sungguhpun masa yang sekarang telah dipanjangkan, tidak ada had tetapi sama ada kita masih boleh dapat balik apa yang dihutang kepada kerajaan. Itu sahaja komen saya, Tuan Yang di-Pertua, dan saya menyokong pindaan-pindaan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman
3.50 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya memang menyokonglah tujuan murni untuk mengadakan pindaan kepada Akta Cukai Jualan 1972, Akta 64 ini. Cuma hanya memohon penjelasan daripada pihak kerajaan, terutama sekali berkenaan dengan fasal 6, yang seperti juga akta sebelum ini yang mengatakan bahawasanya pihak pegawai-pegawai daripada Jabatan Kastam

mempunyai kuasa untuk mendapat akses kepada maklumat berekod atau data berkomputer.

Saya ingin mengetahui adakah pihak jabatan ini sekarang melengkapkan dari segi pegawai-pegawainya untuk menentukan supaya akses pada komputer ini dapat dibuat tanpa membawa pegawai-pegawai daripada luar ataupun mereka membuat, mohon izin, *out sourcing*, maknanya kalau perlu menggunakan, untuk mengaudit sistem-sistem yang berkomputer untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang sah maka mereka memerlukan jabatan-jabatan lain seperti MAMPU dan sebagainya.

Dan, kalau berbuat demikian, adakah Akta ini memberi hak kepada mereka untuk mendapatkan perkara-perkara itu dan perkara-perkara ini juga terpelihara dari segi kes-kes perundangan. Kalau sekiranya ada orang hendak membawa kes terhadap mereka, adakah kita menentukan bahawasanya pegawai-pegawai kastam sahaja yang boleh mendapatkan akses kepada maklumat-maklumat ini dan kalau sekiranya kalau mereka tidak berupaya mereka juga dapat membawa expertist, mohon izin daripada jabatan-jabatan lain, kerana ianya tidak memberikan definisi yang begitu jelas dari segi akses kepada maklumat-maklumat ini.

Saya juga, Tuan Yang di-Pertua, ingin menyentuh Fasal 10, iaitu berkenaan dengan pengurangan sample untuk hendak membuat pemeriksaan, iaitu dalam Fasal 10, di dalam sesuatu pemeriksaan sebahagian daripada 10% diturunkan kepada 5% dan untuk memperuntukkan bahawa jika didapati perlu untuk menguji mana-mana barang yang diambil di bawah Akta 64, maka adalah memadai untuk menguji hanya satu contoh yang tidak melebihi 5% daripada barang-barang yang telah diperiksa sedemikian.

Saya tidak nampak relatifnya 5% ini kepada population seluruhnya barang-barang yang di *check* itu. Jadi, kalau sekiranya 100 barang, ianya hanya di *check* 5% sahaja bererti 5 barang sahaja yang hendak di *check*. Saya tak tahu bagaimana pihak kerajaan dapat sampai kepada 5% ini, adakah pengalamannya mengehadkan 5% ini kerana terlalu banyak barang yang hendak di *check*, yang hendak diperiksa di dalam kes-kes yang dialami oleh pegawai-pegawai kastam, kerana kalau ianya 100 ribu, 200 ribu barang yang hendak di *check*, kalau 5% mungkin banyak.

Jadi, tidakkah boleh ianya mengatakan tidak mengehadkan dari segi kita hendak *check* barang-barang ini sekurang-kurangnya 5%. Kalau tidak kadang-kadang dalam 5% itu, Tuan Yang di-Pertua, sample yang begitu kecil, kalau kita ada

was-was kepada 5% itu, ianya memungkinkan pegawai-pegawai untuk hendak memeriksa lebih banyak lagi barang-barang. Tetapi kalau kita hadkan kepada 5% sahaja, syak wasangka pegawai-pegawai kastam kepada sample yang 5% itu ia tidak boleh melebihi 5%. Jadi, adakah ini satu-satu perundangan yang begitu khusus, yang mengehadkan mereka daripada melebihi 5%. Jadi, saya lebih senang dengan perkataan dihadkan tidak melebihi 5%, sekurang-kurangnya 5%, mungkin lebih memberikan 'leeway', mohon izin, memberikan mereka budibicara untuk melebihkan pemeriksaan itu kerana wujudnya syak wasangka di atas apa yang mereka periksa.

Jadi, itu sahaja yang saya ingin dapat penjelasan daripada pihak kerajaan, mudah-mudahan hasil penjualan ini akan sentiasa meningkat untuk kegunaan kerajaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin.

3.54 ptg.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin memberi satu ucapan tahniahlah kepada kementerian yang menggariskan undang-undang yang begitu baik sekali. Cuma saya hendak penjelasan tentang Fasal 7 yang memberi peruntukan bagi pelepasan orang yang ditangkap di bawah akta 64, daripada perniagaan apabila dia menandatangani apa-apa jumlah wang yang munasabah sebagaimana yang dikehendaki oleh seorang pegawai yang hak.

Jadi, soalan saya, saya hendak tanya apakah jumlah wang yang munasabah? Bila kita guna 'munasabah' ini kadang-kadang kalau tidak ada angka atau tidak ada formulanya boleh menimbulkan syak wasangka kepada pegawai-pegawai yang telah menggariskan jumlah-jumlah dakwaan yang dikatakan munasabah ini. Jadi, saya hendak tahu kenapa tidak kementerian menggariskan formula supaya semua orang tahu. Kalau ini jumlahnya, inilah formula untuk dikatakan munasabah.

Dan satu lagi soalan saya tentang Fasal 7 juga. Kuasa ini diberikan oleh pegawai yang ada hak. Jadi, saya hendak tahu pegawai yang macam mana yang ada hak dan mengapa tidak kita gariskan beberapa pegawai seperti pengarahkah, timbalan pengarahkah atau pegawai-pegawai yang ada nama tertentu supaya Fasal ini tidak boleh disalahgunakan oleh bukan hanya pegawai itu sendiri tetapi mungkin orang yang ditangkap tadi di atas ada kelonggaran munasabah dan pegawai yang ada hak tadi.

Itu soalan saya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menjawab.

3.56 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng menyentuh tentang seksyen 23(3) yang menyentuh tentang had masa. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah menyuarakan sokongan terhadap perkara ini dan Yang Berhormat bertanya apa yang terjadi apabila syarikat telah "gulung tikar"? Maka dalam kes ini kita akan menggunakan seksyen 26, Akta Cukai Jualan yang ada serta pindaan seksyen 26 dan di mana apabila pindaan-pindaan yang disebutkan ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, kita bolehlah mendapat balik apa yang harus dibayar kepada pihak kerajaan oleh syarikat yang berkenaan termasuk pengarah-pengarah dan juga rakan-rakan kongsi yang terlibat.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bertanya bila pegawai kastam diberikan kuasa untuk mengakses kepada data berkomputer, sama ada pihak kastam mempunyai kemahiran ataupun kepakaran yang mencukupi untuk menjalankan tugas mereka. Saya hendak memberikan jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa pihak kastam telah pun menjalankan latihan yang mencukupi untuk pegawai-pegawai yang bertugas ini supaya dapat menguasai kemahiran yang mencukupi untuk menjalankan tugas.

Setakat ini terdapat juga pegawai-pegawai yang berkelayakan dalam *computer science* telah dilantik untuk menyertai pasukan kastam. Dalam konteks ini, hanya pegawai kastam sahaja yang akan dibenarkan untuk menjalankan tugas untuk mengakses data berkomputer kerana memang mempunyai elemen kerahsiaan, maka kita tidak membenarkan orang lain ataupun *outsourcing* untuk mendapatkan bantuan daripada orang lain untuk menjalankan tugas ini.

Tentang pemeriksaan sampel 5% ini, saya telah pun memberikan jawapan semasa menggulung dalam perbahasan Akta Kastam dan saya tidak akan mengulangi jawapan saya di sini.

Cadangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Dato' Hamzah tentang mengadakan garis panduan yang mengatakan sesiapa atau pegawai yang di peringkat mana yang berhak untuk menjalankan tugas ini dan kompaun mana yang berpatutan, kita akan memberikan pertimbangan semasa kita merangkakan perintah ataupun *by-laws* selepas pindaan ini diluluskan dalam Dewan yang mulia ini.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PERKHIDMATAN (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.03 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu rang undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dibaca kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan pentadbiran Jabatan Kastam serta menyelaras pindaan yang serupa yang dibuat di bawah Akta Kastam 1967 dan Akta Cukai Jualan 1972.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975 ini mempunyai 11 pindaan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda takrif perkhidmatan yang kena dibayar cukai yang dieksportkan dalam subseksyen 2(1) untuk tidak mengenakan cukai

perkhidmatan ke atas penyediaan polisi insurans untuk melindungi pengangkutan antarabangsa barang-barang dan penyediaan polisi insurans kredit eksport.

Fasal ini juga bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 2(2) untuk menjelaskan kedudukan Labuan, Langkawi, kawasan pembangunan bersama dan zon bebas bagi maksud takrif baru ini.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Fasal-fasal lain adalah berbangkit dan bagi tujuan menyelaraskan dengan pindaan-pindaan yang serupa yang dibuat di bawah Akta Kastam 1967 yang mana berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dijemput Yang Berhormat Dato' Charern.

4.05 ptg.

Dato' Charern Intachat: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan di atas peluang yang diberi kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Akta Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2001. Kebanyakan pindaan-pindaan di dalam rang undang-undang ini adalah sama seperti yang telah dibangkitkan di dalam Rang Undang-undang Akta Kastam (Pindaan) 2001 yang telah pun dibahaskan oleh saya. Walau bagaimanapun, saya ingin membangkitkan beberapa perkara tentang cukai perkhidmatan yang dipungut oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.

Tuan Yang di-Pertua, cukai perkhidmatan mula diperkenalkan di negara ini pada tahun 1975 dengan tujuan memungut cukai bagi membantu industri pelancongan. Dari segi konsepnya, ia merupakan sistem percukaian yang tidak rumit atau dengan izin, *the very simple tax*. Pada tahun 1992, kerajaan mengambil keputusan untuk memungut cukai perkhidmatan dari industri perkhidmatan dengan memasuki orang profesional seperti akauntan, arkitek dan konsultan ke dalam senarai mereka yang kena membayar cukai ini, selepas itu diperkenalkan pula cukai perkhidmatan di atas segala bentuk perkhidmatan pengurusan. Dengan pindaan-pindaan tersebut, undang-undang ini menjadi kabur dan pihak kastam yang mentadbir dan memungut cukai perkhidmatan terpaksa membuat beberapa

keputusan yang saya rasa tidak konsisten. Saya khawatir mungkin terdapat cukai perkhidmatan yang telah tersilap dipungut oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan saya harap pihak kementerian dapat mengambil perhatian tentang perkara ini.

Saya difahamkan terdapat beberapa rayuan daripada syarikat-syarikat kepada Ketua Pengarah Kastam tentang keputusan-keputusan yang dibuat oleh pihak kastam untuk mengenakan cukai perkhidmatan terhadap mereka. Satu kes telah dibawa ke mahkamah iaitu Sarawak Shell Berhad di mana mahkamah telah pun membuat keputusan untuk membatalkan keputusan Ketua Pengarah Kastam mengenakan cukai perkhidmatan ke atas syarikat ini. Saya percaya ada lagi kes-kes seperti ini yang akan dibawa ke mahkamah oleh mereka yang tidak puas hati terhadap keputusan yang dibuat oleh jabatan ini berkenaan dengan pungutan cukai perkhidmatan. Oleh itu, untuk menjaga imej dan nama baik jabatan, perlu dibincang dan dikaji dengan baik dan mendalam ke atas sesuatu keputusan yang dibuat untuk mengenakan cukai perkhidmatan. Pihak kementerian juga diharap mengawasi keputusan-keputusan yang dibuat oleh ibu pejabat Kastam. Jabatan ini perlu menempatkan pegawai-pegawai yang betul-betul memahami segala aspek perundangan yang ditadbir dan dikuatkuasakan oleh mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, cukai perkhidmatan telah pun dipinda dengan semua kelas lesen rumah awam dan rumah beer atau *public houses* dan *beer houses* dikenakan cukai perkhidmatan sebanyak 5% tetapi saya difahamkan di Sarawak dan Sabah, cukai perkhidmatan 5% ini tidak dikenakan ke atas *public houses* dan *beer houses* di sana. Mungkin ada sebab-sebabnya keistimewaan ini diberi kepada orang Sabah dan Sarawak. Saya harap pihak kementerian dapat memberi penjelasan kepada saya tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pelaksanaan perjanjian WTO dan AFTA, sumber pendapatan hasil bagi negara kita daripada cukai kastam iaitu import dan eksport nescaya akan merosot dan kita terpaksa memperluaskan cukai jualan dan cukai perkhidmatan supaya sumber pendapatan dari cukai ini dapat dikekalkan. Saya difahamkan pada tahun ini sahaja, sasaran Jabatan Kastam memungut cukai perkhidmatan ialah RM24 bilion. Saya berpendapat sudahlah tiba masanya kerajaan bersedia dan mengkaji dengan serius tentang pelaksanaan sistem cukai *Value Added Tax* (VAT) yang satu-satu sistem percukaian yang efisien. Rata-rata negara di dunia ini telah pun menggunakan VAT dalam sistem percukaian mereka. Di kalangan negara ASEAN, VAT telah pun diperkenalkan di Singapura, Thailand,

Filipina dan Indonesia. Beberapa tahun dahulu, saya masih ingat Yang Berhormat Menteri Kewangan ketika itu telah pun membuat kenyataan di Parlimen untuk memperkenalkan cukai SST ataupun Sales and Service Tax yang seakan-akan sistem VAT ini tetapi atas sebab-sebab yang tertentu, SST tidak dilaksanakan walaupun ketika itu pegawai-pegawai di Jabatan Kastam telah pun diberi latihan dan arahan untuk membuat persediaan bagi melaksanakan sistem baru ini.

Mungkin pihak kementerian dapat memberi penjelasan sedikit tentang keputusan kerajaan menolak SST ini. Saya percaya VAT boleh dilaksanakan dan diterima oleh rakyat sekiranya kerajaan memberi masa yang cukup sekurang-kurangnya dua tahun untuk memberi penjelasan dan penerangan kepada peniaga-peniaga dan rakyat.

Baru-baru ini Ketua Pengarah Kastam telah membuat kenyataan di dalam akhbar bahawa kira-kira 50% peniaga di sektor perkhidmatan di seluruh negara yang berpendapatan lebih daripada RM500,000 setahun gagal menjelaskan cukai perkhidmatan kepada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. Ingin saya bertanya kepada pihak Kementerian Kewangan mengapakah tindakan sivil tidak diambil ke atas mereka yang enggan membayar cukai perkhidmatan ini seperti yang dilakukan oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri. Jarang-jarang saya membaca dalam surat khabar tentang kes-kes yang dihadapi ke mahkamah oleh cawangan atau Unit Tindakan Sivil Jabatan Kastam.

Saya berpendapat, selagi Jabatan Kastam tidak mengambil tindakan yang tegas seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri, maka peniaga-peniaga ini tidak akan tampil untuk mendapatkan lesen dan membayar cukai perkhidmatan. Dalam perkara ini, harap pihak kementerian memaklumkan kepada Dewan ini berapakah kes di dalam tahun ini yang telah dihadapkan ke Mahkamah Sivil oleh Jabatan Kastam. Berapakah jumlah cukai perkhidmatan yang masih tertunggak dan perlu dipungut kembali oleh Jabatan Kastam.

Sekian dan saya menyokong Rang Undang-undang Akta Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2001. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz Abdul Rahman.

3.12 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong rang undang-undang ini, Akta Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2001.

Seperti sahabat saya yang menjadi expert di dalam bidang kastam ini, saya memang menyokong penuh supaya kita juga yang ingin hendak menjadikan Malaysia sebagai pusat membeli-belah, satu tarikan, Tuan Yang di-Pertua, di mana pelancong-pelancong luar negara pun dapat datang ke sini. Saya ingin bertanya sekarang, adakah mereka ini kini penjualan yang dibuat kepada mereka masih juga tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana, Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya kita ikut cara VAT di UK misalnya ataupun di Australia, GITS kalau tidak silap saya, di mana pelancong-pelancong yang pergi ke negara mereka, kalau kita hendak pergi membeli-belah di St. Figures, di Harrods atau Mark & Spencer di England atau pergi ke David Jones di Australia, kita boleh kumpulkan inouis kita ini lebih daripada kalau sekiranya macam di Mark & Spencer lebih daripada 70 pounds ataupun 100 pounds, kita boleh dapat balik duit kita itu di mana VAT itu kita boleh kutip sama ada secara *cash* atau secara di airport ataupun secara ianya dikreditkan ke akaun kita.

Jadi kalau kita berbuat cara yang demikian, kita buat sistem VAT di negara kita ini dan pada masa yang sama, kepada pelancong-pelancong yang datang ke negara kita ini, kita boleh memberikan keperluan-keperluan mereka untuk menuntut kepulangan balik daripada sistem VAT ini. Pada masa yang sama, memang saya juga terharu dengan sistem untuk jabatan kerajaan memberikan tindakan yang agak samar-samar terhadap mereka yang cuai membayar cukai perkhidmatan kerana memang saya bersetuju, memang saya tidak dengar lagi kes di mana kalau 50% tidak membayar cukai perkhidmatan ini, mungkin sekarang ini, ianya telah pun meningkat dekat berbilion-bilion kepada kerajaan Malaysia. Jadi tidakkah pihak kerajaan memikirkan cara di mana setiap mereka yang dikenakan cukai perkhidmatan ini, ada satu terminal dari segi komputer, masuk sahaja satu penjualan, terus direkod ke dalam terminal ini dan terus ianya dikumpulkan di peringkat Jabatan Kastam dan Eksais, jumlah yang sepatutnya dibayar dan wang itu, Tuan Yang di-Pertua, secara *immediate*, secara serta-merta ianya dapat direkodkan ke dalam sistem yang wujud yang merangkaikan semua *outlet* penjualan ataupun tempat-tempat penjualan yang dikenakan cukai perkhidmatan ini. Dengan secara yang demikian, sistem yang begini dapat menentukan pertamanya, pihak kerajaan terus tahu daripada segi siapa yang berhutang atau tidak membayar cukai perkhidmatan kerana kalau kita biarkan, ianya terkumpul dari masa ke semasa, dan bila sampai tersekat ke hidung, Tuan Yang di-Pertua, dia tidak hendak bayar dah.

Susah dia hendak bayar, biar dia bankrap kerana terlalu banyak berhutang dengan pihak kerajaan.

Jadi, kita sepatutnya mengenakan cukai supaya setiap minggu duit itu terus mengalir kepada jabatan cukai sekiranya terminal-terminal yang *computerized* ini diwujudkan sebagai rangkaian. Selepas itu kita boleh juga, Tuan Yang di-Pertua, melantik agen-agen yang boleh menentukan supaya mereka dapat mengawasi setiap daerah daripada segi pembayaran cukai ini. Jadi, ada *regional zon*, dengan izin, atau wilayah tertentu yang mungkin boleh diswastakan sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Tidak tahulah ianya sekarang ini dibuat secara demikian.

Perkara semacam ini boleh diswastakan dan menerusi sistem komputer yang baru untuk menjadikan pihak jabatan lebih efisien dari segi pengutipan cukai perkhidmatan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tahu berapa ramai seperti yang disebutkan oleh saudara saya tadi yang telahpun didapati tidak membayar cukai ini dan berapa jumlahnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Senator Tuan Zainal bin Rampak.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dato' Charern bercakap atas pengalaman beliau semasa menjadi Pengarah Kastam. Saya kira memang saya bersetuju dengan pendapat beliau. Dato' Abdul Aziz bercerita tentang *computerization, controlling all incomes, taxes* dan sebagainya, dengan izin.

Saya cuma hendak tanya satu soalan, Tuan Yang di-Pertua. Kita lihat restoran yang mengusahakan kari kepala ikan. Ada berlambak. Saya lihat kadangkala dia buka restoran terlalu banyak, daripada satu tempat ke satu tempat. *Business* mereka saya kira cukup baik di kalangan mereka. Saya tidak tahu sama ada mereka ini dikenakan cukai ataupun bagaimana caranya pihak kementerian mengawasinya. Saya bukan berasa cemburu atau *jealous* tetapi, apa yang berlaku menunjukkan di sesetengah kawasan perumahan, Tuan Yang di-Pertua, kita lihat dia buka satu kedai daripada satu kedai yang lain dan sekarang pula Lembaga Majlis Perbandaran Subang Jaya, P.J., sudah bagi *warning* kepada dia orang. Bukan sahaja berniaga dalam kedai tetapi di *car park* pun dia berniaga juga. Dia letak meja, kerusi sehingga orang hendak *park* motokar pun tidak boleh.

Kalau hendak pergi ke klinik pun, tidak boleh *park* motokar, kena pergi ke tempat yang jauh-jauh untuk *park* motokar dan sebagainya. Saya tidak tahu sama

ada mereka ini dikenakan cukai pendapatan. Bagaimana cara kementerian mengawasi mereka? Saya tahu suatu ketika dahulu, semasa Timbalan Ketua Pengarah Pendapatan dan Yang di-Pertua, Datuk Hassan Ibrahim, mereka mengadakan pemeriksaan ke atas warung-warung dan sebagainya terutama sekali - dengan izin, *it's not a sensitive issue* - di kalangan mamak-mamak di kedai.

Jadi, saya lihat Datuk Hassan Ibrahim mengenakan cukai dan mereka terpaksa membayar berpuluh-puluh ribu ringgit. Tetapi, tidak tahu sekarang ini bagaimana kerana perniagaan begitu laris, begitu baik terutama sekali restoran-restoran kepala ikan yang berlambak di dalam negara kita, begitu laris sekali. Apakah pengawasan dan bagaimanakah pendapatan cukai yang dikenakan?
[Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, restoran kepala ikan sahaja?

Tuan Zainal bin Rampak:dan banyak restoran yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Zainal bin Rampak: Restoran kepala ikan dan juga restoran yang berlambak dijalankan oleh mereka ini di merata-rata tempat. Kadang-kadang kita lihat dia punya *outlet*, ada tiga-empat *outlet* di merata-rata tempat. Jadi, itu menunjukkan perniagaan mereka begitu maju sedangkan warung yang kecil-kecil ini tidak begitu maju tetapi restoran-restoran cukup maju. Saya tidak tahu bagaimana hasil pendapatan mereka. Adakah mereka ini dikenakan cukai, dipungut cukai oleh pihak kerajaan? Adakah kerajaan dapat mengawasi pendapatan mereka?

Saya yakin pendapatan mereka bukan kecil kerana ada sesetengah daripada mereka ini berniaga 24 jam, *24 hours*, siang malam berniaga di tiap-tiap restoran mereka. Jadi, sekarang sudah jadi kebiasaan banyak tempat yang berniaga 24 jam di Malaysia. Saya ingat kalau di Eropah kita pergi *by* 10 malam, 11 malam sudah tutuplah, tetapi di Malaysia ini, 24 jam. *Time* ini kita balik, kita boleh makan waktu pagi, 4.00 pagi, 5.00 pagi, 6.00 pagi. Selepas sembahyang subuh kita balik, masih lagi boleh makan. Ada mereka yang menjalankan pusat sedemikian. Jadi, saya ingin tahulah, Yang Berhormat, saya begitu serius mengikuti keadaan sedemikian oleh kerana kita takut pendapatan negara kurang sedangkan mereka ini menjadi begitu kaya dan berpendapatan begitu lumayan.,

Saya tidak tahulah sama ada benar atau tidak kerana kadang-kadang kita pergi makan di kedai mereka ini, kita diberi cuma resit yang kecil sahaja. Tuan Yang di-Pertua ada juga pergi makan kadang-kadang. Resit kecil itu dia beri kepada kita.

Ambil resit kecil yang berbayar, selepas itu dia selit ke atas paku meja. *There is no official receipt at all.* Kita hendak kira berapa pendapatan dia. Kalau dia tulis surat bagi kita satu resit, dan *copy* sama ada kepada kastam atau cukai pendapatan bolehlah kita lihat, tetapi tidak ada langsung. Bagaimana satu sistem harus dilakukan oleh kerajaan untuk memastikan pendapatan mereka ini, hasil daripada perbelanjaan rakyat ini yang memberi mereka keuntungan, kita mengenakan cukai atas sale *service* yang diberi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Dato' Hamzah.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya selepas mendengar sahabat saya, Senator Tuan Zainal bin Rampak, saya teringat tentang, bukan restoran tetapi penjual-penjual VCD, *tapes* tentang ucapan-ucapan beberapa pemimpin yang ada dalam negara ini, ucapan-ucapan beberapa orang penceramah yang ada dalam negara ini.

Saya hendak tanya dengan kerajaan, adakah satu sistem *enforcement* yang kita buat supaya dapat kita memantau mereka yang berniaga menjual *tapes* ucapan-ucapan atau ceramah-ceramah ini. Kalau ada cukai yang dikenakan kepada mereka, sekurang-kurangnya kita boleh mendengarnya sebelum mereka menjual barang-barang ini atau melihat barang-barang yang hendak dijual itu sama ada barang-barang itu boleh dijual, boleh diluluskan atau tidak?

Jadi, kalau kita boleh buat begini, dikenakan cukai kepada mereka, sesiapa sahaja yang membeli barang-barang yang tidak dikenakan cukai ini boleh dianggap sebagai satu perbuatan yang *illegal* - dengan izin - Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya mencadangkan Akta Cukai ini diperketatkan lagi sehingga barang-barang yang dikeluarkan seperti ini juga harus diambil kira untuk dikenakan cukai. Itu soalan saya dan saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Hamzah. Dengan ini, saya menjemput Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri Kewangan menjawab.

Dato' Chan Kong Choy: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada empat orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dalam Akta Cukai Perkhidmatan 1975. Dua orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang pelaksanaan sistem VAT ataupun sistem SST. Kerajaan belum bercadang untuk memperkenalkan sistem

VAT ataupun SST. Cukai jualan dan cukai perkhidmatan yang ada sekarang ini mencukupi untuk kerajaan mendapatkan hasil pada masa ini.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat juga menyentuh tentang perasaan kluatir mereka apabila tiba AFTA, maka pendapatan kerajaan melalui pengutipan duti import akan sangat berkurangan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini sungguhpun AFTA akan mula berlaku, dilaksanakan pada tahun 2003 tetapi sehingga sekarang terdapat sebanyak 90% barangan buatan ASEAN ini telah pun dikenakan cukai ataupun duti import tidak melebihi 5%, maka tidak ada jauh bezanya bila datangnya tahun 2003 ini.

Yang Berhormat Dato' Charern telah menyuarakan bahawa segala keputusan dan tindakan kerajaan dalam pengutipan ataupun dasar cukai perkhidmatan ini mestilah merupakan satu keputusan yang *consistent*. Ini memang merupakan satu pandangan yang baik dan pihak kerajaan akan terima dengan baik dan kita janji akan berhati-hati semasa kita mengambil tindakan ataupun mengambil sesuatu keputusan, kita akan memastikan bahawa keputusan ini adalah satu keputusan yang *consistent*. Tentang berapa kes sewa telah diambil kepada mereka yang enggan membayar cukai – saya mempunyai beberapa angka di sini, dalam tahun 1999 sebanyak empat kes amaun terlibat ialah RM152,546 manakala dalam tahun 2000 sebanyak lapan kes yang telah diselesaikan yang melibatkan amaun sebanyak RM415,168.

Kes yang dapat dipungut balik hasil daripada gesaan iaitu pra tindakan sivil, dalam tahun 1999 sebanyak tiga kes, amaun terlibat ialah RM14,606; dan dalam tahun 2000 sebanyak 12 kes dan amaun yang terlibat ialah RM1,094,034,030.

Senator Dato' Charern juga bertanya cukai perkhidmatan 5% bagi rumah bir tidak dipungut di Sabah dan Sarawak. Di Sarawak, Lembaga Pelesenan Eksais tidak ditubuhkan oleh kerajaan negeri. Salah satu kriteria bagi pelesenan rumah bir adalah premis berkenaan perlu mempunyai lesen eksais dan oleh kerana lesen eksais tidak dikeluarkan di Sarawak dan pelesenan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan bagi rumah awam dan rumah bir tidak dapat dilaksanakan di negeri Sarawak. Tetapi di negeri Sabah pengenaan cukai perkhidmatan atas rumah awam memang dilaksanakan di Sabah buat masa sekarang ini.

Tentang kutipan ataupun pemungutan cukai perkhidmatan di restoran kepala ikan ataupun warung dianggap ala Malaysia, untuk makluman Dewan yang mulia ini cukai perkhidmatan kena dibayar di mana sesuatu restoran ini *business turn overnya*

dalam sesuatu tahun ini bila sampai RM500,000, bila dia sampai *threshold* RM500,000 setahun, maka restoran ini kena memohon lesen daripada pihak kastam dan dia kena mengutip cukai perkhidmatan sebanyak 5% bagi pihak kastam. Cukai ini sebagai ejen sahaja, dia kutip dan kena bayar kepada pihak kastam. Pihak kastam memang selalu melakukan *solvent* serta juga operasi-operasi khas untuk menentukan restoran-restoran yang sudah sampai ke *threshold* RM500,000 ini supaya mereka kena bayar cukai perkhidmatan dan kalau Yang Berhormat ada maklumat spesifik Yang Berhormat sila memaklumkan kepada pihak kastam ataupun kepada pihak restoran.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat barangkali bukan sahaja saya tetapi pihak kastam juga boleh mengadakan pemeriksaan secara mengejut, tidak perlu kepada orang ramai, tetapi pihak kastam sendiri boleh mengadakan pemeriksaan mengejut. Sekarang banyak restoran yang beroperasi sedemikian, kita tahu *capital expenses* macam kelapa ikan, Tuan Yang di-Pertua, kalau beli di pasar just about RM5 tetapi dijual dengan kita sampai RM25, RM35 satu kepala ikan, berapa keuntungan dia dapat?

Jadi, sebab kalau hendak kira – saya tidak tahu, soalan saya berbalik kepada Yang Berhormat bagaimana kita hendak memastikan kepada pihak kerajaan dia punya pendapatan (*income*) RM500,000 sedangkan resit tidak dikeluarkan. Resit itu cuma macam resit, *just a small piece of paper*, dia tulis conteng-conteng, dia taruh dan beri untuk kita bayar, *that's all*. Jadi, tidak secara *official*.

Jadi, mesti ada satu sistem sebab itu saya nyatakan, oleh kerana keuntungan yang diperolehi oleh mereka begitu tinggi. Barang yang dibeli murah RM5, jual dapat keuntungan sampai 75%, 85% satu barangan. Ini satu kehilangan yang paling besar kepada pendapatan negara dan sedangkan mereka kaya-raya, buka restoran bukan satu, tetapi dua, tiga, empat, menyeluruh macam 'cendawan tumbuh' di setengah-setengah kawasan mereka beroperasi.

Jadi, sesuatu yang harus dilakukan dengan serta-merta takut kerajaan hilang pendapatan, negara hilang pendapatan. Ini yang perlu dikaji, saya rasa dan saya ingat barangkali, oleh kerana saya biasa pergi makan Yang Berhormat, Yang Berhormat juga pergi makan. Saya tengok restoran 'kayu'kah daripada [Disampuk] Pulau Pinang beroperasi, dengan pantas sudah lima, enam buah restoran dibuka di merata-rata tempat. Suatu hari saya masuk dan makan, anak saya order kelapa ikan dan all in untuk dua orang makan dekat RM60 lebih, saya pun terperanjat, saya

cakap jangan makan kelapa ikan lagilah [*Ketawa*] dan jangan makan barang-barang lain, *that is simple*.

Jadi, ini masalah yang kita hadapi. Selain daripada cukai kerajaan kehilangan pendapatan, masalahnya soal kos perbelanjaan yang begitu tinggi, yang meningkat di restoran-restoran ini, itu yang menjadi masalah. Jadi, kita harus cuba mencari jalan selain dari menambah pendapatan negara dan kos ini dapat diketahui, kita tahu *control* berapa harga barang sebenar yang dikeluarkan. Ikan dibeli cuma RM5 sahaja, dia jual RM25, RM35.

Dato' Chan Kong Choy: Terima kasih, Yang Berhormat. Keuntungan sesebuah restoran ini tidak ada kaitan dengan cukai perkhidmatan. Keuntungan ada kaitan dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (Income Tax). Cukai jualan ini, mereka kena bayar apabila *business volume*nya melebihi RM500,000. Tidak kira dia rugikah, dia untung kah, apabila *business volume*nya sampai RM500,000, dia kena bayar dan pihak kastam selalu mengambil tindakan untuk memastikan bahawa restoran-restoran yang sampai *ratio* ini tidak lari daripada mengutip cukai perkhidmatan.

Misalan kata, baru-baru ini pihak kastam telah mengadakan satu Ops Kesan di mana kita telah berjaya, bukan sahaja dalam meningkatkan kesedaran mereka ataupun yang terlibat dalam berbagai *business* dalam aspek percukaian, Ops Kesan ini telah berjaya untuk meningkatkan kutipan kerajaan, baik dari kutipan cukai perkhidmatan ataupun cukai jualan. Kita juga dapat mengesan restoran-restoran ataupun pengusaha-pengusaha yang setakat ini belum lagi membayar cukai perkhidmatan ataupun cukai jualan dan kastam boleh on the spot untuk melesenkan restoran yang terlibat supaya mereka boleh mula mengutip cukai perkhidmatan dengan serta-merta. Terima kasih, Yang Berhormat.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Ada kemusykilan sedikit ini, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak faham kerana ada juga restoran yang kecil-kecil yang saya rasa tidak mungkin dari segi *turnover*nya melebihi RM500,000 tetapi mengutip cukai perkhidmatan ini. Jadi, ada tidak kemungkinan restoran-restoran yang kecil-kecil ini kutip – kita tengok dalam bill kita itu ada perkhidmatan 5% tetapi kutip untuk dia sendiri dan tidak bayar kepada pihak kerajaan kerana ianya tidak sampai RM500,000 dan tidak perlu membayar kepada pihak kerajaan tetapi kutip, tambah kepada keuntungannya.

Jadi, macam mana kita hendak mengawasi? Adakah pihak kerajaan sudah jumpa perkara semacam ini ataupun cara hendak mengawasinya? Saya rasa memang ada ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Dato'.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Restoran yang tidak dilesenkan untuk mengutip cukai perkhidmatan dan mereka kutip, ini memang adalah merupakan satu kesalahan dan di bawah akta ini, boleh diambil tindakan dan boleh dibawa ke mahkamah. Maka, restoran yang dilesenkan, mereka dikehendaki untuk mempamerkan lesen mereka di tempat-tempat yang tertentu di mana pelanggan-pelanggan dapat memastikan bahawa restoran yang tertentu ini telah pun dilesenkan oleh pihak kastam untuk mengutip cukai tertentu bagi pihak kastam.

Maka, saya menasihatkan pelanggan-pelanggan dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum membayar segala cukai khususnya cukai perkhidmatan, bolehlah minta lesen daripada pihak kastam sebelum membayar cukai perkhidmatan yang disebutkan.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz... Ya.

Dato' Charern Intachat: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Dato' Charern, ada laluan.

Dato' Charern Intachat: Tuan Yang di-Pertua, mungkin apa yang dibangkitkan oleh saudara saya, Dato' Aziz ialah *service charge* bukan *service tax*. Ada restoran yang mengutip *service charge* dan ini tidak bersangkutan dengan *service tax*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Dato' menjawab.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Dato' Aziz juga mencadangkan supaya mengadakan *online system* bagi pungutan cukai perkhidmatan. Cadangan Yang Berhormat itu adalah satu cadangan yang baik tetapi tidak semua pihak yang terlibat mampu mengadakan peralatan yang diperlukan. Walau bagaimanapun, perkara ini akan diberi perhatian sewajarnya.

Yang Berhormat juga tanya tentang tunggakan cukai perkhidmatan sehingga kini. Untuk makluman Yang Berhormat, cukai perkhidmatan tertunggak sehingga akhir bulan Mac 2001 sebanyak RM42.7 juta, manakala penalti cukai perkhidmatan tertunggak sehingga akhir bulan Mac 2001 ialah sebanyak RM29.3 juta.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG EKSAIS (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.43 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu rang undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Eksais 1976 dibacakan kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan untuk menyelaras pindaan yang serupa yang dibuat di bawah Akta Kastam 1967 dan melibatkan 9 pindaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Eksais 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

4.44 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ini baik sekali sehinggakan tidak ada ruang lagi untuk memberikan pandangan dan pada masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan, undang-undang yang

dibentangkan oleh Timbalan Menteri semuanya boleh dikatakan *consequences*, sama sahaja.

Jadi, saya pun tengok, pandang kiri pandang kanan, terutama sekali *expert* saya di sini pun, dia kata semua serupa sahajalah. Jadi, kita amat bersetujulah dengan pihak kerajaan mencadangkan rang undang-undang ini sekali gus merangkumi setiap yang ada implikasinya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada komen, dijemput.

Dato' Chan Kong Choy: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat atas sokongan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG ZON BEBAS (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.47 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu rang undang-undang yang bernama suatu akta untuk meminda Akta Zon Bebas 1990 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan untuk menyelaraskan pindaan yang serupa yang dibuat di bawah Akta Kastam 1967 dan melibatkan lapan pindaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Zon Bebas 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dijemput Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz.

4.48 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun semua rang undang-undang yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri ini agak sama dari segi pindaannya, tetapi di dalam hal Akta Zon Bebas (Pindaan) 2001 ini saya ingin hendak menyentuh tentang dasar kerajaan berkenaan dengan pewujudan kawasan zon bebas cukai.

Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan bagi kita hendak mengimbangkan pembangunan negara, zon bebas bercukai ini terpaksa dibahagi-bahagikan mengikut kawasan-kawasan perindustrian lama dan juga kawasan-kawasan perindustrian yang disebutkan 'the emerging' ataupun yang hendak baru tumbuh ini, pertama sekali di sebelah pantai timur, Pahanglah terutamanya dan juga negeri Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kalau pihak kerajaan boleh memberitahu Dewan yang mulia ini, berapa banyak zon bebas cukai dan di mana ianya diwujudkan. Kerana saya dapati macam di Pahang, Tuan Yang di-Pertua, kita mewujudkan kawasan perindustrian di Kuantan dan di Kuantan ini memanglah sudah okey, tetapi kita juga mewujudkan kawasan perindustrian di kawasan pedalaman terutamanya di Temerloh, Mentakab.

Tuan Yang di-Pertua, jadi dahulu saya pernah mendengar pihak kerajaan berura-ura untuk mewujudkan kawasan bebas cukai atau mungkin dipanggil 'in land port', ini saya tidak berapa faham dari segi antara kawasan bebas cukai ataupun in land port.

Adakah ianya takrif yang sama dari segi perundangan ataupun berbeza. Bebas cukai ini kadangkala, Tuan Yang di-Pertua, ianya digunakan bagi kawasan perindustrian di mana produk-produknya boleh dijual tanpa cukai untuk dieksport atau mungkin untuk digunakan di pasaran antarabangsa.

Jadi, 'in land port' mungkin ianya digunakan untuk tujuan yang sama tetapi ianya di kawasan-kawasan pedalaman di mana produk-produk yang dikeluarkan oleh kawasan itu naik kereta api terus pergi kepada kawasan kapal terbang untuk dibawa keluar negara ataupun ke pelabuhan-pelabuhan.

Jadi, saya minta takrif sedikit kawasan zon bebas, kawasan 'in land port' dan mengimbangkan zon-zon ini antara kawasan-kawasan mengikut negeri, kalau di Pulau Pinang berapa banyak zon-zon semacam ini, Perak, Selangor, Johor, Sabah, Sarawak termasuklah Terengganu, Kelantan dan Pahang.

Jadi, kita hendak dengar dari pihak kerajaan bagaimana wujudnya the distribution, dengan izin, pertebaran kawasan-kawasan zon semacam ini. Dan adakah ianya kalau kita mewujudkan lebih banyak kawasan bebas cukai ini, memerlukan banyak lagi pegawai-pegawai ataupun kita telah mempunyai kawasan sistem pengkomputeran yang boleh secara komputer menentukan keluar masuknya barang-barang di satu-satu kawasan itu tidak menjejaskan dari segi kakitangan kerana sistem pengkomputeran diwujudkan untuk mengawasi setiap kawasan bebas cukai ini dan termasuk 'in land port' ini.

Jadi, kalau ini wujud mungkin kalau kita wujudkan banyak lagi kawasan-kawasan bebas cukai di 'in land port', kita tidak memerlukan peningkatan dari segi jumlah kakitangan untuk mengawasi kawasan-kawasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, jadi ini kalau kita boleh mewujudkan kawasan Multimedia Super Corridor, mewujudkan tidak lama lagi, insya–Allah, lembah biotechnology, kita juga sepatutnya mewujudkan banyak lagi kawasan bebas cukai ini kerana ianya akan menggalakkan dari segi penarikan industri-industri yang mengeksport barangan-barangan mereka ke kawasan-kawasan yang pedalaman sedikit, yang kurang maju.

Jadi, ini tentu sahaja mengimbangkan dari segi nisbah pembangunan setiap kawasan dan setiap wilayah. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

4.53 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Di bawah cadangan untuk pindaan kepada Akta Zon Bebas ini, ada satu pindaan kepada Seksyen 33 ada sedikit yang perbezaan daripada pindaan-pindaan kepada akta-akta yang lalu, jadi ada ruang sedikitlah untuk perbincangan.

Saya dapati dalam pindaan yang dicadangkan kepada Seksyen 33(2) ini, ini berkaitan dengan mengimportkan barang ke dalam Malaysia yang melibatkan barang-barang secara mutlak atau bersyarat itu dilarang diimportkan dan ada diperuntukkan kalau apabila kompaun dan sebagainya dibayar, maka barang-barang

semacam ini boleh dijual dan hasil daripada jualan itu akan dilucuthakkan atau forfeitted, dengan izin, tetapi saya ingin tahu kalau barang itu dilarang diimport dan kalau didapati sudah ada dan kemudian disita dan selepas denda-denda dan kompaun-kompaun yang berkenaan telah dibayar, dan benda ini tidak boleh dipulangkan kepada mereka yang mengimportkannya, dan kalau tidak dijual tetapi hanya dilucuthakkan, maka apa akan terjadi kepada barang-barangan ini. Adakah itu bermakna pihak yang berkenaan akan menyimpannya dan adakah ini dapat dikeluarkan nanti dengan tidak diketahui dan adakah barang-barang yang dilarangkan ini barang-barang yang tidak sesuai untuk negara kita ataupun barang-barang yang mungkin akan membawa bahaya.

Lebih baik, pada pendapat saya, kalau barang semacam ini bukan dilucuthakkan tetapi dimusnahkan. Kalau dimusnahkan, ini bermakna siapa pun tidak boleh menggunakan barang-barang ini. Dan, kalau barang-barang larangan ini dijual, bagi saya ini juga tidak sesuai. Sungguhpun *proceed* atau bayaran penjualan itu boleh disimpan oleh pihak berkuasa, tetapi kalau barangan ini dianggap tidak sesuai untuk diimport, kenapa kita biarkan ia dijual.

Jadi, pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 33 ini yang memberi peruntukan kepada barang yang dilarang itu, bagi saya patut berbunyi, kalau didapati selepas mereka dikompaun dan sebagainya, barang ini patut dimusnahkan dan bukan hanya dilucuthakkan. Kalau dilucuthakkan, itu bermakna barang itu masih ada dan di bawah kawalan pihak-pihak tertentu dan kalau kita tidak mengawasi dengan baik mungkin dapat dikeluarkan dan digunakan. Dan, sama ada ini akan membawa masalah kepada negara kita.

Itulah komen saya, dan saya menyokong pindaan-pindaan kepada Akta ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

4.55 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada dua orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Akta Zon Bebas 1990.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman menyentuh tentang kriteria untuk penentuan ataupun menjadikan sesuatu kawasan sebagai zon bebas.

Penentuan penubuhan sesuatu kawasan sebagai zon bebas adalah untuk memajukan sesuatu kawasan bagi tujuan tertentu untuk perdagangan dan menggalakkan pertumbuhan industri-industri berorientasikan eksport.

Industri-industri dalam kawasan zon bebas di Malaysia dianggap sebagai kawasan yang menikmati kemudahan-kemudahan istimewa seperti berikut:

- (i) Pergerakan masuk keluar barang-barang dianggap sebagai import dan eksport. Dalam keadaan biasa pelepasan barangan dilakukan secara *direct release*, dengan izin;
- (ii) Bahan mentah ataupun *component* tidak dikenakan cukai bagi tujuan pengilangan di zon perindustrian bebas;
- (iii) Zon perdagangan bebas dibenarkan melakukan aktiviti pecah pukat pengilangan yang *simple*; dan
- (iv) Pelepasan barang dibenarkan 24 jam.

Setakat ini terdapat 13 zon perindustrian bebas dan terdapat 12 zon perdagangan bebas. Dan, laporannya seperti berikut, iaitu bagi Zon Perdagangan Bebas sebanyak 12 ialah terletak di:-

- (i) Mukim Plentong, Johor Bharu, Johor.
- (ii) Pengkalan Kubur, Tumpat, Kelantan.
- (iii) Bukit Kayu Hitam.
- (iv) Mukim Kapar, Selangor.
- (v) Westport, Pulau Indah, mukim Kelang, Selangor.
- (vi) Deep Water Wharf, Seksyen 4, Butterworth, Seberang Perai.
- (vii) Mukim 12, District of Barat Daya, Pulau Pinang.
- (viii) Bukit Kayu Hitam Town
- (ix) Mukim Sungai Laka, Kubang Pasu, Kedah.
- (x) Duty Free Area di Stulang Laut, Johor Bharu.
- (xi) Kuala Lumpur International Airport, Sepang.
- (xii) Mukim Tanjung Kupang, Johor Bharu, Johor.

Manakala zon perindustrian bebas adalah seperti berikut:

- (i) Mukim Plentong, Johor Bharu.
- (ii) Mukim Peringit, Central District, Melaka.
- (iii) Mukim Tanjung Keling, Melaka.
- (iv) Mukim Peringit dan Bukit Bahru, Melaka.

- (v) Mukim Ulu Kinta, Perak.
- (vi) Telok Panglima Garang, di kawasan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan juga, Selangor.
- (vii) Mukim Ulu Klang, Selangor.
- (viii) Mukim Damansara, Selangor.
- (ix) Prai, Seberang Prai.
- (x) Bayan Lepas, Pulau Pinang.
- (xi) Batu Berendam, mukim Bacang, Melaka.
- (xii) Kinta, mukim Ulu Indah, Perak.
- (xiii) Sama Jaya, Kuching, Sarawak.

Ini merupakan ke 25 zon bebas yang disebutkan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, mengenai apa akan dilakukan kepada barang-barang yang dilucuthak. Biasanya ada 3 pilihan.

- (i) Dijual.
- (ii) Dimusnahkan.
- (iii) Dihadiahkan seperti kepada rumah-rumah kebajikan.

Maka kita akan kaji mengenai keadaan yang sebenarnya di mana pilihan yang merupakan pilihan yang terbaik akan kita lakukan mengikut praktis seperti saya sebutkan tadi. Dan, kalau dijual kita hanya akan menjualkannya kepada pihak-pihak yang mempunyai lesen import ataupun dengan syarat dieksport semula. Kebiasaannya dimusnahkan kalau tidak dijual. Ini merupakan jawapan saya kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin.

Tentang *inland port*, perbezaan antara zon bebas dan juga *inland port* yang ditanya oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman. *Inland port* biasanya diwujudkan di bawah seksyen 2, Akta Kastam sebagai, dengan izin, *a common user inland facility equipped with fixed installations and offering services for handling and temporary storage of any kind of goods carried by land*, dengan izin. Maka dengan tafsiran saya kepada Zon Bebas sebentar tadi memang kita sudah dapat perbezaan antara *in-land port* dan juga zon bebas. Sekian, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM 2001

5.06 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan undang-undang baru bagi menyediakan peruntukan ke atas kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan pengubahan wang haram, langkah-langkah yang akan diambil bagi mencegah pengubahan wang haram dan peruntukan-peruntukan bagi mewujudkan hak harta yang dihasilkan daripada atau yang melibatkan pengubahan wang haram dan bagi perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pengubahan ataupun pemindahan wang haram adalah merupakan proses penukaran wang tunai atau lain-lain harta yang dihasilkan daripada kegiatan jenayah dengan tujuan untuk memberikan gambaran bahawa ia adalah diperolehi daripada sumber yang sah. Isu pemindahan wang haram adalah merupakan satu isu antarabangsa yang memerlukan tindakan sejagat.

Bagi Malaysia, pemindahan wang haram mendatangkan ancaman kepada sektor kewangan negara termasuklah kemajuan pusat kewangan pesisir pantai di Labuan. Ia juga mendatangkan ancaman kepada usaha kita untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat kewangan serantau.

Beberapa organisasi antarabangsa telah memberi fokus kepada pengubahan wang haram. Organisasi-organisasi tersebut termasuklah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Pasukan Petugas Khas Tindakan Kewangan Bagi Membanteras

Pengubahan Wang Haram, dengan izin, Financial Action Task Force on Money Laundering (FATF), Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Bank Dunia, dengan izin, Offshore Group of Banking Supervisors (OGBS), Forum Kestabilan Kewangan atau Financial Stability Forum (FSF) dan dengan izin, Bank of International Settlement (BIS).

Dalam bulan Jun 2000, FATF telah menyenaraikan 15 buah negara dan wilayah di dunia sebagai negara-negara dan wilayah-wilayah yang tidak bekerjasama, dengan izin, Non Cooperative Countries and Territories (NCCTS) dalam usaha membanteras pengubahan wang haram. Tindakan tersebut adalah sebagai langkah untuk menggesa negara-negara dan wilayah-wilayah tersebut mengambil langkah mengemaskinikan undang-undang dan amalan mereka secepat mungkin terhadap pengubahan wang haram.

Langkah penamaan dimalukan, dengan izin, *namings and shaming* telah diikuti pula oleh negara G7 dengan melaksanakan tindakan mengenakan sekatan ekonomi ke atas negara dan wilayah-wilayah yang telah disenaraikan sebagai tidak bekerjasama.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, kita tidak mempunyai undang-undang khusus untuk menangani isu pemindaan wang haram ini. Peruntukan undang-undang mengenai pembinaan wang haram yang ada sekarang adalah diperuntukkan dalam beberapa perundangan iaitu seksyen 3 dan 4, Akta Dadah Merbahaya, Pelucuthak Harta 1988, seksyen 18, Akta Pencegah Rasuah 1997, Akta 575 dan seksyen 411 hingga seksyen 414, Kanun Keseksaan.

Oleh yang demikian, rang undang-undang ini telah digubal untuk menjadikan tindakan pencegahan dan pengubahan wang haram lebih efektif dan boleh digunakan secara menyeluruh serta mematuhi piawaian antarabangsa. Rang undang-undang ini bertujuan untuk menjadikan pengubahan wang haram sebagai satu kesalahan berat. Pengubahan wang haram tersebut merangkumi hasil dari kesalahan-kesalahan seperti pengedaran dadah, rasuah dan kesalahan-kesalahan di bawah Kanun Keseksaan seperti penculikan, rompakan, perdagangan manusia secara haram, perjudian, kegiatan maksiat dan *fraud*.

Ia juga memperuntukkan fungsi-fungsi atau organisasi perisikan kewangan yang diberi tanggungjawab untuk mengumpul, menganalisa dan menyebarkan maklumat mengenai urusan-urusan kewangan yang meragukan dan luar biasa.

Selain daripada itu, ia bertujuan untuk memperkukuhkan proses pengesanan dan penyiasatan bagi mendapatkan keterangan untuk membuktikan sesuatu kesalahan pengubahan wang haram dan untuk membenarkan pembekuan, perampasan dan penyitaan wang dan aset yang berhubung kait dengan kesalahan pengubahan wang haram.

Rang undang-undang ini juga dijangka akan memenuhi inisiatif-inisiatif badan antarabangsa ke arah untuk menghapuskan ancaman pengubahan wang haram termasuklah Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ke atas perdagangan gelap dadah narkotik dan bahan-bahan psikotropik, Konvensyen Vienna, Jawatankuasa Vessel ke atas amalan pengawalan dan penyeliaan perbankan Jawatankuasa Vessel dan kenyataan berhubung pencegahan penggunaan sistem perbankan bagi tujuan pelaburan wang haram Disember 1988, kenyataan prinsip-prinsip Vessel.

Petugas Khas Tindakan Kewangan Ke Atas Pengubahan Wang Haram (FATF) yang telah diasaskan di sidang kemuncak Overseas Economic Corporation For Development (OECD) pada tahun 1999, program global dalam membanteras pengubahan wang haram yang telah diterima pakai oleh Persidangan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan sesi khas mengenai penghapusan gejala dadah sedunia anjuran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang telah diadakan pada bulan Jun 1998.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan utama yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 ini adalah seperti berikut:

Bahagian I rang undang-undang ini mengandungi Fasal 1 hingga Fasal 3 yang berkaitan dengan perkara-perkara permulaan termasuklah tajuk ringkas, pewartaan dan pemakaian akta serta definisi ungkapan-ungkapan yang digunakan dalam rang undang-undang ini.

Bahagian II rang undang-undang ini mengandungi Fasal 4 hingga Fasal 6 yang berkaitan dengan kesalahan pengubahan wang haram. Fasal 4 akta ini memperuntukkan bagi kesalahan pengubahan wang haram dan penalti bagi kesalahan itu iaitu didenda tidak melebihi RM5 juta atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

Fasal 6 memberi perlindungan kepada sesiapa yang memberi maklumat kepada suatu agensi penguat kuasa mengenai pengetahuan di mana sesuatu harta itu diperolehi daripada pengubahan wang haram.

Fasal 6 memperuntukkan sekatan bagi menzahirkan perenggan di bawah Fasal 5 yang merangkumi pendedahan secara penerbitan bertulis atau penyiaran.

Jika fasal ini dilanggari, denda tidak melebihi RM50 ribu atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali dikenakan. Bagi kesalahan berterusan, denda tidak melebihi RM1,000 bagi setiap hari pelanggaran itu dilakukan boleh dikenakan.

Bahagian III rang undang-undang ini mengandungi Fasal 7 hingga Fasal 12 yang berkaitan dengan perisikan kewangan. Fasal 7 hingga Fasal 9 menjelaskan perantikan tugas-tugas dan fungsi-fungsi pihak berkuasa berwibawa. Antara fungsi pihak berkuasa berwibawa adalah untuk menerima, menganalisa, menghantar dan mengumpul maklumat atau laporan transaksi yang disyaki diterima daripada mana-mana orang atau institusi pelapor.

Pihak berkuasa berwibawa juga diberi kuasa untuk membenarkan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan atau mana-mana agensi penguat kuasa untuk mendapatkan *access* kepada maklumat yang dikehendaki.

Fasal 10 dan 11 membenarkan pihak berkuasa berwibawa berkomunikasi tentang apa-apa laporan yang diterima daripada institusi pelapor kepada satu pihak berkuasa luar negeri dan menghalang mereka yang telah mendapatkan maklumat dari pihak berkuasa berwibawa mendedahkannya kepada orang lain kecuali kepada orang yang juga diberi kuasa yang serupa dengannya dan manakala Fasal 12 membenarkan pendedahan maklumat pihak berkuasa berwibawa di dalam satu pendakwaan atau prosiding undang-undang.

Bahagian IV Rang undang-undang ini mengandungi Fasal 13 hingga 28 yang berkaitan dengan tanggungjawab institusi-institusi pelapor dan orang-orang lain yang berurusan dengan institusi-institusi pelapor. Fasal 13 hingga Fasal 17 menjelaskan peruntukan-peruntukan bagi sesuatu institusi pelapor dalam menyelenggara rekod transaksi kewangan yang melebihi had yang ditentukan oleh pihak berkuasa berwibawa. Institusi pelapor juga dikehendaki melaporkan kepada pihak berkuasa berwibawa apa-apa transaksi yang melebihi had yang ditetapkan atau mencurigakan atau yang dipercayai adalah hasil daripada satu aktiviti yang menyalahi undang-undang.

Fasal 18 mengenakan larangan kepada seseorang untuk membuka akaun dengan institusi pelapor dengan menggunakan nama palsu, rekaan atau tidak betul.

Fasal 19 mengehendaki institusi pelapor mengambil dan melaksana program dalam dan memprogram pematuhan bagi mengesan kesalahan di bawah akta ini ke atas setiap cawangan dan subsidiarinya, sama ada di dalam atau di luar Malaysia.

Manakala Fasal 20 pula memperuntukkan keperluan penzahiran yang mengatasi apa-apa larangan yang dikenakan oleh mana-mana undang-undang bertulis lain.

Fasal 21 hingga Fasal 22 memperuntukkan obligasi bagi pihak berkuasa pengawasan atau pihak berkuasa pelesenan ke atas institusi pelapor dan pemastian pematuhan setiap obligasi tersebut. Antara obligasi itu adalah memeriksa, mengawal selia, mengawal dan mengesahkan institusi pelapor menerima pakai dan mengimplementasikan program pematuhan yang ditetapkan.

Fasal 23 menjadikan satu kesalahan bagi sesiapa yang meninggalkan atau memasuki sempadan Malaysia tanpa mengisytiharkan jumlah wang tunai atau instrumen pembawa boleh niaga melebihi jumlah yang ditentukan oleh pihak berkuasa berwibawa.

Deklarasi tersebut akan juga dianggap sebagai satu deklaras di bawah Akta Kastam 1967 di mana Fasal 24 pula bertujuan untuk melindungi setiap orang yang menzahirkan apa-apa maklumat di bawah bahagian ini daripada prosiding sivil, jenayah dan disiplin.

Fasal 25 hingga Fasal 28 membenarkan pihak berkuasa berwibawa untuk menjalankan pemeriksaan ke atas buku-buku institusi pelapor atau orang perseorangan bagi memastikan pematuhan kepada akta ini dan memperuntukkan pemusnahan rekod-rekod pemeriksaan.

Bahagian V Rang undang-undang ini mengandungi Fasal 29 hingga Fasal 43 dan ia berkaitan dengan kuasa-kuasa penyiasatan pelbagai agensi penguatkuasaan. Fasal 29 menjelaskan kuasa pihak berkuasa berwibawa atau mana-mana agensi penguat kuasa dalam menjalankan penyiasatan jika mengesyaki bahawa satu kesalahan di bawah akta ini sedang, telah atau akan dilakukan.

Fasal 30 hingga Fasal 35 pula, menjelaskan mengenai pelantikan pegawai penyiasat oleh pihak berkuasa berwibawa atau agensi penguat kuasa dan kuasa-kuasanya jika ia mengesyaki suatu kesalahan di bawah akta ini telah dilakukan dan

melarang seseorang menghalang penyiasatan dibuat atau memberi maklumat bahawa satu penyiasatan sedang dilakukan.

Fasal 36 hingga 38 menjelaskan kuasa pegawai penyiasat khususnya untuk mendapatkan penterjemahan bagi apa-apa dokumen yang ditemui dan diminta penyerahan harta atau apa-apa dokumen dibuat kepadanya serta menjelaskan kuasa pegawai penyiasat untuk menyita, menyimpan atau mengambil milik harta atau dokumen yang dikumpulkan kepadanya.

Fasal 39 dan 40 pula mengenakan obligasi kepada pegawai penyiasat untuk melepaskan semula apa-apa barang yang telah disita dan menjelaskan kebolehterimaan rekod pemeriksaan sebagai keterangan bagi satu kesalahan di bawah akta ini di dalam mana-mana prosiding mahkamah.

Fasal 41 hingga Fasal 43 menjelaskan kuasa pegawai penyiasat untuk menahan tanpa waran orang yang disyaki telah atau sedang melakukan kesalahan di bawah akta ini mengenakan tanggungjawab kepadanya untuk menyerahkan orang tersebut kepada pegawai polis atau balai polis terdekat serta memperuntukkan bahawa pegawai penyiasat hendaklah dianggap sebagai seorang pekhidmat awam atau seorang pegawai awam.

Bahagian VI Rang undang-undang ini mengandungi Fasal 44 hingga 66 yang memberi peruntukan mengenai pembekuan penyitaan dan pelucuthakan harta mana-mana orang yang disyaki melakukan kesalahan pengubahan wang haram. Fasal 44 menjelaskan kuasa-kuasa sesuatu agensi penguat kuasa untuk mengeluarkan suatu perintah pembekuan ke atas harta seseorang yang disyaki melakukan suatu kesalahan pengubahan wang haram. Namun begitu, perintah itu akan terhenti berkuat kuasa jika ia tidak dipertuduhkan dengan mana-mana kesalahan di bawah akta ini.

Fasal 45 hingga Fasal 47 memberi kuasa kepada pegawai penyiasat untuk menyita harta alih jika mengesyaki harta itu adalah perkara subjek kepada satu kesalahan pengubahan wang haram atau sebagai keterangan kepada kesalahan itu yang menjelaskan kuasa seorang hakim Mahkamah Tinggi untuk memerintah seorang peguam bela dan peguam cara untuk menzahirkan maklumat berkaitan harta yang akan disita.

Fasal 48 hingga Fasal 51 menjelaskan kuasa-kuasa Pendakwa Raya dalam mengarahkan supaya suatu penyiasatan dijalankan ke atas sebuah institusi kewangan mendapatkan maklumat daripada orang yang disyaki melakukan

kesalahan pengubahan wang haram atau mana-mana orang yang dipercayai boleh membantu siasatan, memerintahkan sesebuah institusi kewangan untuk tidak berurusan dengan mana-mana harta alih yang menjadi hal perkara kepada suatu kesalahan pengubahan wang haram dan perintahkan penyitaan harta tidak alih yang merupakan hal perkara kepada kesalahan pengubahan wang haram.

Fasal 52 membolehkan penyitaan dilakukan ke atas sesebuah perniagaan jika mana-mana agensi penguat kuasa dipercayai bahawa perniagaan itu berkaitan dengan kesalahan pengubahan wang haram.

Fasal 53 dan 54 pula menjelaskan perintah larangan dari berurusan dengan harta di luar Malaysia di mana Pendakwa Raya berpuas hati bahawa harta tersebut merupakan hal perkara kepada satu kesalahan pengubahan wang haram atau lebih digunakan dalam melakukan atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan tersebut dan menjelaskan bahawa urusan yang dijalankan ke atas harta yang telah disita di bawah akta ini adalah terbatal dan tidak sah.

Fasal 55 hingga 59 menjelaskan kuasa mahkamah dalam membuat perintah perlucuthakan ke atas harta yang dibuktikan menjadi hal perkara kepada kesalahan pengubahan wang haram dan kuasa Pendakwa Raya bagi memohon kepada hakim Mahkamah Tinggi untuk melucuthakkan ke atas harta dibuat jika tiada pendakwaan atau sabitan direkodkan bagi kesalahan pengubahan wang haram.

Selain dari itu, dijelaskan juga bahawa kesahan pembekuan penyitaan atau jualan hendaklah tidak terjejas oleh apa-apa halangan berkaitan dengan bentuk atau cara yang dilaksanakan. Fasal-fasal berkenaan juga menjelaskan mengenai perletakan harta yang telah dilucuthakkan kepada Kerajaan Persekutuan dan perintah penalti kewangan yang boleh dibuat oleh Mahkamah Sesyen atau permohonan sesuatu agensi penguat kuasa ke atas orang yang darinya suatu harta telah dilucuthakkan dan telah mendapat faedah dari perlakuan kesalahan pengubahan wang haram tersebut.

Fasal 60 hingga 66 membolehkan pegawai penyiasat melepaskan harta yang disita, menjelaskan hak-hak pihak ketiga yang suci hati, *bona fide* yang mempunyai kepentingan ke atas harta yang akan dilucuthakkan, memperuntukkan cara-cara harta yang telah dilucuthakkan boleh dilupuskan oleh dan Kerajaan Persekutuan diberi kuasa untuk menyimpannya bagi kegunaan rasmi atau menjualnya.

Fasal-fasal tersebut juga memperuntukkan mengenai tanggapan bersalah kepada orang yang melarikan diri berkaitan dengan satu kesalahan berat atau

orang yang telah mati sebelum apa-apa prosiding dimulakan atau sebelum ia didapati bersalah bagi kesalahan tersebut atau orang yang tidak boleh dijumpai, ditahan atau diekstradisi selepas enam bulan daripada penyiasatan dijalankan. Berikutan daripada itu, satu perintah pelucuthakan boleh dikeluarkan oleh mahkamah jika berpuas hati bahawa orang itu sememangnya telah melarikan diri dan bagi orang yang telah mati, tindakan undang-undang boleh diambil terhadap wakilnya.

Bahagian VII Rang undang-undang ini mengandungi Fasal 67 hingga Fasal 93 yang berkaitan dengan perkara-perkara pelbagai. Fasal-fasal tersebut menjelaskan kuasa pihak berkuasa berwajib dalam mendapatkan sebarang dokumen atau maklumat untuk pengesahan harta yang terlibat dengan pengubahan wang haram dan memperuntukkan bahawa sabitan boleh dibuat jika hanya berdasarkan keterangan dengan izin, *agent provocateur*.

Selain dari itu, Fasal-fasal tersebut juga memperuntukkan mengenai kebolehterimaan keterangan berdokumen di bawah akta ini, sabitan atau perbebasan dan kebolehterimaan bukti sama ada kesalahan pengubahan wang haram telah dilakukan atau tidak ditanggung rugi seseorang yang melaksanakan apa-apa kuasa di bawah akta ini, penyerahan notis, kewajipan untuk mengekalkan kerahsiaan maklumat didapati menurut akta ini, kuasa kepada Menteri Kewangan untuk memberi pengecualian dan membuat pengubahsuaian berkenaan dengan pemakaian akta ini kepada institusi kewangan luar pesisir, pemakaian luar wilayah akta ini, kuasa pihak berkuasa berwajib untuk mengeluarkan garis panduan dan sebagainya di bawah akta ini dan peruntukan untuk memberi kuasa kepada Menteri Kewangan atau Menteri Dalam Negeri untuk membuat peraturan berhubung dengan akta ini.

Fasal-fasal tersebut juga memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk meminda Jadual Pertama dan Kedua akta ini melalui pewartaan memperuntukkan kesalahan am ke atas kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang dalam sifat rasminya dan kesalahan yang dilakukan oleh seseorang individu memperuntukkan bagi kesalahan berkaitan dengan catatan-catatan dalam buku dokumen dan sebagainya.

Memperuntukkan bahawa suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah akta ini adalah suatu kesalahan yang membolehkan tangkapan dibuat, menjelaskan mengenai percantuman kesalahan dan kuasa pihak berkuasa berwajib untuk

mengkompaun kesalahan di bawah akta ini dengan kebenaran pendakwa raya yang menjelaskan bagi apa-apa pendakwaan kesalahan di bawah akta ini, hendaklah terlebih dahulu mendapat keizinan bertulis daripada pendakwa raya.

Jadual Pertama akta ini pula memperuntukkan jenis-jenis perniagaan yang dimasukkan dalam takrifan institusi pelabur. Jadual Kedua pula menyenaraikan kesalahan berat di bawah akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan penggubalan akta ini di atas, dibuat setelah mengambil kira peri pentingnya bagi Malaysia untuk melaksanakan suatu undang-undang untuk menangani permasalahan pengubahan wang haram. Dengan rang undang-undang yang saya syorkan itu, saya yakin Malaysia akan dapat membanteras pengubahan wang haram dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan pengubahan wang haram, langkah-langkah yang hendak diambil bagi mencegah pengubahan wang haram dan untuk mengadakan peruntukan bagi pelucuthakan harta yang diperolehi daripada atau terlibat dalam pengubahan wang haram, dan bagi perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya, dengan ini dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.28 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah pun sampai masanya untuk Rang Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 ini dibentangkan di Dewan Rakyat dan di Dewan Negara kerana, Tuan Yang di-Pertua, berasaskan kepada pembangunan ekonomi yang begitu pesat di seluruh pepsok dunia, memang telah pun banyak terjadi kes-kes di mana wang-wang yang diterima secara haram diubah atau dihalalkan menerusi pelbagai cara.

Kalau kita lihat dan kita masih ingat, Tuan Yang di-Pertua, dari segi bagaimana Amerika membangun di atas usaha-usaha, kadangkala yang dibuat oleh kumpulan-kumpulan mafia kerana ini ada kaitannya kerana pada waktu itu, Tuan Yang di-Pertua, kumpulan mafia ini yang kebanyakannya berketurunan Eropah, Itali

dan sebagainya mula mengadakan kegiatan-kegiatan perdagangan secara tanpa izin, tidak mengikut undang-undang. Pada waktu itu, kebanyakannya menjalankan kegiatan-kegiatan di mana bahan-bahan minuman arak yang dipanggil *moonlighting*, *is it moonlighting?* [Bertanyakan kepada seorang Ahli Yang Berhormat] dia buat bahan-bahan secara bersorok-sorok, selepas itu dia hantar.

Kalau kita lihat dalam wayang-wayang gambar zaman pada waktu itu, dihantar barang-barang minuman ini bukan sahaja ke seluruh rumah-rumah minuman, rumah bir dan sebagainya seperti yang disebutkan oleh sahabat saya tadi di New York, bahkan dihantar sampai ke sempadan, ke Kanada dan sebagainya dan mereka ini apabila mendapat daripada segi kewangan, daripada segi pendapatan yang begitu lumayan yang membuatkan minuman-minuman arak secara haram ini, menggunakan wang itu untuk menjadikan satu empayar, selepas itu dia pula menggiatkan diri, Tuan Yang di-Pertua, di kedai-kedai dobi, sebab itulah dipanggil *laundering*.

Ini yang saya hendak ceritakan bagaimana perkataan *laundering of money* ataupun mendobi. Di negara kita dipanggil dobi, kedai dobi, kedai cuci kain. Ada *laundering of the money*. Dia gunakan.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato', nampak cerita ini sedap. [Ketawa]. Yang Berhormat baru memulakan mukadimah, kita minta maaf oleh kerana masa sudah cukup. Dengan ini, kita akan sambung esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat Dewan ini ditangguhkan ke hari esok, hari Rabu, 6 Jun 2001, jam 10.00 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

9 Mei 2001

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum, D.P.M.S.
(Dilantik)
- " Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,
Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
(Dilantik)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)
- " Menteri Pendidikan,
Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N.,
D.P.C.M. (Dilantik)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin
(Dilantik)
- " Timbalan Menteri Pendidikan,
Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
(Dilantik)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, (Dilantik)
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Datuk M. Kayveas P.J.N. (Dilantik)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan
Datuk Zainudin bin Maidin, (Dilantik)
- " Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- " Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub (Dilantik)
- " Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- " Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
- " Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- " Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun
(Dilantik)
- " Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,
B.K.M. (Kedah)
- " Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- " Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- " Dr. Charlie Chau-Lap Chang (Dilantik)
- " Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)

- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)
Yang Berhormat Dato’ Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- ” Datuk Christina Tibok Vanhouten (Sabah)
- ” Datuk Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Datuk Ghazi bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P.
(Selangor)
- “ Dato’ Hamzah bin Zainudin (Perak)
- “ Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
- “ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- “ Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
- “ Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Tuan Kee Ah Kau (Selangor)
- “ Dato’ Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae,
(Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mazlan bin Abu (Johor)
- “ Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
- “ Puan Melanie Chia Chui Ket (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ Haji Mohamed bin Ya’acob, P.S.M., P.M.K.,
S.P.M.K., Dato’ Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A.
(Dilantik)
- “ Dato’ Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)
- ” Tuan K. R. A. Naidu (Dilantik)
- “ Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
- “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)

" Dato' Poo Yew Choy, D.I.M.P., A.M.P. (Pahang)

" Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan M. Ratnam (Dilantik)

" Tuan M. Saravanan (Dilantik)

" Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)

" Tuan R. Sinniah (Dilantik)

" Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)

" Puan See Too Mee (Johor)

" Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor (Dilantik)

" Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)

" To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)

" Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)

" Tuan Yew Tuan Chiew (Perak)

" Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)

" Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA

PEGAWAIPEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara

Dato' Abdullah Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Paizah binti Sallehudin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

KESEPULUH**KETIGA****MESYUARAT PERTAMA**

Jilid III**Bil. 16****Selasa****5 Jun 2001**

K A N D U N G A N**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

USUL:

Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005)

(Halaman 26)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2001 (Halaman 48)
- Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 2001 (Halaman 76)
- Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2001 (Halaman 81)
- Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2001 (Halaman 93)
- Rang Undang-undang Zon Bebas (Pindaan) 2001 (Halaman 94)
- Rang Undang-undang Pencegahan
Pengubahan Wang Haram 2001 (Halaman 100)